


Jilid I
BU. 54



Hari Khamis
11hb Julai, 1991

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Dato' Alexander Yu Lung Lee (Batu) [Ruangan 8473]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8473]

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995—Y.A.B. Perdana Menteri
[Ruangan 8565]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 8650]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Program Bahasa Cina di TV—Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
[Ruangan 8651]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (**Sungai Siput**).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Perlanjian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permatang Pauh).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (**Pulai**).

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menieri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

Menleri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).

„ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menieri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

„ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUL, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehdwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., PPC. (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.I., P.G.D.K. (Koia Samarahan).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Maradu).

TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

„ DATUK HAJI BASRI BIN BAIURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GJLUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

„ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok),

„ DR V. DAVID (Puchung).

TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

TUAN HAJI GHAZALI BIN AIIMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

„ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).

„ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Anlu).

TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Bcrhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan),

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GoR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.I.K. (Maran).
- „ TOAN HAI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang),
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KmNGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUDIS, P.B.S. (Mas Gading),
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

PUAN HAAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Saitubong).

TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

TUAN HAJJ SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

„ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

„ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu),

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 11hb Julai, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA****CUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN:**

**Y.B. Dato' Alexander Yu Lung Lee
(Batu)**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah dibcikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkaranya 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Alexander Yu Lung Lee, Ahli bagi Kawasan Batu dari 10 Julai hingga 23 Julai, 1991.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****KLINIK PERGIGIAN
DI SEKOLAH-SEKOLAH**

1. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian

dalam melengkapkan sekolah-sekolah dengan klinik pergigian. Apakah kriteria yang digunakan bagi membolehkan sekolah-sekolah mendapat kemudahan tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun melengkapkan klinik pergigian di 527 buah sekolah rendah dan 102 buah sekolah menengah di seluruh negara. Di Sarawak sahaja terdapat klinik di 114 sekolah rendah dan 17 di sekolah menengah. Klinik pergigian di sekolah yang lain akan dibina secara beransur-ansur dalam setiap rancangan pembangunan lima tahun (melalui Rancangan Malaysia).

Pembinaan klinik pergigian di sekolah adalah untuk memudahkan murid-murid berkenaan mendapat rawatan pergigian. Olch itu, keutamaan adalah diberi kepada sekolah yang jauh dari klinik pergigian yang sedia ada. Bilangan murid melebihi 1,200 orang serta bilik yang sesuai untuk dijadikan klinik adalah juga di antara perkara yang diambilkira. Setiap projek yang dicadangkan akan dirunding terlebih dahulu di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan di peringkat negeri sebelum dikemukakan untuk pertimbangan agensi pusat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Kementerian ada hasrat

untuk mengadakan juga klinik-klinik pergigian di sekolah-sekolah swasta ataupun di sekolah-sekolah di bawah Kerajaan Negeri?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi.

Datuk Monggoh Orow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandang bahawa banyak sekolah-sekolah yang terdapat di negara kita ini dan pakar-pakar pergigian memang kurang dan memang Kerajaan tidak boleh mengadakan klinik-klinik di setiap sekolah, adakah Kerajaan mempunyai dasar untuk menubuhkan perkhidmatan pergigian bergerak supaya unit ini boleh melawat sekolah-sekolah yang terpencil di luar-luar bandar.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada juga unit-unit pergigian bergerak untuk memberi kemudahan kepada kawasan-kawasan yang jauh di kawasan pedalaman.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH—MATLAMAT

2. Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula peranan dan matlamat Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah yang telah ditubuhkan untuk membangunkan kawasan-kawasan Wilayah;
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menilai semula keberkesanan pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah ini seperti konsep pusat pembangunan (growth centre) dan lain-lain pendekatan dalam operasi Lembaga-lembaga ini pada masa akan datang;

- (c) khususnya bagi kawasan-kawasan Pahang Tenggara atau DARA, bagaimanakah prestasi dan pencapaiannya setakat ini. Selain daripada itu sejauh mana ianya telah mencapai tujuan asal pengwujudannya seperti penubukaan rancangan, penempatan penduduk, membuka peluang-peluang pekerjaan dan pembangunan kampung-kampung tradisi dalam kawasan tersebut; dan

- (d) jika matlamat dan strategi Lembaga Pembangunan Wilayah-wilayah ini belum mencapai tahap seperti yang disasarkan, apakah Kerajaan selepas 20 tahun pelaksanaan Pembangunan Wilayah akan menggubal satu dasar dan strategi baru bagi dekad 1990an. Selain dari itu apakah dasar dan strategi yang akan digunakan untuk mengatasi cabaran-cabaran ke arah 2020.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula peranan dan matlamat Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah yang telah ditubuhkan untuk membangunkan kawasan-kawasan pembangunan wilayah. Bagaimanapun, perancangan sesuatu Lembaga Kemajuan Wilayah dikaji semula untuk meningkat prestasi dan kemampuan Lembaga tersebut mengikut kehendak semasa.
- (b) Kerajaan sentiasa menilai dari masa ke semasa keberkesanan pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam merancang dan melaksanakan program-program pembangunan Lembaga

Kemajuan Wilayah seperti konsep pusat pembangunan (growth centre) dan lain-lain.

- (c) Setakat ini prestasi dan pencapaian DARA adalah memuaskan berbanding dengan tujuan asal pengwujudannya. Yang jelas sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah dari hutan-hutan belantara kawasan Pahang Tenggara telah menjadi satu kawasan pembangunan melalui tigajalan-jalan utama, iaitu Jalan Tun Abdul Razak, Ibam-Rompin dan Bahau-Keratong.

Sehingga kini kawasan yang telah dimajukan untuk pertanian ialah seluas 222,399 hektar atau 65% daripada kawasan yang diluluskan seluas 340,867 hektar.

Sebanyak 22 buah bandar telah dibangunkan daripada 36 buah yang dirancang mengikut pelan induk tahun 1970. Sebanyak 14,043 unit rumah dan ruang perniagaan dari pelbagai jenis telah disiapkan.

Pada hari ini, seramai 196,896 orang tinggal menetap di Wilayah ini. Sebanyak 40,299 peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam sektor pertanian, industri, perkhidmatan sosial dan institusi-institusi, perniagaan dan perdagangan. Sebanyak 5 buah Pusat Perkhidmatan telah juga diwujudkan di kampung-kampung tradisional.

- (d) Oleh kerana kebanyakan matlamat Lembaga Kemajuan Wilayah telah tercapai seperti yang diharapkan sejak ditubuhkan lebih kurang 20 tahun yang lalu, Kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal satu dasar baru bagi dekad 1990-an. Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Wilayah akan

menggunakan strategi yang sesuai mengikut keadaan setempat (local conditions and resources), dengan izin, selaras dengan dasar pembangunan negara dan cabaran-cabaran ke arah tahun 2020.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, salah satu Lembaga Kemajuan Wilayah ini ialah KESEDAR terdapat di negeri Kelantan. Soalan saya ialah adakah pihak Kementerian sedar bahawa Pengerusi, khususnya Ahli Lembaga Pengarah KESEDAR yang telah dilantik sekarang tidak mahu mengiktiraf tiga orang wakil yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan gagal menjemput mereka untuk menghadiri mesyuarat?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini satu maklumat yang baru dan, insya Allah, kita akan mengambil perhatian untuk melihatnya.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak berkuasa Lembaga Kemajuan Wilayah bercadang untuk mengizinkan pihak swasta untuk memainkan peranan di dalam kawasan-kawasan kemajuan Wilayah untuk membangunkan kawasan tersebut? Saya rasa kegagalan sebahagian besarnya ialah kerana Pusat-pusat Kemajuan Wilayah ini terlalu rigid, tidak mengizinkan pihak swasta untuk membangunkan pusat-pusat pertumbuhan di kawasan-kawasan tersebut.

Soalan kedua ialah mengapa, sebagaimana yang disebutkan tadi hanya 22 daripada 36 buah pusat pertumbuhan yang telah berjaya dibangunkan? Jadi, saya ingin tahu apakah sebabnya kegagalan yang baki tersebut?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, kita mengalukan semua pihak yang berkeinginan

serta mampu untuk memberikan sumbangan ke arah membangunkan Lembaga Kemajuan Wilayah-wilayah, termasuk swasta.

Soalan yang kedua, sebenarnya proses pembangunan ini merupakan satu usaha berterusan. Dari 36 buah rancangan yang disebutkan, 22 buah telahpun selesai dan bakinya adalah merupakan sebagai usaha-usaha yang akan diteruskan.

KAMERA PERANGKAP LAJU

3. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kamera perangkap laju yang sebenar dipasang di Lebuhraya Karak;
- (b) adakah terdapat pengurangan bilangan kemalangan selepas pemasangan kamera tersebut; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk memasang kamera seperti itu di lebuhraya yang lain.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan alat perangkap had laju radar berkamera automatik yang dipasang oleh pihak Polis di Lebuhraya Karak, Kuala Lumpur ialah sebanyak 13 buah.
- (b) Sejak mula beroperasi pada 1hb April, 1991, terdapat pengurangan dalam bilangan kemalangan jalanraya di Lebuhraya Karak, Kuala Lumpur.

Bagi bulan Mac 1991, jumlah kemalangan yang direkodkan ialah 100. Jumlah ini berkurangan kepada 82 dalam bulan April 1991 dan 47 kemalangan bagi bulan Mei 1991.

- (c) Pada masa sekarang, Kerajaan belum lagi bercadang untuk memasang alat perangkap had laju radar berkamera automatik ini di lebuhraya-lebuhraya yang lain. Ini kerana keberkesanan dari pemasangan alat-alat tersebut perlu dikaji terlebih dahulu, dan jika didapati ianya benar-benar berkesan mungkin Kerajaan akan memasang alat-alat ini di lebuhraya-lebuhraya yang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kos perbelanjaan untuk memasang kamera perangkap laju ini dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengubah tapak di mana kamera perangkap laju ini ditempatkan untuk mengelakkan pemandu-pemandu daripada tahu di manakah ia terletak dan mengelakkan di perangkap? Sekian.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Kosnya tidak ada pada saya di sini. Cadangan untuk mengubah tapak itu, kalaulah sebabnya untuk hendak memerangkap pemandu-pemandu kerana mereka tidak tahu, rasa saya tidak begitu tepat. Tujuan kita ialah untuk memberitahu di mana tempat itu ada supaya mereka tidak melanggar peraturan lalulintas ternyata kemalangan tidak berlaku kerana mereka tahu di tempat itu tidak boleh laju, mereka tidak laju. Inilah tujuan kita, dan kalau ada tapak-tapak yang mungkin seperti saya kata tadi kalau didapati keberkesananannya begitu baik dan kita dapati ada tempat-tempat yang begitu merbahaya, yang perlu kita pasang, kita mengkaji sekarang dan mungkin akan dipasang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Nor.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Ahmad bin Nor tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak.

(Soalan No. 5 Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak tidak hadir)

EMPANGAN HIDRO-ELEKTRIK PERGAU

6. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah rundingan-rundingan sudah dibuat dengan Kerajaan Kelantan berhubung dengan pelaksanaan pembinaan Empangan Hidro-Elektrik Lembah Pergau di Kelantan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, Tenaga Nasional Berhad sebagai perbadanan korporat akan melaksanakan projek tersebut, dan sukacita dimaklumkan bahawa taklimat dan rundingan telah diadakan di anlara Tenaga Nasional Berhad dan Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim sejak awal tahun ini. Kementerian difahamkan juga bahawa Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim telah memberi sokongan ke atas pelaksanaan projek tersebut.

Mengikut maklumbalas Tenaga Nasional Berhad, rundingan seterusnya masih diadakan mengenai beberapa perkara termasuk isu pampasan, keperluan tanah dan jalan masuk, dan perkara-perkara lain yang melibatkan pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan supaya pelaksanaan projek boleh dijalankan dengan cepat dan licin.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengapa Menteri Tenaga, Telekom dan Pos memberi penerangan yang salah terhadap projek di Pergau. Bila dia kata kos adalah \$ 1.38 bilion tetapi *New Straits Times* pada 4hb April, 1991 memetik *British Industrial*

News yang beri kos yang sebenarnya ialah \$1.82 bilion—satu perbezaan sebanyak \$440 juta.

Keduanya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bagaimana kontrak ini didapati dan apakah peranan Tan Sri A.P. Arumugam dalam projek ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya rasa soatan ini terkeluar daripada soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya bersetuju.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa TEN telah menandatangani satu perjanjian dengan Syarikat Kerjajaya Balfour Beatty Cementation Sdn. Bhd. untuk menjalankan projek ini dan pihak TEN difahamkan akan menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Kelantan berhubung dengan penyeselarasan kerja yang akan dibuat. Soalannya, boleh atau tidak di dalam perjanjian yang akan ditandatangani di antara TEN dengan Kerajaan Negeri Kelantan memastikan dua perkara? Yang pertama, memastikan penglibatan "local contractors" yang sesuai dan layak untuk melibatkan diri di dalam projek ini.

Yang kedua, memastikan bahawa tenaga kerja yang layak dan sesuai yang dicalon atau dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk bekerja dengan TEN ataupun dengan Kerjaya Balfour Beatty tentang kerja-kerja yang sesuai dan patut dipikul oleh rakyat negeri Kelantan, rakyat tempatan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Tenaga Nasional pada masa ini sedang mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Sebagaimana

saya sebutkan tadi terutamanya berkenaan dengan pampasan dan yang keduanya berkenaan keperluan tanah dan juga jalan masuk ke projek. Perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bolehlah diberikan pertimbangan tetapi berkenaan dengan tenaga kerja yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, ini terpulanglah kepada Tenaga Nasional dan juga kepada Kerjaya Baltour Beatty untuk menimbangkan perkara ini kerana kemungkinan kontraktor-kontraktor yang dicadangkan tadi tidak mempunyai keupayaan. Jadi, untuk memastikan keupayaan ini, kita serahkanlah kepada Tenaga Nasional dan Kerjaya BBC untuk memastikan.

Tuan Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Speaker, minta penjelasan sedikit. Saya difahamkan bahawa perjanjian ini antara TEN dengan Kerjaya Balfour Beatty dan Kerajaan Negeri dengan TEN. Kita difahamkan bahawa TEN tidak mahu mengenakan syarat kepada Kerjaya Balfour Beatty kerana ini adalah diluar tanggungjawab mereka iaitu tidak mahu mengenakan syarat supaya Kerajaan Negeri dapat memastikan penglibatan kontraktor tempatan dan penglibatan tenaga kerja tempatan. TEN tidak mahu melaksanakan ini. Minta penjelasan dah pada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya kerja-kerja yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera dan seboleholehnya kita tekankan untuk diberikan kepada kontraktor tempatan. Bagaimanapun kita tidak boleh menekankan bahawa kerja-kerja ini diberikan hanya kepada kontraktor-kontraktor bumiputera tempatan, Kalau ini ditekankan, maka bermaknalah bahawa kontraktor-kontraktor dari Kelantan dan Terengganu tidak akan dapat membuat kerja-kerja di luar

daripada Kelantan dan Terengganu. Ada cadangan daripada pihak kontraktor Kelantan dan Terengganu untuk menggabungkan tenaga mereka bagi melaksanakan projek di Pergau dan ini akan diberi pertimbangan oleh Tenaga Nasional setakat yang sesuai.

PERMIT KENDERAAN KEPADA PEJABAT DAERAH

7. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah rasional di sebalik langkah menyerahkan kerja-kerja memproses permohonan permit kenderaan kepada Pejabat-pejabat Daerah serta bagaimana dan bilakah ini akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kementerian Perusahaan Awam tidak langsung bercadang untuk menyerahkan kerja-kerja memproses permit kenderaan kepada Pejabat-pejabat Daerah. Apa yang sebenarnya pihak Kementerian cadangkan ialah setiap permohonan permit kenderaan mestilah terlebih dahulu mendapat ulasan dan pandangan dari Pejabat Daerah. Langkah ini adalah untuk memastikan bahawa setiap permohonan itu perlu dibuat penelitian yang rapi dan dalam hal ini pihak Pejabat-pejabat Daerah adalah jentera yang paling dekat untuk mengenali keperluan sesuatu permohonan di peringkat setempat.

Lembaga bercadang untuk melaksanakan langkah ini secara berperingkat-peringkat serentak dengan pembukaan Pejabat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di Wilayah-wilayah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau

Pejabat-pejabat Daerah tidak meluluskan permohonan yang dibuat untuk permit kenderaan, adakah ini bermakna bahawa pihak Kementerian jugatidakakanmeluluskan permohonan mereka?

Yang kedua, mengikut jawapan yang diberikan tadi bahawa ini adalah untuk membolehkan Pejabat-pejabat Daerah mengenalpasti keperluan di tempat-tempat mereka. Bukankah ini bermakna bahawa permit kenderaan yang dikeluarkan pada masa lampau adalah tidak mengikut keperluan tetapi mengikut selera politik pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa maksud Yang Berhormat mengatakan bahawa Pejabat Daerah tidak menguruskan kerana seperti yang saya maklumkan bahawa pihak Kementerian hanyalah memohon untuk mendapatkan ulasan dan pandangan dari Pejabat Daerah. Jadi, perkara ini adalah satu perkara yang saya kira tidak sukar dilakukan untuk membuat satu pandangan dan ulasan.

Mengenai perkara kedua, sama ada mengapa perlu diadakan pemerosesan melalui Pejabat Daerah, ini adalah selaras dengan prosedur yang telah diwujudkan iaitu dengan adanya jawatankuasa penyelarasan keperluan kenderaan di peringkat negeri yang mana sedang mendapat kajian dan juga mendapat maklumbalas-maklumbalas mengenai perkembangan dan keperluan perkhidmatan kenderaan semasa yang ada wujud dan sentiasa mendapatkan maklumbalas ini dan juga di peringkat negeri dengan tujuan untuk mengemaskinikan segala maklumat. Ini akan memberi peluang untuk meningkatkan lagi proses masa yang diambil untuk tidak memperlukan pegawai-pegawai di peringkat ibupejabat turun ke peringkat bawah untuk mendapatkan maklumbalas bagi

membolehkan pihak lembaga membuat keputusan. Jadi, tidaklah timbul kalau di masa-masa yang lepas walaupun kita tidak memperbaiki melalui cadangan ataupun sistem-sistem yang baru, tidaklah itu bermakna bahawa ia mengikut selcra Kerajaan Barisan Nasional. Kalau itulah kita lakukan, tidak mungkin kita akan dapat kemenangan dari setiap pilihanraya dan demi pilihanraya.

ASEAN—DESTINASI PELANCONGAN

8. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) sama ada usaha-usaha untuk menjadikan rantau ASEAN sebagai satu pasaran pelancongan yang tunggal akan menjejaskan usaha-usaha untuk memajukan industri pelancongan di negara kita; dan
- (b) apakah perancangan ke arah ini mendapat sambutan positif dan kerjasama rapat negara-negara ASEAN lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) usaha-usaha untuk menjadikan rantau ASEAN sebagai satu destinasi pelancongan yang tunggal tidak akan menjejaskan usaha-usaha untuk memajukan industri pelancongan di negara kita. Sebaliknya, usaha-usaha tersebut akan menguntungkan pembangunan industri pelancongan di Malaysia dari segi berikut:
 - (i) Malaysia akan mendapat kemudahan publisiti serta faedah pendedahan di pasaran-pasaran pelancongan antarabangsa

menerusi rancangan-rancangan promosi bersepadu pihak Pusat Penerangan Pelancongan ASEAN atau ASEAN Tourism Information Centre, dengan izin;

- (ii) segala maklumat mengenai program-program pelancongan negara-negara ASEAN dapat diprolehi dengan mudah oleh kerana pejabat ASEAN Tourism Information Centre ditempatkan di Malaysia; dan
 - (iii) dengan adanya promosi yang bersepadu bagi rantau ASEAN, Malaysia akan menerima faedah dari segi pertambahan kedatangan pelancong oleh kerana promosi tersebut menggalakkan pelancong-pelancong melawat keseluruhan atau sebahagian negara-negara ASEAN.
- (b) Perancangan untuk menjadikan rantau ASEAN sebagai satu pasaran pelancongan yang tunggal sememangnya mendapat sambutan positif dan kerjasama yang rapat di antara negara-negara ASEAN. Kerjasama ini dapat dilihat dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kecil ASEAN mengenai pelancongan ASEAN Sub-Committee on Tourism seperti merancang dan melaksanakan Tahun Melawat ASEAN 1992 yang mana merupakan satu usaha promosi yang bersepadu di kalangan negara-negara ASEAN yang julung-julung kali diadakan. Jawatankuasa ini juga telah berjaya mewujudkan ASEAN Tourism Information Centre sejak 1988 yang berpusat di

Kuala Lumpur yang bertindak sebagai badan penyelaras tentang aktiviti pelancongan di kalangan negara-negara ASEAN.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kejayaan cemerlang Tahun Melawat Malaysia yang pertama, saya ingin tahu adakah pihak Ketnenterian berhasrat untuk melancarkan kempen Tahun Melawat Malaysia yang kedua dan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mempergiatkan kempen untuk menggalakkan pelancongan di kalangan pelancong-pelancong di dalam negeri?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saranan Yang Berhormat itu adalah pada pandangan saya baik dan memang benar dari segi perancangan yang kita laksanakan di Kementerian, kita mengambil pandangan-pandangan daripada pihak-pihak yang tertentu. Jika ditikirkan perkara ini baik maka sudah tentulah kita akan merancang serta mclaksanakannya dan pandangan Yang Berhormat itu memang ada di dalam perhatian kita dan insya AUah dalam rancangan kita itu kita akan mempertimbangkan untuk memastikan promosi pelancongan seperti yang telah kita buat dalam tahun 1990, mungkin kita adakan pula Tahun Melawat Malaysia yang kedua, umpamanya.

Mengenai soalan kedua Yang Berhormat iaitu menggalakkan pelancong-pelancong tempatan, memang Kementerian juga telah mengambil langkah-langkah terutamanya dari segi mengadakan promosi dalam negara di mana kita telah mengadakan iklan-iklan. Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun 1990 sahaja kita telah menyelilkan ataupun selingan di media massa seperti televisyen dan juga suratkhbar-suratkhbar sebanyak 1,303 selingan ataupun selitan.

Di samping itu, kita juga meningkatkan serta melaksanakan kegiatan perhubungan awam melalui siaran akhbar dengan mengadakan pertemuan-pertemuan dengan wartawan-wartawan. Di samping itu, kita juga telah menubuhkan Pusat Penerangan Pelancongan sebanyak 15 buah di seluruh negara kita dan di samping kita meningkatkan aktiviti-aktiviti promosi, umpamanya kita mengadakan pameran-pameran, pesta-pesta dan juga penerangan-penerangan lain mengenai destinasi-destinasi pelancongan kepada rakyat negara kita supaya kita dapat meningkatkan lagi penghayatan rakyat supaya melancong di dalam negara sendiri.

AKTA KAWALAN SEWA 1966—MEMANSUHKAN

9. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tujuan Akta Kawalan 1966 hendak dimansuhkan dan apakah bentuk cadangan kawalan yang akan menggantikannya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, cadangan memansuhkan Akta Kawalan Sewa 1966 adalah masih dalam pertimbangan Kerajaan. Pandangan dari berbagai-bagai pihak sedang dibincangkan dengan perhatian dan pertimbangan. Tindakan susulan yang wajar juga sedang diambilkira. Selaku Kerajaan yang bertanggungjawab kepada semua lapisan masyarakat, hanya apabila semua perkara telah diambilkira dan Kerajaan berpuas hati dengan pertimbangan-pertimbangan tersebut maka ianya akan dibawa ke Parlimen untuk diperbincangkan kelak.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa Akta Kawalan Sewa 1966 ini,

representasi telah dibuat oleh banyak pihak sejak 10 tahun yang lampau. Persoalannya, mengapa Kerajaan mengambil jangkamasa yang begitu lama untuk memansuhkan suatu undang-undang yang out-of-date yang hanya memberi keuntungan kepada satu pihak, iaitu tuan-tuan tanah daripada pihak penyewa. Mengapa jangkamasa yang begitu lama diambil untuk memansuhkan undang-undang ini, kerana saya difahamkan representasi telah dibuat oleh banyak pihak dalam jangkamasa 10 tahun yang lampau.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat nampaknya contradict himself, dengan izin, kerana undang-undang ini banyak pertimbangan perlu diberikan, oleh sebab ianya melibatkan dua belah pihak, tuan punya dan juga penyewa-penyewa. Yang ramai terlibat ialah penyewa-penyewa, jadi kalau kita mempercepatkan pelaksanaan ini, kemungkinan yang mendapat keuntungan ialah tuan punya-tuan punya. Jadi kalau saudara Yang Berhormat hendak membela orang ramai, tentulah ingin melambatkan-lambatkannya, sebaliknya bukan mempercepatkan. Walau bagaimanapun, oleh sebab perkara ini telah dapat maklum-balas, insya Allah, tidak lama lagi ianya akan diselesaikan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Apa yang dimaksudkan contradict tadi? Yang saya maksudkan ialah dari segi pemakaian undang-undang ini, ianya memberi keuntungan kepada satu pihak, iaitu pihak-pihak penyewa dan tidak menguntungkan pihak-pihak tuan rumah. Itu yang saya maksudkan tadi. Apa yang saya contradict saya sendiri itu? Itu saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tak payahlah, saya ingat.

PENCEMARAN KILANG PADI DI KEDAH

10. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak dan jika sedar apakah tindakan yang diambil terhadap kilang-kilang padi di Kedah yang tidak mengikut peraturan berhubung dengan sekam-sekam padi yang mengganggu atau mencemar kampung-kampung atau sekolah-sekolah yang berdekatan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Pcter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, saya dan Kementerian saya memang sedar bahawa ada kilang-kilang padi di negeri Kedah Darulaman yang menyebabkan pencemaran kepada penduduk di sekitarnya. Masalah pencemaran timbul disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) kedudukan kilang yang tidak sesuai kerana terlalu hampir dengan kawasan kediaman sekolah dan sebagainya; dan
- (ii) cara-cara dan teknologi pelupusan walaupun kini telahpun wujud tetapi tidak berdayamaju khasnya bagi kilang-kilang sederhana dan kecil.

Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan telah dan akan terus diambil terhadap kilang-kilang yang didapati tidak mematuhi kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Peraturan-peraturannya. Pembakaran terbuka ke atas sekam padi adalah salah satu kesalahan yang lazim dilakukan dan tindakan undang-undang telahpun dan akan terus diambil ke atas mereka yang terlibat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi, kilang-kilang didapati

tidak sesuai dengan keadaan tempat misalnya di sekolah itu yang saya tanya, sebab sepatutnya perkara ini diambil tindakan, tetapi kita tengok di Kedah, terutama sekali sekam-sekam ini bukan sahaja di Kedah, barangkali di semua negeri-negeri yang kita dapati ada padi, semua sekam-sekam ini dibakar dengan begitu sahaja dan tidak ada langsung tindakan yang diambil. Kita hanya ada undang-undang sahaja, tetapi pelaksanaan tidak memuaskan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang memberi pandangan tadi, Memang kita sedar bahawa masalah ini sudah timbul agak lama, tetapi masalah ini adalah rumit untuk pihak berkuasa menguruskan tapak bagi kilang-kilang ini kerana kilang-kilang tersebut adalah di dalam Pihak Berkuasa Tempatan dan oleh itu pihak Kementerian saya sudah beberapa kali berbincang dan memberi pandangan kepada pihak berkuasa untuk memindahkan kilang-kilang yang tidak sesuai atau terlalu dekat dengan kawasan perumahan supaya masalah ini boleh dielakkan. Walau bagaimanapun, pihak kilang pun ada tanggungjawab untuk mengelakkan situasi itu. Oleh sebab itu, Kementerian saya selalu memberi pandangan seperti meminta kilang itu membina rumah sekatan, memasang alat-alat kawalan pencemaran habuk, membina pagar zing, menggunakan sekam untuk menambah kawasan kilang supaya tinggi dan padat, tidak membakarkan sekam itu dan mengambil sekam untuk dibuat baja dan sebagainya, tetapi nampaknya ada juga pihak kilang yang tidak mengikut pandangan-pandangan tersebut. Oleh sebab itu, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa masalah sekam

padi sebagai pollutant, dengan izin, telah bermula dari 25 tahun yang lalu semenjak penanaman padi diintensifikasikan. Jadi soalan saya, apakah kita masih meraba-raha lagi di dalam usaha kita untuk menyelesaikan masalah ini dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada teknologi-teknologi yang boleh menyelesaikan masalah ini, seumpamanya di Jepun yang rana kilang-kilang padi hanya mengeluarkan beras sahaja tanpa sekam dan beras campur dengan bahan-bahan yang boleh digunakan, iaitu tidak menjadi sekam.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Seperti yang saya menjawab tadi, memang ada cara-cara dan teknologi pelupusan yang lebih berkesan, malangnya cara-cara dan teknologi moden ini adalah berharga tinggi dan mahal untuk pekilang-pekilang sederhana dan kecil ilu. Oleh sebab itu maka rumit sedikit untuk mereka mendapat teknologi pelupusan yang lebih berkesan supaya operasi mereka tidak mencemarkan alam sekeliling.

PETRONAS—KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI

11. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan jumlah keuntungan yang diperolehi setiap tahun oleh PETRONAS dalam masa sepuluh tahun yang lalu, pengurusan dan penggunaan keuntungan-keuntungan tersebut; dan keuntungan minyak yang diperolehi oleh PETRONAS yang disimpan sebagai simpanan tetap (fixed reserves) di bank-bank (i) tempatan dan (ii) luar negeri, dan memberikan butir-butir mengikut negara-negara tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, keuntungan yang diperolehi oleh

PETRONAS dalam masa 10 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

<i>Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac</i>	<i>Untung Selepas (\$ Juta)</i>
1981	2,318.2
1982	2,336.1
1983	2,535.9
1984	3,059.1
1985	3,506.9
1986	3,493.2
1987	2,127.0
1988	2,038.8
1989	1,911.4
1990	3,093.6

Keuntungan yang diperolehi telah digunakan oleh PETRONAS untuk membiayai projek-projek petroleum di sektor hulu, hiliran dan petrokimia serta membuat simpanan tetap di institusi-institusi kewangan di dalam dan di luar negeri. Simpanan tetap di luar negeri dibuat di cawangan-cawangan Bank Bumiputra Malaysia Bhd. seperti di London, New York dan Singapura serta di cawangan Malayan Banking Bhd. di London.

Jumlah simpanan tetap termasuk sekuriti Kerajaan di dalam dan di luar negeri adalah seperti berikut:

<i>Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac</i>	<i>Dalam Negeri (\$ Juta)</i>	<i>Luar Negeri (\$ Juta)</i>
1981	4,041.0	2,991.5
1982	5,765.4	2,572.8
1983	8,193.2	1,502.3
1984	7,590.7	2,515.6
1985	7,463.1	2,313.1
1986	12,429.6	543.1
1987	12,553.5	68.9
1988	12,925.2	455.6
1989	12,818.5	813.6
1990	12,588.4	983.9

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormil sudah tinggal satu bahagian mengenai butir-butir mengikut negara-

negara tersebut. Adakah tertinggal atau dia lupa sebelum saya tanya soalan tambahan.

Dato Wong See Wah: Butir-butir mengenai simpanan tetap di luar negeri bagi tahun 1982 hingga 1991 adalah seperti berikut:

<i>Tahurt Kewangan Berakhir 31 Mac</i>	<i>Simpanan Tetap (\$ Juta)</i>	<i>Nama Bank</i>
1982	2,572.8	Bank Bumiputra Malayia Berhad, United Kingdom
1983	1,502.3	Bank Bumiputra Malaysia Berhad, United Kingdom
1984	2,515.6	Bank Bumiputra Malaysia Berhad, United Kingdom
1985	2,313.1	Bank Bumiputra Malaysia Berhad, United Kingdom
1986	491.7	Bank Bumiputra Malaytia Berhad, United Kingdom
1986	31.6	Bank Bumiputra Malaysia Finance Limited, Hongkong
1987	68.9	Bank Bumiputra Malaysia Berhad, United Kingdotn
1988	455.6	Bank Buimputra Malaysia Berhad, United Kingdom
1989	813.6	Bank Bumiputra Malaysia Berhad, United Kingdom
1990	983.9	Bank Bumiputra Malaysia Berhad, United Kingdom
1991	930.5	Bank Bumiputra Malaysia Berhad, United Kingdom
1991	303.2	Bumiputra Malaysia Pinance Berhad, Singapura
1991	122.8	Bank Bumiputra Malaysia Berhad, New York
1991	56.0	Malayan Banking Bhd; London.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh disifatkan sebagai cuba 'curi ayam kena tangkap'. (*Ketawa*) Soalan tambahan saya ialah mengenai pengurusan keuntungan-keuntungan dan sumber-sumber kewangan khususnya dalam perkara pembelian Bank Bumiputra dan penjualan Bank Bumiputra akibat daripada skandal BMF dan baru-baru ini dijual kepada Ministry of Pinance (Incorporated). Adakah PETRONAS mengalami kerugian atau keuntungan dan apa itu angka-angka yang boleh disebut dan apa harga dibeli dan apa harga dijual.

Dato Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini adalah lari daripada soalan pokoknya, dan saya minta notis untuk menjawab soalan ini. Bukan saya 'curi ayam' (*Ketawa*), memang jawabannya ada tetapi saya rasa kena mengikut peraturan.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order. Dia ada di hadapan, dia tidak mahu jawab. Ini tidak bertanggungjawab. Dia datang dengan jawapan itu oleh kerana ini ada bersangkutan-paut. Pegawai dia beri dia oleh kerana ada berkait, dia enggan. Ini salah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Dato Wong See Wah: Apa dia point of order?

Tuan Lim Kit Siang:....melanggar keistimewaan, menghina Dewan yang mulia ini.

Dato Wong See Wah: Curi ayam apa, point of order apa?

Tuan Lim Kit Siang: Contempt. Ini curi ayam.

Dato Wong See Wah: Kalau hendak tanya soalan itu tanyalah tepat-tepat, mengapa hendak tanya tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sudahlah. Baiklah. Bandar Kuching.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Periua, soalan tambahan. PETRONAS mendapal keuntungan sebab negeri Sarawak mengeluarkan minyak dan menyumbangkan 1/3 kepada keseluruhannya. Dan jika tambah Sabah juga, keuntungan yang didapati oleh PETRONAS banyak yang datangnya daripada Sabah dan Sarawak. Maka apakah tanggungjawab PETRONAS sebagai corporatization kepada kedua-dua negeri ini, apakah projek ataupun apakah pelaburan semula akan dibuat dalam kedua-dua negeri ini untuk menunjukkan bahawa PETRONAS walaupun mendapat untung dari Sabah dan Sarawak tetapi tidak pula sanggup memberi sedikit keuntungan balik kepada kedua-dua negeri ini. Ini soalan memang bersangkut-paut dan jangan cakap dia terkeluar atau jangan curi ayam. (*Ketawa*) Minta jawab.

Dato Wong See Wah: Saya rasa soalan memang keluar daripada soalan asal. Tetapi, bagi pandangan saya keuntungan yang didapati oleh Kerajaan melalui hasil daripada petroleum adalah disalurkan melalui banyak saluran dari segi pentadbiran, pembinaan infrastruktur dan sebagainya. Ini sama rata kita beri mengikut keutamaan dan tiap-tiap negeri menerima apa yang sepatutnya diterima. Itu sahaja. Kalau negeri Sabah atau Sarawak hendak minta keistimewaan itu saya rasa tidak adillah bagi negeri-negeri yang lain. Begitu juga mungkin di negeri-negeri yang lain yang mempunyai balak dan sebagainya.

Kalau tiap-tiap negeri meminta syer yang lebih oleh kerana dia mengeluarkan hasil yang istimewa bagi satu-satu negeri maka meminta syer yang banyak. Itu tidak adillah bagi negeri yang tidak mengeluarkan satu-satu hasil yang tertentu itu. Sekian, terima kasih.

LORI MEMBAWA PASIR MENCEMARKAN UDARA

12. Dr V. David minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa sebilangan besar lori-lori yang membawa pasir menggunakan Jalan Puchong, Seksyen 5, Petaling Jaya dan juga di Taman Kanagapuram dipandu laju tanpa kawalan;
- (b) adakah beliau sedar bahawa keadaan seperti ini adalah merbahaya kepada penduduk-penduduk yang tinggal di tepi jalan-jalan tersebut, dan juga kepada orang yang berjalan kaki; dan
- (c) kenderaan-kenderaan yang dipandu laju ini juga mencemarkan udara dan memburukkan keadaan jalan raya. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau ke arah mencegah keadaan seperti ini,

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini kerana perkara yang ditanyakan adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Pengangkutan.

- (a) Bagi menjawab soalan (a) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Puchong itu saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa Kementerian Pengangkutan sedar atas kegiatan sebilangan lori-lori yang membawa pasir di Puchong. Justeru itu, Jabatan Pengangkutan Jalan telahpun menjalankan operasi di kawasan Puchong dan sekitarnya mulai 5-2-1991 hingga 10-6-1991. Hasil daripada operasi ini JPJ telah mengambil tindakan ke atas 77 buah lori atas beberapa

kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan dan Akta Lembaga Pelesenan Perdagangan.

Berkaitan dengan kesalahan membawa lori laju, kesalahan ini adalah di bawah bidangkuasa pihak Polis Di-Raja Malaysia dan pihak Polis Di-Raja Malaysia telahpun diberitahu mengenai hal ini untuk tindakan sewajarnya.

- (b) bagi soalan (b), jawapannya ialah 'ya' kami memang sedar keadaan seperti ini adalah merbahaya kepada penduduk-penduduk di situ iaitu memandu dengan laju dan dalam keadaan tidak bertanggungjawab dan saya percaya pihak Polis yang bertanggungjawab di bidang penguatkuasaan ini mengambil tindakan yang sewajarnya.
- (c) bagi soalan (c) pula, jawapannya adalah seperti juga di jawapan (a) tadi di mana pihak JPJ telah menjalankan? operasi dalam kawasan berkenaan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementeriannya bermaksud untuk mengadakan langkah-langkah yang lebih ketat, lebih cekap dan lebih berkesan ke atas lori-lori seperti ini, kerana di negeri Selangor sahaja yang banyak pasir dan banyak lanah dicuri menyebabkan kehilangan hasil yang banyak kepada negeri itu. Ini bukannya kerana langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya tidak mencukupi, tidak berkesan dan tidak cekap, tidak seperti Wawasan 2020.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 lagi 30 tahun, jadi kita sedang menjalankan perancangan-perancangan apa yang kita sudah buat....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tunggulah dahulu, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti! tunggu sebentar.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:.....kerana penguatkuasaan dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan di tiap-tiap negeri, dan apabila ada pengaduan-pengaduan seperti apa yang berlaku di Puchong Yang Berhormat telah memberitahu, kita mengambil tindakan khas sampai 17 buah operasi diadakan di tempat yang sama, dan lori-lori ini adalah lori-lori yang membawa pasir di pembinaan satu rancangan perumahan.

Pihak Kerajaan Tempatan telah memberi kebenaran kepada pemaju projek perumahan iitu untuk menjalankan kerja-kerja membawa pasir, tetapi apabila kita dapati bahawa lori-lori ini menyalahi Akta Pengangkutan Jalan, Akta Pelesenan dan sebagainya, kita mengambil tindakan. Saya berharap mendapat kerjasama daripada semua pihak terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang sepanjang masa berada dalam kawasan masing-masing, tolonglah beri laporan kalau ada kejadian-kejadian seperi itu berlaku kerana setakai ini kami belum lagi mempunyai pegawai-pegawai penguatkuasaan yang besar bilangannya. Untuk tambahan kita sedang memproses untuk mengambilnya, tetapi yang ada hanyalah setakat lebih kurang 180 orang untuk menjalankan kerja penguatkuasaan di seluruh negara. Jadi, kita haraplah mendapat kerjasama dari pihak-pihak yang sama-sama memerhati dan meneliti supaya kita dapat menjalankan tugas dengan berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam.

(Soalan No. 13 Y.B. Tuan S. S. Subramaniam tidak hadir)

PENYAKIT KENCING MANIS

14. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan jumlah penyakit kencing manis dan apakah tindakan pihak Kementerian untuk menerangkan kepada orang awam mengenai bahayanya apabila terkena jangkitan penyakit tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, penyakit kencing manis merupakan penyakit yang disebabkan oleh kadar kandungan gula dalam darah yang meningkat akibat daripada kekurangan insulin di dalam badan seseorang. Oleh kerana itu penyakit ini bukanlah satu penyakit yang berjangkit yang boleh menjangkiti dari seorang kepada seorang yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan amat menyedari akan masalah penyakit kencing manis di negara ini.

Sebagai contoh, dalam tahun 1978 sampai 1989 bilangan kemasukan pesakit kencing manis ke hospital-hospital sahaja iaitu hospital Kerajaan meningkat daripada 8,021 orang kepada 17,403 orang, peningkatan sebanyak 117%. Dan kita juga faham bahawa pesakit kencing manis yang tidak dirawat dan dikawal dengan sempurna mungkin mendapat komplikasi-komplikasi seperti coma, stroke, kerosakan saraf, tekanan darah tinggi, kerosakan buah pinggang, sakit jantung dan buta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehubungan dengan itu juga beberapa langkah pencegahan dan kawalan bagi penyakit ini telahpun dilaksanakan melalui program-program pencegahan dan kawalan penyakit-

penyakit yang sedia ada. Ini termasuklah melalui aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan, rawatan awal serta rawatan susulan. Melalui aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan, orang ramai didedahkan kepada maklumat-maklumat berkenaan cara pemakanan yang betul, senaman-senaman yang sesuai dan pengawalan berat badan bagi mencegah penyakit kencing manis. Mereka juga didedahkan kepada maklumat berkenaan dengan tanda-tanda serta komplikasi-komplikasi penyakit kencing manis. Aktiviti-aktiviti tersebut dilaksanakan melalui media massa, pendidikan sekolah dan juga secara perscorangan terutamanya melalui klinik-klinik Kerajaan.

Rawatan awal adalah diberi kepada individu-individu yang disyaki mengalami penyakit kencing manis dan rawatan lanjutan seterusnya akan diberi setelah pesakit disahkan mengidap penyakit tersebut. Semasa menjalani rawatan lanjutan, pesakit akan diberi nasihat berkenaan dengan ubat-ubatan, pemakanan, penjagaan beral yang ideal, dengan izin, senaman serta cara-cara mengelakkan jangkitan. Pesakit juga diberitahu berkenaan dengan komplikasi-komplikasi yang mungkin dihadapi sekiranya penyakit ini tidak dirawat dan dikawal dengan sempurna.

Di masa hadapan, kesedaran orang ramai tentang penyakit ini serta cara-cara pengawalannya akan dipertingkatkan lagi melalui pengukuhan aktiviti pendidikan kesihatan melalui Kempen Gaya Hidup Sihat yang baru dilancarkan pada 25-5-1991 yang lalu.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, penyakit kencing manis disebabkan kerana cara hidup, maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bilangan pesakit kencing manis itu mengikut bangsa-bangsa, sebab orang Cina cara hidupnya mungkin berlainan dengan

cara orang Melayu atau orang India dan bolehkah berikan pecahan atas perkara ini?

Kedua, jumlah peruntukan bagi mencegah atau merawat penyakit-penyakit kencing manis dalam jangka 5 tahun yang lalu dan 5 tahun yang akan datang.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyatakan satu cara iaitu cara hidup yang tidak sesuai dan cara yang kedua ialah melalui hereditary iaitu continental boleh juga seseorang itu mendapat penyakit kencing manis.

Berkenaan dengan racial breakdown, dengan izin, saya minta maaf kerana tidak ada angka-angka yang khusus sedemikian, tetapi jelas menunjukkan bahawa trend perubahan penyakit daripada zaman kita mula merdeka sampai sekarang sudah berubah daripada penyakit tibi yang dahulu menjadi penyakit utama sekarang menjadi kencing manis dan cardiovascular akhir-akhir ini. Begitu juga jumlah-jumlah peruntukan, saya minta maaf, tidak ada angka-angka. Jika sekiranya Yang Berhormat mahu, saya boleh beri jawapan bertulis terus kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan angka-angka penyakit kencing manis ini meningkat 117%, yang saya kira satu keadaan yang memang serius, dan dalam hubungan-kait untuk mencegah melalui kempen kesedaran dan sebagainya, saya ingin bertanya apakah Yang Berhormat sedar golongan sasaran yang penting yang boleh memainkan peranan dalam mengurangkan kandungan gula ialah mereka yang bertanggungjawab mengeluarkan makanan, baik makanan yang siap, yang sedang masak ataupun kueh dan sebagainya, terutamanya orang Kelantan banyak makan gula. Jadi, masalahnya walaupun kita ada kempen

kesedaran, bila kueh ataupun makanan dibuat begitu rupa, tengok pun elok, jadi tidak tahan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, semua hendak makan. Jadi, soalan saya, apakah langkah Kementerian Kesihatan dalam menentukan bahawa semua jenis kandungan makanan yang dihasilkan sekarang ini memastikan kandungannya itu berada di tahap sebagaimana yang dikehendaki mengikut pihak-pihak kesihatan supaya tidak melebihi. Ini yang saya rasa cara yang paling berkesan selain daripada hendak minta orang membuat exercise dan sebagainya. Ini soal mengawal makanan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita sedar bahawa salah satu daripada unsur penyakit ini adalah cara pemakanan gula yang agak berlebihan. Jadi, kalau sekiranya pihak Yang Berhormat menghendaki Kementerian Kesihatan menentukan bahawa banyak mana gula dimasukkan, saya rasa ini agak mustahil untuk menentukan dari segi penyediaan makanan itu, terutamanya bagi orang Kelantan yang banyak makan manis. Oleh kerana itulah maka kita dapati bahawa jalan seelok-eloknya ialah supaya orang yang menyediakan makanan, itu satu hal dan orang yang hendak makan, itu satu hal. Jadi, terpaksa orang Kelantan mengubah cara makanan mereka, termasuk juga orang-orang daripada parti-parti lain. (*Ketawa*) Pasal makanan tidak ada pilih parti. Penyakit pun dia tidak boleh pilih parti. Dia kena semua, PASKah, siapa pun. Tambah pula yang kahwin lebih. (*Ketawa*) Dia makan dua rumah. Oleh kerana itu maka kita telah belanja wang yang begitu banyak dan kita telah melantik satu konsultan yang telah berbincang hampir setengah tahun lebih untuk mencari jalan yang seelok-eloknya yang praktikal untuk sampai ke dalam rumah. Our target is at home, insya Allah, dengan izin. Jadi, kepada ibu-ibu dan juga isteri-isteri mestilah jangan beri makan suami mereka gula banyak sangat. Kalau terlampau manis,

susah pula. Oleh kerana itulah maka kita belanja \$9 juta lebih untuk rancangan cara hidup yang sihat dan pada tahun ini kita mula dengan cardiovascular, itu pun satu penyakit yang agak berbahaya, dan tahun hadapan diabetes, insya Allah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 22(2) yang berbunyi, "Pemberitahu bertulis berkenaan dengan tiap-tiap pertanyaan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang ahli tidak lewat daripada 14 hari bekerja sebelum mesyuarat dimulakan". Maka saya pun hantar kedua-dua soalan untuk hari ini sebelum 14 hari yang ditetapkan di dalam Peraturan Mesyuarat ini. Kedua-dua soalan itu ditujukan kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengenai cadangan Kerajaan untuk menguruskan sisa toxic negara memandangkan pertumbuhan sektor pembuatan yang telahpun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat scmalam. Dengan pertumbuhan sektor pembuatan ini maka sisa toxic akan berlambak dan bagaimana pihak Kerajaan dapat menguruskan hal ini. Soalan yang kedua ada juga sangkut-paut dengan apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat mengenai nilai-nilai etika negara ini untuk memiju Ke Wawasan 2020, iaitu mengenai Binapuri Sdn. Bhd. yang kononnya memperoleh banyak kontrak yang lumayan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat berucapakah atau hendak memohon?

Dr Tan Seng Giaw: Saya hendak bangkitkan perkara ini mengapa kedua-dua soalan itu tidak termasuk di dalam antara 57 soalan yang ditetapkan pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita faham, Yang Berhormat. Kita buat keputusan. Kita faham apa Yang Berhormat kehendaki. Jadi Setiausaha sila ambil perhatian tentang apa yang telah dibangkitkan tadi.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 5, 13 dan 15 hingga 57 adalah diberi di bawah ini).

JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

4. Tuan Ahmad bin Nor minta Perdana Menteri (Perkhidmatan Awam) menyatakan:

- (a) berapakah jumlah jawatan-jawatan kosong yang terdapat dalam Perkhidmatan Awam sekarang mengikut peruntukan bilangan kakitangan bagi setiap Jabatan Kerajaan; dan
- (b) apakah sebab kelewatan berlaku bagi mengisi kekosongan jawatan yang wujud dan untuk mengelak masalah kekurangan kakitangan yang menyebabkan perkhidmatan terjejas.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

- (a) Sehingga akhir tahun 1990, jumlah keseluruhan jawatan bagi semua kumpulan di dalam Perkhidmatan Awam termasuk Badan Berkanun, Kuasa Tempatan, Tentera dan Polis ialah 1,037,572. Pengisian yang telah dibuat di dalam tahun yang sama ialah 874,630. Ini bermakna jumlah kekosongan jawatan keseluruhannya ialah 162,942.

(b) Antara sebab-sebab kelewatan dalam mengisi kekosongan yang wujud ialah:

- (i) tindakan pembekuan pengisian kekosongan jawatan-jawatan yang sedia ada sejajar dengan usaha-usaha untuk mengecil dan mengoptimumkan saiz Perkhidmatan Awam. **J a w a t a n - j a w a t a n** kosong yang sedia ada perlu dikaji semula keperluannya sebelum tindakan pengisian dilakukan. Pengisian jawatan-jawatan kosong adalah diberi keutamaan kepada jawatan-jawatan yang terlibat dengan tugas-tugas kritikal seperti perguruan, perubahan, kutipan hasil, penyelidikan dan pembangunan; dan
- (ii) kekurangan dan ketiadaan calon-calon yang berkelayakan untuk mengisi jawatan-jawatan yang tertentu, khususnya jawatan-jawatan yang bercorak teknikal dan perubahan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa mengambil langkah-langkah tertentu berbentuk pentadbiran untuk memastikan perkhidmatan awam berada di tahap yang paling sesuai dengan keperluan negara supaya perkhidmatan secara umumnya tidak terjejas. Beberapa langkah telah dilaksanakan, antaranya adalah:

- (i) membenarkan pengisian jawatan kosong secara pengambilan sementara, sambilan dan kontrak bagi

aktiviti atau perkhidmatan yang benar-benar perlu;

- (ii) pengagihan semula jawatan (redeployment) untuk memenuhi keperluan sesuatu program atau aktiviti;
- (iii) mengkaji semula program dan aktiviti Kementerian/Jabatan supaya tidak berlaku pertindihan fungsi dan pembaziran sumber tenaga manusia; dan
- (iv) penswastan fungsi atau perkhidmatan-perkhidmatan tertentu.

CUKAI PENDAPATAN— BAYARAN

5. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah Kementerian sedar bahawa golongan miskin, petani, nelayan, buruh kasar dan penduduk luar bandar yang berpendapatan rendah telah dikirinkan borang-borang cukai pendapatan untuk membayar cukai pendapatan. Sila beri sebab; dan
- (b) apakah golongan miskin di negara kita ini harus dikenakan cukai pendapatan. Sebab.

**Timbalan Menteri Kewangan
(Tuan Abdul Ghani bin Othman):**

- (a) Di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, tiap-tiap seorang pemastautin yang memperolehi pendapatan di Malaysia adalah diwajibkan mengisytiharkan pendapatan mereka

kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Borang-borang cukai pendapatan adalah dikirimkan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri kepada semua golongan pemastautin di negara ini tanpa mengira pekerjaan dan tempat tinggal. Tujuan pengirisan borang-borang ini ialah merupakan salah satu cara untuk menguji sama ada mereka layak dikenakan cukai atau tidak. Selepas borang-borang yang dilengkapkan diterima dan disemak, jika mereka didapati tidak layak dikenakan cukai, borang-borang cukai pendapatan tidak lagi dikeluarkan kepada mereka. Sekiranya mereka didapati layak dikenakan cukai, taksiran yang sewajarnya akan dibuat. Tujuan menghantar borang kepada semua golongan rakyat bukanlah untuk mengenakan cukai atau menindas golongan miskin tetapi sebagai cara untuk menentukan agar mereka yang mempunyai pendapatan bercukai dikenakan cukai.

- (b) Berhubung dengan soalan kedua, ingin saya maklumkan di Dewan Yang Mulia ini bahawa struktur cukai pendapatan di negara ini telah mengecualikan golongan miskin daripada membayar cukai. Pengecualian ini adalah dalam bentuk pelepasan cukai yang boleh dinikmati oleh seseorang individu iaitu di antara \$5,000 sehingga \$16,500. Ini bermakna bahawa seseorang individu yang berpendapatan di antara \$416 sebulan sehingga \$1,375 sebulan mungkin tidak dikenakan cukai bergantung kepada pelepasan-pelepasan yang boleh dinikmati besar dari jumlah pendapatan pekerja

tersebut. Dengan itu, golongan miskin di negara ini memang tidak dikenakan cukai pendapatan.

BAHASA INGGERIS— KEMEROSOTAN

13. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan kemerosotan mutu bahasa Inggeris dalam sistem persekolahan kita. Apakah sebabnya kita tidak boleh mewujudkan seperti di negara England, Amerika Syarikat ataupun Australia, maktab-maktab perguruan seperti Maktab Perguruan "Kirby" dan "Brinsford" untuk kita dapat melatih lebih guru-guru bahasa Inggeris.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 20 buah maktab daripada 28 buah maktab perguruan di negara ini yang menjalankan kursus pengkhususan pengajaran bahasa Inggeris. Langkah ini adalah bertujuan untuk menyediakan secukupnya guru bahasa Inggeris yang berkualiti mengajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Jenis-jenis kursus bahasa Inggeris yang ditawarkan oleh maktab-maktab perguruan sekarang ini ialah:

- (a) Perguruan Sekolah Rendah (PSR-PI)
- (b) Perguruan Sekolah Menengah (PSM-PI)
- (c) Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI)—Pengajian Inggeris
- (d) Kursus Dalam Perkhidmatan (Teaching English as Second Language—TESL) setahun
- (e) Kursus Dalam Perkhidmatan 14 Minggu (TESL)
- (f) Kursus "Immersion" untuk pegawai-pegawai dan pensyarah-pensyarah.

PINJAMAN PERUMAHAN

15. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah rancangan untuk mengubah sistem pinjaman perumahan sekarang yang mana surat cagaran ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada Kementerian Kewangan;
- (b) adakah Menteri sedar yang kelambatan pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan menandatangani surat cugaran dan surat Pelepasan Cagaran telah mengakibatkan kerumitan yang amat sangat kepada pemaju, penjual dan pembeli rumah menerusi pinjaman perumahan. Adakah kajian menyeluruh untuk membaiki sistem Pinjaman Pesuruhjaya Kerajaan dibuat; dan
- (c) adakah Kementerian sedar yang pihak Perbendaharaan telah menghapuskan sistem pinjaman perumahan dengan cara surat-janji yang mengeluarkan pinjaman dan penyerahan hak kepada satu sistem cagaran sahaja yang mana telah menghapuskan sama sekali pemaju bumiputera di Sarawak. Dan apakah matlamat Kerajaan sebenarnya. Kenapa kajian terperinci tidak dibuat sebelum perkara ini dilaksanakan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, urusniaga (dealings) mengenai tanah di negeri Sarawak adalah berlainan daripada yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Di Semenanjung Malaysia, urusniaga mengenai tanah adalah mengikut peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara (Akta 56 Tahun 1965) manakala

di Sarawak, ianya adalah mengikut Kanun Tanah Sarawak (Sarawak Cap. 81).

Bagi hartanah di Sarawak, gadaian kepada Kerajaan PersckiHuan adalah dibuat di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pederal Land Commissioner), manakala di Semenanjung Malaysia gadaian kepada Kerajaan Persekutuan dibuat di atas nama Menteri Kewangan (Pemerbadanan) Malaysia (Minister of Pinance (Incorporated) Malaysia).

Kementerian Kewangan tidak ada rancangan untuk mengubah sistem pinjaman perumahan sekarang yang mana surat cagaran ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada Kementerian Kewangan. Ini adalah kerana Kementerian Kewangan perlu terlebih dahulu mengkaji dan meneliti rancangan untuk mengubah sistem yang ada pada masa sekarang kerana ianya terlibat dengan undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu, termasuk undang-undang tanah Sarawak seperi yang disebutkan itu.

- (b) Kementerian Kewangan sedar terdapat kelewatan kerana perlu mematuhi peraturan itu yang tidak dapat dielakkan. Bagi mengatasi kerumitan yang dihadapi, Kementerian Kewangan telah berhubung dan sedang berbincang dengan Pihak Berkuasa Negeri Sarawak dengan tujuan bahawa Pihak Berkuasa Negeri dapat menerima surat-surat cagaran dan pelepasan cagaran yang ditandatangani oleh pihak Kementerian Kewangan sendiri. Kemenlerian Kewangan berharap Pihak Berkuasa Negeri dapat memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya

supaya prosedur yang ditetapkan itu dapat diperkemas untuk mengurangkan masa yang diambil itu.

- (c) Kementerian sedar bahawa mulai 1hb Julai, 1987 Perbendaharaan tidak lagi meluluskan pinjaman bagi jenis rumah yang bertanah yang tidak mempunyai hak milik berasingan. Peraturan ini bukan sahaja terpakai bagi negeri Sarawak tetapi bagi negeri Sabah dan Semenanjung Malaysia juga. Peraturan ini dilaksanakan untuk menjaga kepentingan pembeli-pembeli yang kerap kali menjadi mangsa penipuan dan penyelewengan pemaju-pemaju dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

LAPANGAN TERBANG DI BELAGA—MEMPERBAIKI

16. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang memperbaiki lapangan-terbang di Belaga; dan
- (b) jumlah penerbangan dari Sibu ke Kapit dan Belaga yang dibatalkan sepanjang tahun 1990 hingga Mei 1991.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Kontrak bagi menurap (sealed) landasan padang terbang Belaga telah dipanggil pada 5hb Julai 1991 dan akan ditutup pada 5hb Ogos 1991. Tawaran tender dijangka dapat dibuat pada bulan September 1991 dan kerja-kerja penurapan selesai dijalankan pada akhir 1991 atau awal tahun 1991.
- (b) Penerbangan berjadual MAS bagi sektor Sibu/Kapit/Belaga dari Januari 1990 sehingga Mei

1991 adalah sebanyak 146 penerbangan. Dari jumlah ini, sebanyak 66 penerbangan telah dibatalkan. Pembatalan penerbangan ini, kebanyakannya adalah akibat daripada cuaca buruk.

KBSR dan KBSM— PELAKSANAAN

17. Tuan George Sangkin minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang kejayaan/pencapaian KBSR dan KBSM di seluruh negara amnya dan di Sabah khususnya. Adakah Kementerianya menghadapi masalah di dalam pelaksanaan sistem-sistem tersebut dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi masalah itu kiranya ada.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KBSR dan KBSM digubal selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Oleh kerana itu, kurikulum bagi kedua-dua peringkat rendah dan menengah tidak menekankan aspek pencapaian akademik semala-mata, tetapi meliputi aspek-aspek kemahiran, nilai-nilai murni, semangat bertanggungjawab dan selia negara. Pendekatan pengajaran-pembelajaran pula berpusatkan kepada pelajar supaya pelajar dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran.

KBSR telahpun dilaksanakan selama lapan tahun dan perkembangannya amatlah positif ia memperlihatkan kejayaannya. Perubahan besar wujud dalam budaya pembelajaran di sekolah rendah. Murid berani bertanya dan mengeluarkan idea, berkeyakinan, mengamalkan nilai-nilai positif, peka terhadap alam sekeliling dan berkebolehan mencari ilmu pengetahuan dengan sendiri.

Walaupun KBSM masih dalam peringkat pelaksanaan (Tingkatan III), maklumbalik dari pengesanan awal menampakkan kesan yang positif. Budaya pembelajaran yang berpusatkan pelajar, penerapan nilai murni, penguasaan Bahasa Melayu dan kemahiran bertikir dapat diperkukuhkan lagi.

Dalam melaksanakan kedua-dua program ini memang wujud masalah tertentu, terutamanya jika dilihat kepada bilangan guru yang sangat ramai, lokasi sekolah yang bertaburan di seluruh negara dan kemudahan-kemudahan yang terhad.

Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mengatasi segala masalah yang timbul. Semua guru didedahkan kepada program-program tersebut sama ada melalui kursus di pelbagai peringkat atau melalui kursus dalaman di peringkat sekolah dengan menggunakan pual latihan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan juga sedang berusaha dengan giat untuk meningkatkan kewibawaan, keikhtisasan dan ketrampilan pihak pengurusan sekolah.

Kemudahan-kemudahan termasuk suraber pembelajaran, terus-menerus ditingkatkan. Kementerian Pendidikan yakin langkah-langkah yang sedang dijalankan dapat mengurangi dan mengatasi kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan KBSR dan KBSM. Dalam konteks ini, negeri Sabah tidak akan ketinggalan kerana matlamat Kementerian Pendidikan ialah untuk menjamin semua pelajar menikmati suatu sistem pendidikan yang bermutu dan mampu melahirkan insan yang baik dan warganegara Malaysia yang berguna, bertanggungjawab serta produktif.

METER LETAK KERETA

18. **Tuan Liew Ah Kim** minta Perdana Menteri menyatakan senarai syarikat-syarikat yang mengendalikan meter letak kereta yang beroperasi di sekitar Kuala Lumpur sehingga Mei 1991. Nyatakan juga:

- (a) kriteria syarikat-syarikat yang dipilih mengendalikan meter letak kereta;
- (b) tempoh bagi satu-satu syarikat itu dibenarkan mengendalikannya;
- (c) "brand" meter-meter letak kereta yang diwajibkan boleh dipakai; dan
- (d) syarikat-syarikat baru ditawarkan bagi mengendalikan meter letak kereta ini.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:

- (a) Senarai syarikat-syarikat yang mengendalikan meter letak kereta yang beroperasi di sekitar Kuala Lumpur sehingga Mei 1991 ialah:
 - (i) Satupadu (M) Sdn. Bhd.
 - (ii) Saripati (M) Sdn. Bhd.
 - (iii) Norma Tradik Automation (M) Sdn. Bhd.
 - (iv) Far East Unitrades Sdn. Bhd.
 - (v) Asas Budiman (M) Sdn. Bhd.
- (b) Kriteria syarikat-syarikat yang dipilih mengendalikan meter untuk kereta ialah:
 - (i) syarikat Bumiputra;
 - (ii) perlu menunjukkan bukti bahawa syarikat mempunyai 'paid-up capital' yang kukuh; dan
 - (iii) jenis meter yang dibekalkan mestilah dari jenis yang boleh

menerima 3 jenis syiling standard Malaysia, iaitu 10 sen, 20 sen dan 50 sen. Meter tersebut haruslah mempunyai sistem tarif seperti berikut:

10 sen untuk 7 1/2 minit

20 sen untuk 2 x 7 1/2 minit

50 sen untuk 5 x 7 1/2 minit

(c) Tempoh bagi satu-satu syarikat ini dibenarkan untuk mengendalikan sistem letak kereta bermeter ini adalah selama 5 tahun. Walau bagaimanapun, syarikat dipertimbangkan lanjutan tempoh kontrak tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui antara kedua belah pihak.

(d) 'Brand' meter letak kereta yang diwajibkan boleh dipakai adalah seperti berikut:

POM (USA), DUNCAN Y.I.P.
70 (USA), KIENZIE PU5
(Germany) dan CALE MOD 70
(Sweden).

(e) Tiada syarikat-syarikat baru ditawarkan bagi mengendalikan meter letak kereta.

ASRAMA DI LUAR BANDAR—MAKANAN MURID-MURID

19. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan teniang masalah kekurangan makanan murid-murid asrama di sekolah-sekolah di kawasan pendalaman di Baram; dan

(b) apakah punca-punca masalah-masalah kekurangan makanan di sekolah-sekolah tersebut.

Dr Leo Michael Toyad:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai masalah kekurangan makanan murid-murid asrama sekolah-sekolah luar bandar seperti di Baram, Sarawak, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Sarawak telah berhubung dengan Pejabat Kewangan Persekutuan yang mana telah memberikan kelulusan supaya beberapa item makanan tempatan seperti ikan, daging, sayur-sayuran, makanan dalam tin, kicap dan sebagainya ditambah dan dibekalkan ke sekolah-sekolah berasrama di kawasan tersebut.

(b) Berdasarkan rekod pejabat dan laporan daripada Guru Besar dan Pegawai Pendidikan Daerah, bekalan makanan untuk murid-murid asrama di sekolah-sekolah luar bandar di kawasan pendalaman, terutamanya di Baram adalah disebabkan oleh kos pengangkutan barang-barang ke kawasan berkenaan adalah tinggi berbanding dengan pesanan dari asrama-asrama berkenaan amat sedikit. Di samping itu, didapati juga wujudnya kelemahan pengu-rusan oleh pihak kontraktor.

KERAJAAN GANDINGAN DI SABAH

20. Tuan Maidom P. Pansai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar Kerajaan Pusat akan mengadakan Kerajaan gandingan (parallel government) di negeri Sabah. Kalau benar, tidakkah ini bertentangan dengan Perlembagaan sama ada di negeri Sabah atau Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Kerajaan Pusat tidak berhasrat untuk mengadakan Kerajaan gandingan (parallel government, dengan izin) di negeri Sabah. Oleh itu, soal sama ada tindakan sedemikian bertentangan dengan Perlembagaan tidak timbul.

AIR PAIP DI SARAWAK— BEKALAN

21. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapakah peratusan rakyat Sarawak masih belum menikmati air paip seluruh negeri Sarawak, khususnya dalam kawasan luar bandar; dan
- (b) apakah pencapaian dan masalah telah dicapai dan dihadapi apabila Antah-Biwater diberi peruntukan besar dalam melaksanakan projek bekalan air di negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau):

- (a) Peratus rakyat negeri Sarawak yang belum menikmati air paip secara keseluruhannya ialah 45%. Walau bagaimanapun, peratus penduduk-penduduk dalam kawasan luar bandar yang masih belum mendapati bekalan air paip adalah 60%.
- (b) Setakat ini, kemajuan pelaksanaan projek khas bekalan air luar bandar oleh Antah-Biwater J.V. pada keseluruhannya ialah 79% siap. Di negeri Sarawak, kebanyakan skim-skim adalah untuk memasang paip air. Daripada sejumlah 467 kilometer panjang paip air yang dicadangkan, sepanjang 429 kilometer paip air telah siap dibina.

Mengenai masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek ini ianya adalah:

- (i) pengambilan lanah;
- (ii) kesukaran memasuki tapak (difficult site access); dan
- (iii) keadaan lapak bina yang teruk (difficult site conditions).

Pelaksanaan projek ini telah memasuki peringkat akhir dan kebanyakan masalah-masalah tersebut telahpun diatasi.

URUSAN AUDIT

22. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah Kementerian Kewangan sedar pihak Akauntan Negara sentiasa menghadapi masalah untuk membuat urusan audit bagi semua Kementerian, Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan yang sentiasa menghantar laporan dan penyata yang lewat sehingga audit bagi tiap-tiap tahun sentiasa terlewat; dan
- (b) apakah Menteri Kewangan sedar apabila urusan audit dibuat terdapat tidak ada dokumen menyokong bagi bukti-bukti debit dan kredit bagi setengah-setengah Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan dan banyak lagi perkara lain yang sepatutnya tidak berlaku seperti yang terkandung dalam arahan-arahan perbendaharaan dan dikehendaki oleh undang-undang. Apakah tindakan yang akan diambil bagi meningkatkan prestasi dan memastikan segala urusan audit dibuat mengikut kehendak undang-undang yang tepat dengan kehendak waktu dan masa serta membanteras segala penyelewengan yang berlaku.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

	1986	1hbJun, 1987
	1987	30hb Julai, 1988
(a)	1988	24hbJulai, 1989
	1989	31hbMei, 1990
	1990	30hbMei. 1991

(a) Kerajaan sedar bahawa memang berlaku kelewatan di pihak beberapa agensi Kerajaan dalam mengemukakan laporan tahunan. Uniuk mengelakkan kelewatan yang berlaku dalam penyediaan laporan dan penyata kewangan oleh Badan-badan Berkanun, Kerajaan telah menggubal satu undang-undang Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 di mana Badan-badan Berkanun diperlukan menyampaikan Penyata Kewangan di dalam tempoh 6 bulan selepas berakhirnya satu-satu tahun kewangan itu. Dengan adanya Akta ini, masalah kelewatan ini telahpun dapat dikurangkan.

Mengikut Seksyen 16, Akta Acara Kewangan dan Seksyen 9(2), Akta Audit, Akauntan Negara Malaysia diberi tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan, uniuk mengemukakan Penyata Akaun Awam kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa sejak dari Tahun Kewangan 1979, laporan dan penyata berkaitan dengan Akaun Awam tidak pernah diserahkan lewat dari 31hb Julai kepada Ketua Audit Negara. Tarikh-tarikh penyerahan Penyata Akaun Awam kepada Ketua Audit Negara adalah seperti berikut:

<i>Tahun Kewangan</i>	<i>Penyerahan untuk Audit</i>
1979	11 hb Julai, 1980
1980	19hb Jun, 1981
1981	30hbJulai. 1982
1982	29hb Julai, 1983
1983	29hb Jun, 1984
1984	25hbJun,1985
1985	21hbJun, 1986

(b) Sebenarnya semua debit dan kredil yang dimasukkira dalam Akaun Awam mempunyai dokumen penyokong yang lengkap semasa pada masa ianya diproses. Setiap lerimaan dan pembayaran Kerajaan yang dibuai melalui Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan akan disemak semula oleh Akauntan Negara melalui pejabat-pejabat pembayarannya. Mana-mana urusanniaga yang tidak disokong dengan dokumen yang mencukupi atau yang tidak mengikut arahan-arahan Perbendaharaan dan lain-lain arahan Kerajaan atau yang bertentangan dengan undang-undang, akan ditolak dan tidak dibayar atau dimasukkira dalam Akaun Awam. Sekiranya urusanniaga yang tidak mempunyai maklumat yang mencukupi diproses juga, maka urusanniaga tersebut akan ditolak oleh komputer pula.

Tetapi dalam tahun 1987 dan 1988, pelaksanaan sistem perakuan baru yang membawa perubahan besar dalam sistem dan dokumentasi proses terimaan serta pembayaran Kerajaan Persekutuan telah menimbulkan berbagai kesulitan kepada semua pihak yang terlibat pada masa itu. Mungkin disebabkan masalah operasi ini maka tumpuan tidak dapat diberi sepenuhnya uniuk melayan kehendak-kehendak juruaudit dalam tempoh yang ditetapkan. Pejabat pembayar pula mendakwa ada juruaudu yang tidak melihat dokumen sokongan yang disimpan secara berasingan atau yang berada

dengan Badan Pencegah Rasuah, mahkamah atau yang sedang diguna untuk membuat kerja-kerja penyelarasan. Bukti-bukti dokumen dalam bentuk mikrofilem telah juga tidak diierima oleh juruaudit.

Walau bagaimanapun, Jabatan Akauntan Negara sering mengadakan dialog dengan Jabatan Audit Negara dengan tujuan untuk mempertingkatkan mutu dan standard pengauditan Akaun Awam supaya Laporan Ketua Audit Negara tidak memberi gambaran yang mengelirukan orang ramai dari apa yang sebenarnya.

Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan telah menubuhkan pada 1-11-89 satu Unit Khas di bawah Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan untuk mengambil tindakan susulan dan memastikan supaya Kementerian/Jabatan Kerajaan mematuhi arahan dan peraturan-peraturan selepas teguran Kelua Audit Negara sehingga masalah ini selesai. Unit Khas ini yang dipanggil Sektor Kawalan Perbelanjaan juga akan mengesan penyelewengan, tindakan boros atau penyalahgunaan wang Kerajaan atau kecenderongan berbuat demikian oleh agensi-agensi Kerajaan, termasuk kelemahan-kelemahan pengurusan dari peringkat awal lagi dan semasa urusan/projek sedang berjalan. Ini bermakna tindakan-tindakan pembedahan/membanteras dapat ditetapkan segera tanpa menunggu laporan Jabatan Audit Negara yang pada kebiasaannya diterima lambat untuk diambil sesuatu tindakan dengan berkesan dan bermakna.

PERTUMBUHAN INDUSTRI DI PEKAN KECIL

23. Tuan Haji Ishak bin Arshad minia Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tenyatakan:

- (a) apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menyebarkan pertumbuhan industri-industri di pekan-pekan kecil di Malaysia; dan
- (b) sejauh manakah penghapusan 'locational incentive' telah memberi kesan kepada pertumbuhan sektor perindustrian di kawasan kurang maju di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):

- (a) Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah seperti berikut untuk menyebarkan industri-industri ke kawasan-kawasan yang kurang menjadi tumpuan pelabur-pelabur di masa ini, termasuk pekan-pekan kecil:
 - (i) memberi galakan cukai dalam bentuk pengurangan pendapatan larasan (abatement of adjusted income) kepada syarikat-syarikat yang menepatkan projek-projek di kawasan-kawasan industri yang dimajukan, termasuk kawasan-kawasan kurang maju. Ini juga menjadi satu kriteria dalam penempatan kadar Elaun Cukai Pelaburan, iaitu galakan cukai yang diberi kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti/keluaran yang digalakkan; dan

- (ii) memperbaiki infrastruktur dan bekalan kemudahan di kawasan-kawasan kurang maju supaya daya tarikan kawasan-kawasan ini dapat dipertingkatkan.

Walaupun langkah-langkah ini telahpun diambil oleh Kerajaan, perlu ditegaskan bahawa pemilihan sesuatu tapak untuk lokasi projek, adalah dibuai oleh pelabur sendiri berasaskan ciri projek dan faktor-faktor berkaitan kos pengeluaran.

Namun demikian, dengan perkembangan pesat pertumbuhan industri-industri di kawasan-kawasan yang boleh ditafsirkan sebagai 'Principal Growth Areas', dengan izin, seperti Lembah Kelang, Pulau Pinang, Johor Bahru, masalah-masalah seperti kekurangan tanah perindustrian dan pekerja mahir telah wujud. Masalah-masalah ini secara sendiri akan mendorong pelabur-pelabur untuk menempatkan projek-projek di kawasan-kawasan luar dari 'Principal Growth Areas' ini kepada kawasan-kawasan 'Semi-Urban', dengan izin, dan kawasan-kawasan luar bandar termasuk pekan-pekan kecil.

- (b) Lokasi sesuatu projek itu dibuat berasaskan beberapa faktor seperti infrastruktur, kewujudan pekerja-pekerja, tanah yang sesuai, bekalan bahan-bahan mentah, kos pengangkutan dan kewujudan industri-industri sokongan yang lain. Semua faktor-faktor ini akan memberi kesan terhadap kos dan seterusnya daya maju sesuatu projek itu. Insentif cukai merupakan satu galakan tambahan tetapi kesannya tidak dapat mengatasi faktor-faktor asas. Oleh itu, penghapusan

insentif locational seperti ini tidak akan memberi kesan besar terhadap pertumbuhan industri-industri di kawasan kurang maju.

Namun begitu, oleh sebab masalah kekurangan pekerja dan tanah perindustrian yang semakin serious di kawasan-kawasan maju, dan untuk mendorong syarikat-syarikat menubuhkan kilang-kilang di kawasan kurang maju, Kerajaan sedang menimhangkan untuk mengadakan satu bentuk galakan yang sesuai bagi industri yang mendirikan kilang di kawasan-kawasan kurang maju. Galakan ini diharap akan dapat mengimbangi kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh kawasan-kawasan tersebut dari segi faktor-faktor asas yang telah dinyatakan tadi.

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU HILIR REJANG-MUKAH

24. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bersetuju membiayai kos projek IADP (Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu di Lembangan dan Delta Sungai Rejang) yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak pada 6.5.91 di Kota Samarahan:

- (a) sepenuhnya; atau
- (b) pada kadar yang dipersetujui nanti; atau
- (c) tidak akan memberi sebarang peruntukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Hilir Rejang Mukah masih lagi di peringkat awal perancangan. Pada masa ini,

Kementerian Pertanian masih lagi meneliti cadangan kemungkinan melaksanakan projek tersebut dan maklumat-maklumat yang diperlukan masih lagi di peringkat penyediaan oleh Unit Perancang Negeri. Walau bagaimanapun, pihak Bank Pembangunan Asia (ADB) telah menunjukkan minat untuk membiayai sebahagian daripada kos projek ini setelah kajian kemungkinannya disiapkan.

RANCANGAN RTM DAN TV3—PENAPISAN

25. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah Kementerian bertindak terhadap RTM dan TV3 yang menyiarkan rancangan-rancangan yang keierlaluhan yang boleh membawa keruntuhan akhlak, khasnya terhadap generasi muda di negara ini; dan
- (b) adakah Kementerian tidak berkuasa menurut undang-undang untuk mencegah rancangan-rancangan televisyen yang berunsur jenayah, ganas, muzik yang menggila dan cerita-cerita yang berunsur lucah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman):

- (a) Lembaga Penapisan Filem telah memperketatkan penapisan rancangan-rancangan TV untuk siaran melalui RTM dan TV3. Langkah dibuat untuk memastikan gejala-gejala untuk yang memungkinkan berlakunya keruntuhan akhlak adalah di tahap paling minima.
- (b) Kementerian Penerangan memang mempunyai kuasa penuh untuk melarang mana-mana rancangan yang berunsur

jenayah, keganasan, muzik yang menggila dan cerita-cerita berunsur lucah dari disiarkan melalui kaca TV,

PELANCONGAN DI NEGERI KELANTAN

26. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah maksud sebenar Menteri berkenaan membuat kenyataan mengatakan kononnya prestasi pelancongan negeri Kelantan merosot sejak negeri itu bertukar Kerajaan. Dari sumber mana maklumat itu diperolehi sedang rekod hotel-hoel di negeri itu sentiasa penuh;
- (b) adakah Menteri tersebut mendapat maklumat tentang adanya usaha cuba menghalang pelancong-pelancong masuk ke Kelantan dari pintu sebelah utara dan sebaliknya menggalakkan mereka masuk ke Malaysia melalui Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam. Apakah tujuan kegiatan itu dan apa tindakan Kerajaan. Jika tidak ada maklumat, adakah Kerajaan bercadang untuk menyiasat dan melaporkannya ke Dewan ini kemudian; dan
- (c) prestasi pelancongan agak merosot dalam masa Perang Teluk lalu. Negeri manakah yang paling teruk menerima kesannya.

Dato' Abdul Raman bin Suliman:

- (a) Pemilihan satu-satu destinasi oleh para pelancong bergantung kepada beberapa perkara yang mana keselesaan dan kepuasan yang maksima merupakan faktor-faktor penting yang menentukan pelancong-pelancong memilih

satu-satu destinasi. Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Kelantan seperti ura-ura tidak membenarkan kaum wanita bekerja di waktu malam akan memberi gambaran yang negatif kepada pelancong-pelancong. Berita-berita seperti ini tersebar luas di seluruh dunia yang mana akan mempengaruhi pelancong-pelancong untuk tidak melawat negeri Kelantan.

Satu kajian kadar penginapan hotel telah dibuat di Kota Bharu, Kelantan baru-baru ini. Daripada kajian tersebut didapati dalam tempoh tiga bulan pertama tahun 1991, kadar penginapan purata hotel-hotel di Kota Bharu didapati adalah sebanyak 47.2% berbanding dengan sebanyak 66% bagi tempoh yang sama tahun 1990. Ini menunjukkan bahawa kadar penginapan purata hotel-hotel di negeri berkenaan telah merosot sebanyak 18.8% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Kemerosotan tersebut adalah didapati lebih tinggi berbanding dengan kadar penginapan purata hotel-hotel di seluruh Malaysia yang mengalami pengurangan sebanyak 5.6% sahaja berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya.

- (b) Kementerian saya tidak menerima maklumat tentang adanya usaha cuba menghalang pelancong-pelancong masuk ke Kelantan dari sebelah utara. Kerajaan sentiasa menggalak pelancong-pelancong datang memasuki Malaysia dari semua pintu-pintu masuk yang sah tidak kira sama ada ianya dari Rantau Panjang ataupun Padang Besar.
- (c) Berdasarkan kepada kajian ke atas hotel di bandar-bandar utama seluruh Malaysia dalam tahun ini

menunjukkan bagi tempoh bulan Januari hingga Mac 1991, iaitu jangka waktu kemuncak dan berakhirnya Perang Teluk tersebut, negeri-negeri yang mengalami kemerosotan dua angka dari segi kadar penginapan purata adalah Negeri Sembilan (-15.1%), Melaka (-11.2%) dan Kelantan (-18.8%) berbanding dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

KEMAS—MATLAMAT PELAJARAN AGAMA

27. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah dasar dan matlamat pelajaran agama KEMAS seria golongan manakah yang menjadi sasarannya;
- (b) sila jelaskan kaedah pemilihan dan syarat-syarat bagi menjadi guru agama KEMAS; dan
- (c) berapakah bilangan guru agama KEMAS itu yang mendapat tauliah dari Majlis Agama Negeri. Jika ada antara mereka yang tidak bertauliah, sila terangkan sebab-sebab mereka dikecualikan dari peraturan itu.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

- (a) Dasar pelajaran Agama KEMAS ialah untuk membangunkan masyarakat secara menyeluruh meliputi aspek sosio-ekonomi, ketatanegaraan dan juga kerohanian ke arah melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan berkemahiran supaya lebih dinamik dan berdikari.

Matlamatnya adalah bagi meningkatkan keupayaan dan kesedaran rakyat supaya dapat

menggunakan fakta masa dan sumber ke tahap optima dengan harapan supaya kadar pembangunan ekonomi dan tahap kesejahteraan hidup keluarganya sentiasa di tahap cemerlang dan mendapat keredaan Allah s.w.t.

Dasar dan matlamat ini adalah ditujukan bagi segenap lapisan rakyat.

- (b) Kaedah pemilihan dan syarat-syarat bagi menjadi guru Agama KEMAS adalah seperti berikut:
- (i) kelayakan akademik dan memiliki IV Thanawi;
 - (ii) ada Tauliah Mengajar Agama; dan
 - (iii) mempunyai pendidikan dan pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan Agama Islam.
- (c) Semua guru agama yang dilantik setakat ini, iaitu seramai 1,199 orang mempunyai tauliah mengajar yang diluluskan oleh Majlis Agama Negeri masing-masing tanpa pengecualian.

PERUNTUKAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN DI SABAH

28. Tuan Joseph Voon minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan yang telah diberi kepada sekolah-sekolah bantuan Kerajaan di Sabah sejak sislem pendidikan di Sabah ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam peruntukan tersebut, berapakah yang telah dibelanjakan; dan
- (b) berapakah sekolah rendah dan menengah telah dibina di Sabah

sejak Rancangan Malaysia Pertama sampai Kelima dan di kawasan mana.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan sekolah-sekolah bantuan Kerajaan di Sabah adalah \$70.3 juta manakala jumlah perbelanjaan pula adalah sebanyak \$55.8 juta. Peruntukan dan perbelanjaan ini adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 1980 hingga 1990.
- (b) Jumlah sekolah rendah dan menengah yang dibina di Sabah mutai Rancangan Malaysia Periana hingga ke Rancangan Malaysia Kelima adalah 612 buah, iaitu 507 buah daripadanya adalah sekolah rendah dan 95 lagi adalah sekotah menengah. Kawasan-kawasan yang mendapat faedah ini adalah Keningau, Sandakan, Tawau, Pantai Barat Selatan, Pantai Barat Utara, Beaufort dan Wilayah Persekutuan Labuan.

PUNGUTAN TOL

29. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapa syarikat dan plaza tol di seluruh negara;
- (b) jumlah kutipan tol masing-masing hingga setakat ini; dan
- (c) bilakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan kutipan tol.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:

- (a) Pada masa ini, terdapat 3 buah syarikat yang mengendalikan pungutan tol di seluruh negara.

Bilangan plaza tol yang di- kendalikan oleh syarikat-syarikat berkenaan ialah seperti berikut:

<i>Syarikat</i>	<i>Bilangan Plaza Tol</i>
1. Projek Lebuhraya Utara-Selatan Bhd. (PLUS)	30
2. Syarikat Shapadu Properties Sdn. Bhd.	1
3. Kamunling Corporation Berhad	1
	32

- (b) Untuk makluman, jumlah tol yang dipungut oleh Syarikat Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad dari November 1988 sehingga Mei 1991 ialah sebanyak \$242.15 juta. Syarikat Shapadu Properties Sdn. Bhd. telah memungut sebanyak \$23,182,433 iaitu dari Januari 1985 sehingga April 1991, semeniara Syarikat Kamunting Corporation Berhad telah memungut sebanyak \$68,523,416.92 dari tempoh Januari 1987 hingga April 1991.
- (c) Buat ketika ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan tol bagi mana-mana jalan yang dikenakan tol.

SEKOLAH DAN RUMAH GURU—MEMPERBAIKI

30. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan dan tindakan Jabatan Pendidikan untuk memperbaiki keadaan rumah-rumah sekolah dan rumah-rumah guru di kawasan Baram yang kebanyakan sudah lama, buruk, bumbung bocor dan panas waktu siang hari kerana beratap zinc yang mengakibatkan keadaan dalam bilik

sekolah tidak selesa untuk guru-guru dan murid-murid sekolah.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa rancangan untuk memperbaiki sekolah dan rumah guru di daerah Baram, Sarawak sedang dijalankan. Bagi RM6, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah mencadangkan untuk memperbaiki sebanyak 20 buah sekolah dan rumah guru dengan perbelanjaan sebanyak \$3.7 juta. Walau bagaimanapun, rancangan tersebut hanya dapat dilaksanakan setelah diluluskan oleh Parlimen.

PEMBANGUNAN PULAU REDANG

31. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) bagaimanakah kucar-kacir mengenai pembangunan di Pulau Redang berlaku;
- (b) mengapa kontraktor berkenaan dibenarkan untuk memulakan kerja sebelum kerja Jabatan Alam Sekitar memproses kajian awal mengenai kesan ke atas alam sekitar;
- (c) bagaimanakah pembangunan ini konsisten dengan hakikat bahawa perairan di sekitar pulau tersebut adalah sebahagian dari Taman Marin Malaysia yang pertama; dan
- (d) apakah langkah-langkah telah diambil untuk mengelakkan pemusnahan selanjutnya pada sistem ekologi marin yang mudah rosak di sekitar pulau tersebut.

Tuan Peter Chin Fah Kui:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pihak Jabatan Alam Sekitar, tidak timbul isu kucar-kacir kerana penggerak projek (Redang Island Resort

Sdn. Bhd.) mengemukakan laporan kesan-kesan alam sekitar (EIA) seperti yang dikehendaki dan setelah disemak, laporan berkenaan diluluskan dengan beberapa syarat.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, urusan membenarkan kontraktor memulakan kerja adalah di luar bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar.
- (c) Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman mempunyai cadangan untuk memajukan Pulau Redang sebelum undang-undang mengenai penilaian kesan alam sekitar (EIA) berkuatkuasa pada 1hb April, 1988 dan selepas Pulau Redang diwartakan sebagai Taman Laut di bawah Akta Perikanan, 1985 pada tahun 1985. Kerja-kerja pembangunan dimulakan dengan pembinaan jalan dari kuala ke hulu Sungai Redang pada bulan Mac, 1988. Kerja-kerja pembinaan yang melibatkan pembersihan tanah dan pemotongan bukit di-berhentikan pada akhir 1990. Pada Disember 1990, penggerak projek mengemukakan laporan EIA untuk membangunkan sebahagian daripada pulau tersebut sebagai tempat pelancongan dan rekreasi.
- (d) Penggerak projek telah mengemukakan laporan kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), selaras dengan kehendak Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Laporan tersebut telah mengambilkira isu-isu alam sekitar serta langkah-langkah kawalan yang terperinci terutama berkaitan pemuliharaan hutan bakau dan terumbu karang serta pemuliharaan ekologi laut dan pulau.

Projek ini melibatkan kawasan seluas 157.9 hektar iaitu lebih kurang sepuluh peratus (10%) daripada jumlah luas kawasan pulau.

Kelulusan laporan EIA telah diberikan dengan beberapa syarat dan satu program untuk mengawas pematuhan syarat-syarat sedang dilaksanakan.

SIJIL TAMBAHAN BAHASA INGGERIS

32. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Pendidikan menyatakan sebabnya sijil tambahan Inggeris telah merosot di sekolah-sekolah. Adakah Kementerian Pendidikan bercadang hendak memberikan sijil tambahan untuk murid Tingkatan 5 yang lulus dalam mata-pelajaran bahasa Inggeris selain daripada SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) sebagai satu insentif untuk murid-murid mengambil berat tentang kepentingan bahasa Inggeris selain daripada Bahasa Malaysia.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak mengelolakan peperiksaan untuk sijil tambahan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dan tidak bercadang memberi sijil tambahan untuk murid-murid Tingkatan 5 yang lulus matapelajaran bahasa Inggeris selain daripada SPM.

PULAU JEREJAK—MENGAMBIL HAKMILIK

33. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berkenaan Pulau Jerejak:

- (a) bila Kerajaan Pusat mulai mengambil hakmilik (penggunaan) Pulau Jerejak dan syarai-syarat yang dikenakan;

- (b) mengapa Pulau Jerejak diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri; dan
- (c) syarat-syarat atau gantirugi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri atau sebaliknya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang hampir sama telahpun saya jawab pada 18-6-91 yang lalu, iaitu soalan dari Yang Berhormat dari Bukit Merlajam. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

ASRAMA DESA—PEMBINAAN

34. Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah asrama desa yang akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Keenam:

- (a) apakah sebenarnya konsep dan garis panduan pembinaan asrama dan apakah peruntukan pembinaannya masih lagi \$50,000 ataupun sudah dikaji semula untuk ditambah kepada suatu jumlah yang munasabah, misalnya \$100,000; dan
- (b) bagaimana dengan pembinaan Asrama Desa di Daerah Sepang seperti yang telah pernah dijanjikan oleh bekas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang Kementerian Pendidikan belum lagi memutuskan bilangan Asrama Desa yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keenam. Walau bagaimanapun, sehingga kini Kementerian Pendidikan telah mendirikan sebanyak 223 buah Asrama Desa di seluruh negara dan sedang

berusaha untuk meneruskan pembinaan 27 buah lagi dalam tahun ini.

- (a) Asrama Desa adalah tempat tinggal bagi pelajar-pelajar dari keluarga termiskin, khususnya di luar bandar pada sepanjang sesi persekolahan. Ianya bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar dari keluarga termiskin ini mendapatkan pendidikan bermutu dengan cara mengatasi masalah pengangkutan dan juga menyediakan suasana pembelajaran yang lebih memberangsangkan bagi membolehkan mereka memperbaiki pencapaian pelajar masing-masing. Kemudahan tempat tinggal dan makanan disediakan dengan percuma.

Kementerian Pendidikan akan menambah peruntukan pembinaan Asrama Desa dari \$50,000 bagi setiap unit Asrama Desa kepada \$100,000. Tambahan peruntukan tersebut akan membolehkan asrama-asrama desa dibina lengkap dengan kemudahan-kemudahan seperti bilik warden lelaki dan perempuan, bilik makan, bilik mandi dan kemudahan tempat tinggal yang lebih selesa.

- (b) Buai masa ini, Kementerian Pendidikan belum dapat melaksanakan pembinaan Asrama Desa di Daerah Sepang oleh sebab kekurangan peruntukan serta sedang menunggu persetujuan dari Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

RASUAH PEGAWAI JABATAN IMIGRESEN

35. Tuan Wong Wing On minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kes rasuah yang melibatkan pegawai-pegawai Jabatan Imigresen di

aniara tahun 1990 dan Mei 1991 yang telah dilaporkan kepada Kementerian, pihak Polis dan Badan Pencegah Rasuah, dan bilangan kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Antara tahun 1990 dan 1991 (Mei), sebanyak 11 kes rasuah telah dilaporkan berlaku melibatkan pegawai dan kakitangan di Jabatan Imigresen. Daripadanya, 4 kes telah dihadapkan ke mahkamah dan masih dalam perbicaraan manakala 7 kes yang lain sedang dalam tindakan Lembaga Tatatertib Jabatan Imigresen.

KAD PENGENALAN BARU

36. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar kad pengenalan dalam proses pembaharuan selama 1 tahun pun belum dikeluarkan dengan kad yang baru ini merumitkan pemohon-pemohon yang berkenaan. Apakah masalah yang dihadapi oleh pihak yang berkenaan atas pengeluaran kad baru itu. Berapa lama lagi masalah itu akan diatasi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian memang sedar bahawa kad pengenalan baru belum diserahkan kepada pemohon, Walau bagaimanapun, kad-kad berkenaan akan diserahkan tidak lama lagi.

PERINTAH AM KEPADA ANGGOTA TENTERA

37. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sejauh manakah seseorang anggota tentera itu terikat dengan Perintah-perintah Am (General Orders) dan adakah ia hanya tertakluk kepada undang-undang serta peraturan-peraturan tentera sahaja untuk menjaga kerjaya (career) mereka;

(b) apabila seseorang anggota tentera dihadapkan ke mahkamah sivil, bolehkah ia dinaikkan pangkat;

(c) jika boleh, bagaimana pula dengan pangkatnya yang baru itu sekiranya ia disabitkan kesalahan; dan

(d) bolehkah tindakan disiplin diambil ekoran dari sabitan kesalahannya.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):

(a) Angkatan Tentera Malaysia adalah merupakan salah satu cabang perkhidmatan Jabatan Kerajaan sepertimana yang dinyatakan di dalam Artikel 132(1) (a) kepada Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, Artikel 74(1) kepada Perlembagaan Persekutuan telah memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang yang merangkumi aspek-aspek pertahanan. Justeru itu, Akta Angkatan Tentera 1972 telah diwujudkan. Uniuk melaksanakan urusan pemerintahan, disiplin dan pentadbiran dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan Angkatan Tentera (kecuali operasi), Majlis Angkatan Tentera (MAT) telah diwujudkan melalui Artikel 137(1) kepada Perlembagaan Persekutuan.

Daripada peruntukan undang-undang yang telah dijelaskan di atas, maka adalah jelas bahawa Angkatan Tentera adalah 'legally independent' daripada undang-undang serta peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan ke atas Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Di dalam lain perkataan, MAT adalah 'supreme' dan tidak tertakluk kepada mana-mana Jabatan yang lain kecuali Yang di-Pertuan Agong dan Parlimen.

Akhir kala, Peraturan-peraturan serta Perintah-perintah Am yang dikuatkuasakan ke atas Jabatan Kerajaan yang lain tidak boleh digunapakai terhadap Angkatan Tentera kecuali ianya telah diterima, ubahsuai atau disahkan oleh Majlis Angkatan Tentera. Sehubungan dengan itu, setiap anggota Angkatan Tentera hanya tertakluk kepada undang-undang serta peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan terhadap mereka melalui Akta Undang-undang Angkatan Tentera 1972 dan Undang-undang Kecil yang dibuat di bawahnya demi untuk menjaga kerjaya mereka di dalam Angkatan Tentera.

- (b) Tiada peruntukan undang-undang yang menyatakan bahawa seseorang anggota tentera yang dihadapkan ke Mahkamah Sivil (sama ada kes jenayah atau sivil) tidak boleh dinaikkan pangkat.

Namun demikian, ini tidak bermakna Angkatan Tentera tidak peka dan tidak mengambilkira kesalahan yang telah dilakukan oleh anggota tersebut sebelum ianya dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat seterusnya. Ini adalah penting demi untuk melihat 'image' dan disiplin di dalam Angkatan Tentera supaya ianya tidak tercemar oleh elemen-elemen yang tidak diinginkan. Sehubungan dengan itu, tindakan pentadbiran seperti pemberhentian daripada perkhidmatan atau dipecat daripada jawatan boleh diambil terhadap anggota tentera seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta 72 iaitu pembatalan tauliah; Seksyen 11, Akta 72 iaitu pembatalan perlanhkan; Peraturan 20 kepada Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan

Faedah-faedah lain) 1982, iaitu persaraan paksa bagi pegawai-pegawai; Peraturan 49 kepada Army and Airforce (Term of Service) Regulations 1961 iaitu 'Discharge On Other Grounds' untuk anggota lain-lain pangkat.

- (c) Pengsabitan ke atas kesalahan yang dipertuduhkan tidak menjejaskan pangkat yang baru disandang oleh anggota tersebut. Pihak berkuasa tentera yang telah menaikkan pangkat anggota sebelum ianya dithabitkan tentunya telah mempertimbangkan dengan wajar akibatnya terhadap Angkatan Tentera. Tindakan disiplin seperti menurunkan pangkat anggota yang dithabitkan kepada pangkat asal akan bercanggah dengan peruntukan di bawah Seksyen 146, Akta 72 yang tidak membenarkan sesiapa pun dibicarakan di bawah Akta tersebut di atas kesalahan-kesalahan yang sudah dibicarakan.

Walau bagaimanapun, sayugia dimaklumkan bahawa tindakan pentadbiran masih boleh diambil terhadap anggota tersebut seperti pemberhentian daripada perkhidmatan atau dipecat daripada jawatan boleh diambil terhadap anggota tentera seperti yang dinyatakan di atas.

- (d) Sekiranya seseorang anggota tentera telah disabitkan kesalahannya maka tindakan disiplin tidak lagi boleh diambil terhadapnya. Ini adalah berasaskan peruntukan di bawah Seksyen 146, Akta 72 yang memperuntukkan bahawa 'tiada sesiapa boleh dibicarakan di bawah Akta ini atas kesalahan-kesalahan yang sudah dibicarakan oleh Mahkamah Awam.

Walau bagaimanapun, tindakan pentadbiran seperti pemberhentian daripada perkhidmatan dipecat daripada jawatan masih boleh diambil terhadap anggota yang berkenaan seperti yang dinyatakan di atas.

KADAR ELEKTRIK DI SABAH

38. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa kadar cukai elektrik di negeri Sabah adalah terlalu tinggi jika dibandingkan dengan di Semenanjung Malaysia. Adakah Kerajaan Pusat akan mengambil langkah untuk menurunkan kadar cukai tersebut dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar cukai elektrik lebih tinggi di Sabah berbanding dengan kadar di Semenanjung adalah kerana kos penjanaannya lebih tinggi. Sungguhpun Kerajaan Pusat berhasrat untuk menurunkan kadar elektrik itu supaya setanding dengan Semenanjung, namun langkah ini akan menyebabkan bayaran subsidi yang besar kepada pengguna-pengguna di Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Pusat telahpun menurunkan kadar tarif di sektor perindustrian yang banyak menggunakan tenaga elektrik di Sabah. Bagi kawasan dan kategori pengguna yang lain, jenis dan jumlah penurunan kadar tarif memerlukan kajian dan pertimbangan yang terperinci. Selaras dengan keperluan ini, Kerajaan Pusat telahpun melantik juruperunding untuk membuat kajian mengenainya. Kerajaan Pusat sangat bersimpati dengan pengguna di negeri Sabah dan berhasrat satu keputusan yang positif akan diambil setelah kajian mendalam mengenainya selesai kelak.

KEMALANGAN DI LINTASAN JALAN BERAPIT, BUKIT MERTAJAM

39. Tuan Chian Heng Kai minia Menteri Pengangkutan menyatakan hasil siasatan berkenaan dengan:

- (a) kes kemalangan yang berlaku di lintasan Jalan Berapit, Bukit Mertajam di mana pintu lintasan yang dilanggar oleh sebuah keretapi kargo sehingga pecah; dan
- (b) kes kematian seorang murid perempuan berumur 13 tahun dalam kawasan Stesen Keretapi Tanah Melayu, Bukit Mertajam pada 2hb April, 1991.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Hasil daripada penyiasatan KTM terhadap kes yang berlaku pada 9hb Jun, 1988, adalah disyaki bahawa ianya satu perbuatan khianat dilakukan oleh seseorang atau orang yang tidak dikenali terhadap dawai penghubung semboyan get yang mengawal laluan get di lintasan rata yang berkenaan. Dawai tersebut didapati telah dipintal dengan sebatang kayu hingga menjadi tegang seterusnya mengakibatkan semboyan/signal tertunduk dan pemandu tren yang menyangkakan semboyan get ditundukkan untuk laluan tren.
- (b) Pada 2-4-91, tren No. 501Tn telah tiba di Stesen Bukit Mertajam, jam 1218. Tren ini tidak dijadualkan berhenti pada hari tersebut tetapi berbuat demikian kerana Pemandu ingin membuat laporan kepada Ketua Stesen.

Semasa tren ini hendak memulakan perjalanan di dapati 3 orang murid sekolah telah cuba menyeberangi landasan dengan merangkak di bawah gerabak.

Peristiwa ini tidak dapat dikesan pada awalnya oleh petugas tren mahupun Ketua Stesen kerana terlindung pandangan disebabkan platform Stesen Bukit Mertajam berada di selekoh. Tambahan pula, murid-murid tersebut melintasi dari bawah gerabak.

Kejadian ini dapat dielakkan sekiranya murid-murid sekolah tersebut menggunakan jejantas yang memang sedia ada untuk menyeberang antara platform 1 dan 2. Jejantas utama bagi semua landasan telah dirobohkan sedikit masa dulu.

Sebagai langkah keselamatan, sebuah jejantas baru berharga \$350,000 sedang dirancang pembinaannya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

PROJEK AMPANGAN LEMBAH PERGAU

40. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan Projek Ampangan Lembah Pergau:

- (a) mengapakah projek ini dilaksanakan secara turnkey; dan
- (b) mengapakah harga kontrak meningkat begitu banyak jika dibandingkan dengan anggaran harga asal.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) Sama ada sesuatu projek dilaksanakan secara lazim atau turnkey hendaklah mengambil-

kira berbagai faktor. Pada ketika ini, perlimbangan telah diberi kepada:

- (i) setakat mana pelaksanaan projek boleh dipercepatkan jika projek dilaksanakan secara turnkey; dan
 - (ii) faedah yang diperolehi daripada pembiayaan dan sumbangan British yang ditawarkan jika projek turnkey digunakan.
- (b) Kos projek asal telah dianggar berdasarkan paras harga tahun 1986. Perbandingan harga kontrak dengan anggaran kos projek asal hendaklah mengambil kira faktor-faktor yang berikut:
- (i) kenaikan harga atau eskalasi untuk tempoh tahun 1986 dan tahun 1991;
 - (ii) perubahan kepada skop kerja disebabkan oleh maklumat teknikal yang bertambah; dan
 - (iii) kadar pertukaran wang Malaysia terhadap kadar pertukaran wang asing.

Hendaklah ditegaskan di sini bahawa dengan pembiayaan oleh Kerajaan British atas kadar faedah yang sangat rendah maka kos projek ini dapat dikurangkan.

JALAN PERSISIRAN MENYAMBUNG KELANTAN DAN TERENGGANU

41. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan akan membina jalan persisiran pantai menyambung Kelantan dan Terengganu. Jika ianya dilaksanakan, bilakah pelaksanaannya, dan jika tidak, mengapa.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Jalan Laluan Persekutuan 3 (LP3) yang ada sekarang, yang menghubungkan kedua-dua negeri Kelantan dan Terengganu dan seterusnya ke Kuala Lumpur merupakan jalan penghubung utama yang baik. Oleh itu, daripada kajian awal yang dibuat oleh Kmenterian Kerja Raya adalah didapati bahawa dari segi keutamaan, projek jalan persisiran pantai ini tidak perlu dilaksanakan pada masa sekarang.

Di samping itu, bahagian-bahagian jalan persisiran pantai yang sedia ada masih boleh digunakan oleh penduduk di kawasan berkenaan.

KLINIK DESA DI SARAWAK—PEMBINAAN

42. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan ada cadangan untuk membina Klinik Desa di tempat-tempat berikut di Sarawak:

- (a) Ulu Kakus, Badang;
- (b) Nanga Penyarai, Daerah Tatau;
- (c) Nanga Muput, Dacrah Tatau;
- (d) Nanga Tepus, Daerah Balingan;
- (e) Nanga Arau, Ulu Mukah, Daerah Mukah; dan
- (f) Nanga Pakoh, Daerah Dalat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Bagi Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Kesihatan telah mencadangkan untuk mendirikan Klinik Desa di Nanga Penyarai, Daerah Tatau dan Nanga Tepus, Daerah Balingan, Pembinaan dijangka mula pada menjelang tahun 1994. Projek-projek yang lain akan dipertimbangkan semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam dan akan dilaksanakan dengan secara berperingkat-peringkat.

BERSARA AWAL

43. Tuan Shahidan bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa persaraan awal oleh terlampau ramai kakitangan Kerajaan tidak akan menjejaskan tahap kelicinan pentadbiran Kerajaan Pusat dan negeri; dan
- (b) sejauhmana kejayaan Kerajaan dalam mengurangkan bilangan kakitangan sektor awam dan kesannya terhadap perkhidmatan awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):

- (a) Kerajaan Pusat ataupun Negeri tidak akan membenarkan pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk bersara awal sekiranya perkhidmatan mereka diperlukan. Dengan cara ini, kelicinan pentadbiran Kerajaan tidak akan terjejas.
- (b) Oleh kerana kemudahan persaraan awal ini baru sahaja dilaksanakan, iaitu pada 12hb April, 1991, maka adalah sukar atau terlalu awal bagi Kerajaan untuk mengukur sama ada persaraan awal ini akan menepati matlamat mengurangkan bilangan kakitangan sektor awam dan kesannya terhadap perkhidmatan awam.

HOSPITAL DAERAH KUALA KUBU BHARU—TARAF

44. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah rancangan dan bantuan peruntukan Kementerian Kesihatan dalam usaha untuk menaikkan taraf kemudahan Hospital Daerah Kuala Kubu Bharu. Adakah pihak Kementerian bercadang

untuk melengkapkan hospital tersebut, dari segi kemudahan, bagi membolehkannya menjalankan pembedahan mudah seperti pembedahan appendicitis. Adakah Kementerian Kesihatan berpuashati atau merasakan kemudahan yang sedia ada itu mencukupi.

Dato' K. Kumaran: Cadangan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-6 untuk meninggikan taraf perkhidmatan di Hospital Daerah Kuala Kubu Bharu adalah membina satu blok baru Jabatan Pesakit Luar dan satu blok Peniadbiran.

Antara beberapa kemudahan yang terdapat di hospital tersebut adalah Bilik Pembedahan yang telah dilengkapi dengan alat-alat untuk menjalankan pembedahan besar termasuk 'appendectomy'.

Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membincang dengan pihak Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia tentang kemungkinan Hospital Daerah Kuala Kubu Baru diguna sebagai pusat latihan bagi mahasiswa perubatan Fakulti tersebut. Pada dasarnya, Kementerian berseiuju dengan cadangan ini. Pihak Universiti Kebangsaan Malaysia bercadang akan menghantar beberapa pakar dalam beberapa bidang perubatan serta pegawai perubatan ke hospital tersebut. Ini bermakna taraf perkhidmatan perubatan tersebut akan meningkat.

BEKALAN AIR DI JOHOR BAHRU

45. Datin Ling Chooi Sieng minta Menteri Kerja Raya menyalakan sama ada beliau merasa puas hati dengan perkhidmatan bekalan air yang dikelolakan oleh Jabatan Bekalan Air di bandar Johor Bahru.

Datuk Peter Tinggom Anak Kemarau: Kementerian ini memang

berpuashati dengan perkhidmatan Jabatan Bekalan Air di Johor Bahru. Saya telah difahamkan bahawa pengeluaran bekalan air di Johor Bahru adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan air semasa. Kualiti air sentiasa dikawal dan setakat ini tiada laporan kejadian kekurangan air ataupun mutu perkhidmatan bekalan air.

KILANG ELEKTRONIK— MENGUATKUASA KESELAMATAN

46. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh manakah Kementerian pasti bahawa kilang-kilang elektronik, kilang-kilang yang menggunakan bahan-bahan kimia atau gas berada dalam keadaan selamat dan sejauh manakah pengawasan diberi kepada kilang-kilang berkenaan.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Untuk memastikan kilang-kilang elektronik dan kilang-kilang yang menggunakan bahan-bahan kimia atau gas berada dalam keadaan selamat, Kementerian Sumber Manusia menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera, 1967 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Di bawah Akta ini, pekilang-pekilang adalah bertanggungjawab untuk menyelenggara dengan baik jentera-jentera yang digunakan dan memberi latihan mengenai cara kerja yang selamai kepada pekerja-pekerjanya. Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Sumber Manusia juga telah menguatkuasakan penggunaan alat-alat pelindung diri seperti alat penyaring udara, kacamata keselamatan, kasut keselamatan, sarung tangan dan pakaian yang sesuai untuk memastikan keselamatan pekerja-pekerja kilang.

Pegawai-pegawai dari Jabatan Kilang dan Jentera menjalankan pemeriksaan berjadual dan mengejut ke atas kilang-kilang untuk menguatkuasakan

peraturan-peraturan keselamatan, kesihatan dan kebajikan yang digubal di bawah Akta Kilang dan Jentera, 1967.

TULISAN JAWI DI SEKOLAH-SEKOLAH— PENGAJARAN

47. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian menyedari bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran ejaan dan tulisan jawi di sekolah-sekolah rendah dan menengah masa kini telah menimbulkan suatu keadaan yang kompleks di mana:

- (a) murid-murid didedahkan dengan ejaan dan penulisan mengikut kaedah Dewan;
- (b) tenaga guru lebih mahir dengan ejaan dan penulisan mengikut kaedah Zaaba;
- (c) bahan bacaan umum masa kini kebanyakannya bertulisan jawi kaedah Zaaba; dan
- (d) murid-murid sekolah rendah yang bersekolah agama rakyat masa kini diajar sepenuhnya mengikut kaedah jawi Zaaba.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Adalah tidak benar pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran ejaan dan tulisan jawi mengikut kaedah Dewan, di sekolah-sekolah rendah telah menimbulkan suatu keadaan yang kompleks. Untuk menentukan kesempurnaan dan kesesuaian sistem atau kaedah ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjalankan penyelidikan semenjak tahun 1980an lagi.

Sistem ejaan baru ini yang telah dirumus dan diterbitkan dalam bentuk buku "Pedoman Ejaan Jawi Baru" adalah mantap kerana

telah disusun dengan teliti dan sempurna oleh pakar-pakar sistem ejaan Jawi.

- (b) DBP sebagai agen Kementerian Pendidikan telah menyediakan "Buku Panduan Khas Pelajaran Jawi" bagi guru-guru untuk mengajar mengikut kaedah Dewan. Kursus kepada guru-guru di peringkat pusat dan negeri juga telah diadakan untuk mendedahkan kaedah Dewan supaya guru-guru dapat mengajar menggunakan kaedah tersebut.
- (c) Tidak dinafikan bahan bacaan masa kini kebanyakannya bertulisan Jawi kaedah Zaaba. Walau bagaimanapun, DBP telah mengambil langkah-langkah bijak dan tegas untuk menyebarkan maklumat mengenai sistem baru ini dan juga mencetak semua buku-buku jawi pengeluaran baru menggunakan kaedah Dewan.
- (d) Kaedah Dewan atau digunakan di semua sekolah-sekolah termasuk sekolah agama rakyat sebaik sahaja buku-buku baru pelajaran agama dicetak menggunakan kaedah ini.

EMPANGAN HIDRO-ELEKTRIK PELAGUS—PEMBINAAN

48. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) pemusnahan ekologi dan kesan sampingan terhadap manusia akibat pembinaan Empangan Hidro-Elektrik Pelagus di Belaga, Sarawak;
- (b) sama ada Kementerian ada menjalankan penyelidikan mengenai penilaian alam sekeliling (EIA) di kawasan itu dan jika ada, bilakah Kerajaan ingin mengumumkan Laporan 'EIA' kepada orang ramai; dan

- (c) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian uniuk menjamin kesihatan scria keselamatan penduduk-penduduk di Bahagian 3, 4, 6 dan 7 tersebut sekiranya Kerajaan tidak ingin meng-umumkan Laporan 'EIA' mengenai pembinaan Empangan Hidro-Elektrik Belagus di Belaga, Sarawak.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Empangan Hidro-elektrik Pelagus di Bclaga, Sarawak tidak ada dalam rekod Jabatan Alam Sekitar, di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Oleh itu, pertanyaan-pertanyaan (b) dan (c) Yang Berhormat tidak timbul.

HUKUMAN PENJARA SEUMUR HIDUP

49. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan hukuman penjara seumur hidup.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak bercadang untuk meng-hapuskan hukuman penjara seumur hidup.

PERPADUAN MASYARAKAT

50. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah diambil untuk meningkatkan tahap perpaduan masyarakat bagi menjamin kestabilan dan keamanan di negara ini; dan

- (b) apakah rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Panel Penasihat Perpaduan Negara untuk membina satu bangsa Malaysia yang benar-benar bersatupadu menjelang tahun 2020.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng):

- (a) Pada asasnya langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk memupuk perpaduan kaum dalam negara ini dilaksanakan melalui dua strategi, iaitu strategi penggalakan dan strategi pencegahan. Di dalam strategi penggalakan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menggalakkan rakyat dari berbagai keturunan bergaul dan berinteraksi melalui aktiviti kemasyarakatan Rukun Tetangga di dalam kawasan sejiran yang bertujuan menjalin serta memupuk semangat kejiranan. Langkah-langkah pencegahan oleh Kementerian ialah dengan mengesan pcrhubungan sosial di sesuatu dacrah dengan tujuan untuk meredakan suasana dari gejala-gejala yang boleh membawa kepada perpecahan.

- (b) Objektif Panel Penasihat Perpaduan Negara adalah untuk memberi nasihat kepakaran kepada Kerajaan mengenai segala aspek perpaduan di negara ini. Antara rumusan dan cadangan Panel ini ialah:

- (i) memperkenalkan beberapa aktiviti kumpulan bercorak kebangsaan seperti nyanyian dan tarian;

- (ii) alam sekitar pendidikan yang memberi peluang kepada kanak-kanak berbagai kaum berinteraksi antara satu sama lain;
 - (iii) peranan media massa untuk memberi Hputan yang lebih luas terhadap program-program perpaduan; dan
 - (iv) mendapatkan pandangan belia mengenai isu perpaduan.
- (ii) Penguatkuasaan dan Pendakwaan: Pemeriksaan ke atas pengusaha-pengusaha perfileman (pengeluar, pendedar dan pemamer) dan seterusnya mendakwa mereka yang didapati melanggar peraturan atau undang-undang sedia ada.
 - (iii) Analisa dan Penilaian: Menilai hasil kempen dan seterusnya membuat cadangan pindaan terhadap peraturan dan undang-undang yang sedia ada.

VIDEOLUCAH—MEMBANTERAS

51. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang lebih berkesan yang akan diambil bagi membanteras penyebaran kaset video lucah di negara ini.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Kementerian Penerangan Malaysia telah mengadakan kempen Pelesenan, Penguatkuasaan dan Membanteras Aktiviti Filem/Video Haram di seluruh negara sejak 28hb Ogos, 1990 bertujuan untuk:

- (a) Memastikan kegiatan perfileman dan video berjalan lancar mengikut lunas masing-masing;
- (b) Membendung kerosakan akhlak dan pemikiran generasi muda dan mengekalkan nilai-nilai hidup yang sihat; serta
- (c) Mengurangkan atau membasmi kegiatan jenayah. Kempen tersebut yang dijalankan terus-menerus dalam tiga peringkat iaitu:
 - (i) Penerangan: Beberapa siri ceramah telah diadakan di seluruh negara ke atas kumpulan sasaran yang telah ditetapkan.

Pada masa ini, kempen tersebut berada di tahap Ke-II yang mana penekanan diberi kepada membanteras ke atas aktiviti video haram melalui pemeriksaan bersama (joint operation) dengan penguatkuasaan lainnya seperti Lembaga Penapisan Filem, Polis Di-Raja Malaysia, Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke atas pengusaha-pengusaha perfileman di pintu masuk seperti di pelabuhan dan lapangan terbang di utara dan selatan Semenanjung Malaysia. Tindakan tegas akan diambil ke atas mereka yang terbabit.

PERLETAKAN SENJATA PARTI KOMUNIS MALAYA

52. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat hala arah yang baru perjuangan Parti Komunis Malaya selepas perletakan senjata mereka. Adakah Barisan Bersatu atau pergerakan subversif PKM turut dimusnahkan atau bertambah aktif dengan mengeksploitasikan isu-isu di negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini, sejak termeterainya perjanjian penamatan perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) pada 2hb Disember, 1989, tidak terdapat sebarang maklumat atau tanda-tanda yang menunjukkan Parti Komunis Malaya (PKM) mempunyai hala arah yang baru dalam meneruskan perjuangannya.

Sungguhpun Kerajaan telah berjaya membendung kegiatan-kegiatan subversif komunis dan strategi perjuangan Barisan Bersatu Komunis (Communist United Front Movements) pada masa-masa lalu, namun seperti-mana yang telah dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini pada 27hb Jun, 1991 lalu semasa menjawab pertanyaan mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, pihak Kerajaan sentiasa peka terhadap kemungkinan perjuangan PKM diteruskan secara lebih halus lagi. Berdasarkan pengalaman dalam menghadapi perjuangan PKM, Kerajaan tidaklah leka dan bersedia menghadapi apa jua benjuk hala arah dan taktik yang mungkin digunakan oleh PKM di masa-masa akan datang.

GAJI ANGGOTA POLIS

53. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa Kerajaan tidak pernah mengkaji semula gaji untuk Polis memandangkan tanggungjawab berat yang dipikul oleh mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Anggota-anggota Polis adalah juga sebahagian daripada 800,000 kakitangan dalam perkhidmatan awam. Semakan gaji untuk mereka mestilah mengambilkira lain-lain perkhidmatan Kerajaan. Kerajaan sememangnya mempunyai kriteria-kriteria tertentu seperti kelulusan akademik dan lain-lain

bagi menentukan gaji sesuatu perkhidmatan dan anggota Polis adalah tertakluk kepada kriteria-kriteria tersebut.

Adalah tidak benar sebagaimana dakwaan Wakil dari Bukit Bintang bahawa Kerajaan tidak pernah mengkaji semula gaji untuk Polis. Semakan gaji bagi anggota Polis peringkat Konstabel hingga Koperal telah dibuat melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil: 5/1986 dan bagi anggota Polis berpangkat Sarjan ke atas semakan telah juga dibuat melalui Pekeliling Perkhidmatan BH: 6/1988.

Pada tahun ini, Kerajaan juga telah memberi kenaikan gaji sebanyak 5% sebagai pendahuluan kepada anggota Polis sebelum urusan kajian semula secara menyeluruh dapat diselesaikan.

KENDERAAN BERDAPTAR DI MALAYSIA

54. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan kenderaan yang berdaftar seluruh negara pada 30.6.91 dengan memberi pecahan angka bagi setiap negara;
- (b) antara negeri-negeri, yang mana 3 negeri dicatatkan peningkatan bilangan kereta yang terpanas dan nyatakan kenaikan peratus tahunan bagi negeri-negeri ini dalam tempoh 10 tahun lalu; dan
- (c) bilangan lalulintas dalam Lembah Kelang dari bilangan kenderaan yang berjatan dari dan ke Kuala Lumpur setiap hari pada masa ini dan jangkaan kenaikan dalam tempoh 5 tahun akan datang.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Jumlah kenderaan yang berdaftar di seluruh negara pada 28hb Pebruari, 1991 ialah 5,530,012 buah kenderaan dan pecahan mengikut negeri ialah seperti berikut:

Johor	-	824,965
Kedah	-	331,166
Kelantan	-	220,660
Melaka	-	202,221
Negeri Sembilan	-	256,657
Pahang	-	274,536
Perak	-	636,041
Perlis	-	50,437
Pulau Pinang	-	555,545
Selangor	-	928,919
Terengganu	-	133,412
Wilayah Persekutuan	-	4,943,557
Sabah	-	251,290
Sarawak	-	335,165

Yang Berhormat telah meminta dibekalkan angka sehingga Jun 1991 tetapi yang dapat dibekalkan ialah hanya sehingga Pebruari 1991.

- (b) Tiga negeri yang mencatatkan peningkatan bilangan kenderaan yang terpentas ialah Wilayah Persekutuan, negeri Selangor Darul Ehsan dan Pulau Pinang. Kenaikan pertubuhan tahunan purata untuk 10 tahun yang lalu ialah 7%.
- (c) Kementerian Pengangkutan tidak mengumpul maklumat mengenai bilangan lalulintas yang berjalan dari dan ke Kuala Lumpur.

FELDA PALONG—MEMBAJA TANAMAN

55. Tuap Haji Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyaikan:

- (a) setengah peneroka di Palong 5 Gemas dilaporkan tidak membaja

tanaman mereka untuk tempoh beberapa lama. Adakah masalah ini berlaku dalam semua rancangan dan sejauhmana ia menjadi masalah kepada pentadbiran dan pengurusan FELDA;

- (b) apakah langkah-langkah yang dikenakan terhadap para peneroka terbabit sebelum pengurusan bertindak memberikan kerja membaja secara kontrak kepada kontraktor;
- (c) apa untung-ruginya para peneroka dengan tindakan pengurusan itu; dan
- (d) antara peneroka bersungut bahawa tindakan itu dikenakan sepatutnya kepada peneroka yang tidak membaja tanamannya saja. Apakah rasional tindakan dikenakan kepada semua termasuk mereka yang membaja tanaman masing-masing.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

- (a) Seramai 20 orang peneroka dari blok 10 di FELDA Palong 5 telah tidak membaja pada awal tahun 1991 manakala lain-lain peneroka telah menjalankan kerja-kerja tersebut.

Perkara seperti ini terdapat juga di lain-lain rancangan dari masa ke semasa tetapi bilangannya adalah kecil. Apabila kerja pembajaan tidak dilaksanakan, kesuburan pokok dan pengeluaran hasil ladang akan terjejas dan akan menyebabkan pendapatan peneroka terjejas. Kesannya kepada FELDA pula ianya akan menjejaskan kutipan bayaran kembali daripada peneroka di samping terpaksa membuat kerja tambahan bagi memasukkan buruh menjalankan kerja pembajaan di ladang peneroka berkenaan.

- (b) Peneroka yang enggan membaja adalah terlebih dahulu diberi peringatan oleh pengurus rancangan supaya menjalankan kerja pembajaan seperti yang dijadualkan. Sekiranya mereka masih enggan barulah kerja tersebut dibuat secara kontrak, bagi memastikan kerja pembajaan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
- (c) Kerja pembajaan adalah diwajibkan kepada semua peneroka. Tindakan pengurusan ini sebenarnya adalah untuk kebaikan peneroka sendiri kerana penggunaan baja akan dapat mengekalkan kesuburan pokok dan pengeluaran hasil ladang yang maksima dapat diperolehi yang mana akhirnya akan meningkatkan pendapatan peneroka.
- (d) Tindakan pembajaan yang dilaksanakan secara kontrak dikenakan kepada peneroka blok 10 yang enggan membaja sahaja. Adalah tidak benar tindakan yang sama dikenakan kepada peneroka lain di FELDA Palong 5 yang lelah membuat pembajaan dengan memuaskan. Asas yang sama juga dilaksanakan di lain-lain rancangan FELDA.

AKTA BANK—MEMINDA

56. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah cadangan Akta Bank dipinda bagi membolehkan semua bank melaksanakan sistem seperti yang diamalkan oleh Bank Islam sebagai usaha mengelakkan amalan riba berterusan;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi

menyakinkan pengusaha-pengusaha bank bahawa bank tanpa riba praktikal dan menjamam keuntungan serta tidak menjejaskan perkembangan bank di negara ini; dan

- (c) adakah Kerajaan sedar betapa adanya bank-bank yang ada sedia menukar atau menyesuaikan sistemnya dengan keperluan umat Islam di negara ini jika peraturan negara tidak menghalangnya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Pindaan undang-undang bagi membolehkan semua bank melaksanakan sistem seperti yang diamalkan oleh Bank Islam adalah tidak perlu kerana Akta Bank Islam 1983 yang sedia ada sudah mencukupi, di mana ia menyediakan keperluan undang-undang yang menyeluruh untuk bank-bank yang ingin beroperasi mengikut lunas-lunas Islam. Di bawah Akta itu, Menteri Kewangan diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen kepada pihak-pihak yang ingin menjalankan operasi bank mengikut lunas-lunas Islam. Dengan demikian, mana-mana bank yang berminat untuk beroperasi mengikut lunas-lunas Islam boleh memohon untuk berbuat demikian dengan berasaskan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Bank Islam 1983.

Mengenai bahagian (b) kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan berpendapat bahawa adalah tidak perlu bagi Kerajaan mengambil langkah-langkah khusus untuk meyakinkan pengusaha-pengusaha bank mengenai kebaikan dan daya maju bank yang beroperasi mengikut lunas-lunas Islam kerana pengwujudan Akta Bank Islam 1983 serta kejayaan Bank Islam Malaysia Berhad telah membuktikan bahawa bank yang beroperasi mengikut lunas-lunas Islam, adalah menguntungkan.

Mengenai bahagian (c) kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat pula, sukacita ditegaskan bahawa peraturan negara tidak menghalang mana-mana bank yang ingin menjalankan operasi bank mengikut lunas-lunas Islam.

Sukacita dimaklumkan juga bahawa Akta Bank Islam 1983 bukan hanya diwujudkan untuk menampung keperluan imdang-undang untuk Bank Islam Malaysia Berhad sahaja tetapi untuk semua pihak yang ingin menjalankan operasi bank mengikut lunas-lunas Islam.

ORDER BARU DUNIA CADANGAN AMERIKA

57. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berikutan dengan pengumuman Amerika Syarikat untuk mewujudkan Order Baru Dunia (New World Order), apakah pendirian Kerajaan berhubung dengan cadangan Amerika Syarikat itu; dan
- (b) apakah Malaysia bersedia untuk memainkan peranan utama untuk menggerakkan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) bagi menjamin negara-negara umat Islam tidak berada di bawah telunjuk Amerika Syarikat.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):

- (a) Suatu situasi yang baru telah wujud di dunia akibat tamatnya persaingan di antara kedua-dua kuasa besar yang telah membawa kepada tamatnya perang dingin di antara kedua-dua kuasa besar di dunia. Berasaskan kepada situasi baru ini, bukan sahaja Amerika Syarikat tetapi negara-negara lain juga menyebut

tentang kemungkinannya wujud satu order baru. Beberapa 'idea* telah dikemukakan.

Semua cadangan-cadangan adalah masih lagi dalam peringkat perbincangan sahaja dan masih belum dilaksanakan lagi. Kerajaan bersedia menyokong apa-apa cadangan-cadangan yang dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di dunia. Pada masa yang sama, Kerajaan sentiasa berpegang teguh kepada prinsip bahawa negara-negara di dunia, tidak kira besar atau kecil, seharusnya saling hormat-menghormati kedaulatan dan kemerdekaan negara-negara yang lain.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ditubuhkan lebih kurang 20 tahun yang lalu, Malaysia telah memainkan peranan yang utama di dalam berbagai-bagai bidang kegiatan pertubuhan tersebut termasuk bidang politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial. Penglibatan kita yang aktif dalam pertubuhan ini telah mendapat pengiktirafannegara-negaraahli. Setiausaha Agung Pertama Pertubuhan tersebut adalah dari Malaysia. Di samping itu, Malaysia juga pernah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ke 5 Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam dalam tahun 1974 yang lalu. Malaysia akan terus memainkan peranannya bagi memastikan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) benar-benar dapat melaksanakan tanggungjawabnya membantu meningkatkan tarafhidup masyarakat di negara-negara ahli khususnya dan ummah seluruhnya. Ini boleh dilaksanakan sekiranya negara-

negara Islam di bawah OIC dapat mengadakan kerjasama dalam bidang ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup sebahagian besar masyarakat Islam yang masih berada di dalam kemiskinan. Seterusnya negara-negara Islam berkenaan dapat maju berdikari tanpa perlu lagi meminta-minta dan mengharapkan bantuan dari negara-negara lain. Sememangnya kita mahu melihat OIC dan negara-negara ahlinya dapat bergerak bebas, maju dan berdikari tanpa dipengaruhi oleh kuasa-kuasa luar yang tertentu.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM 1991-1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Malaysia Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibincangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan semangat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersepadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh. (*10hb Julai, 1991*)

Perbincangan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Tanjong, sambung.

3.36 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):
Tuan Yang di-Pertua, dengan sepuluh skandal mengiringi Rancangan Malaysia Keenam, rakyat Malaysia tidak dapat mengharapkan mutu moral dan etika daripada pemimpin-pemimpin politik dalam Kerajaan. Ini adalah sebab sebenarnya mengapa walaupun dua orang Menteri, lima orang Timbalan Menteri, dua orang Setiausaha Parlimen dan lapan orang Ahli Parlimen menyokong cadangan untuk tnenubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja untuk mengawalselia pelaksanaan DPN apabila mereka berada di MPEN, mereka terpaksa membantah cadangan yang sama di Dewan Rakyat apabila DAP secara rasmi membentangkan cadangan tersebut, kerana skandal politik dan kewangan telah begitu berakar umbi di dalam DPN dan kepimpinan politik Barisan Nasional.

Semasa meneliti Rancangan Malaysia Keenam, saya terkejut dengan hakikat bahawa seperti RRJP2 dan DPN, ia enggan mengakui bahawa ia telah gagal dalam satu matlamat yang diisytiharkan di bawah Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk mengurangkan kadar pengangguran dari 7.4% pada 1970 kepada 3.6% pada 1990. Kadar pengangguran pada tahun 1990 berada

pada 6% dan Rancangan Malaysia Keenam menjangka ia akan menurun kepada lebih kurang 4.5% menjelang tahun 1995.

Saya juga terkejut dengan keengganan Rancangan Malaysia Keenam untuk mengendalikan dengan spesifik berkenaan matlamat pengagihan walaupun ia mengakui bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, saya quote, "walaupun kedudukan sosio-ekonomi semua masyarakat telah berambah baik, kedudukan golongan tertentu dalam masyarakat bumiputera, seperti Orang Asli dan kumpulan-kumpulan asli di Sabah dan Sarawak, dan kaum India dalam masyarakat bukan bumiputera telah ketinggalan".

Satu sebab mengapa kaum Iban di Sarawak dan kaum Kadazan di Sabah berasa begitu terasing daripada proses integrasi kebangsaan ialah hak pembangunan mereka telahpun diketepikan dan diabaikan. Setiap hari melalui televisyen, radio dan media massa, mereka membaca dan mendengar kebanggaan besar yang dicipta oleh bumiputera di dalam lapangan ekonomi, pendidikan dan sosial, dan bagaimana dari 1970 ke 1990 akitek bumiputera telah bertambah dengan 2,000 peratus, akauntan bumiputera bertambah dengan 1,500 peratus, jurutera bumiputera dengan lebih daripada 10,000 peratus, doktor gigi bumiputera dengan 2,000 peratus, doktor bumiputera dengan 2,000 peratus, tetapi kaum Iban, Kadazan dan Orang Asli berhak mengciahui bcrapa ramaikah anak mereka yang menerima manfaat daripada Dasar Ekonomi Baru dalam masa 20 tahun yang lepas, dan berapakah yang dapat mereka manfaat dari Dasar Pembangunan Negara dalam masa 10 tahun yang akan datang.

Kerajaan Barisan Nasional pada hakikatnya adalah begitu tidak sanggup untuk memberikan angka-angka dan statistik berasingan untuk menunjukkan

tahap kedudukan pendidikan dan sosio-ekonomi kaum Iban, Kadazan dan Orang Asli.

DAP menyeru Kerajaan Barisan Nasional menggubal sebuah rancangan khas untuk menjamin kaum Iban, Kadazan dan Orang Asli tidak ketinggalan dalam arus utama pembangunan negara. Angka-angka berasingan yang menunjukkan kedudukan pendidikan dan sosio-ekonomi kaum Iban, Kadazan dan Orang Asli harus dibekalkan di dalam semua dokumen Kerajaan, bermula dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Saya amat terkejut apabila membaca Rancangan Malaysia Keenam bahawa Barisan Nasional sedang merancang ketinggalan ekonomi yang lebih besar kepada Kelantan pada tahun 1995.

KDNK per kapita Kelantan adalah 0.47 pada purata kebangsaan dalam tahun 1970, dan matlamat DEB selama 20 tahun dan RRJP Pertama adalah untuk meninggalkan tahap kehidupan Kelantan supaya menjelang 1990, KDNK per kapita negeri akan diperbaiki menjadi 0.68 pada purata kebangsaan.

Untuk ini RRJP Pertama dan DEB telah gagal kerana menjelang tahun 1990, KDNK per kapita Kelantan telah jatuh lebih rendah kepada 0.40 pada purata kebangsaan.

Barisan Nasional mesti memikul tanggungjawab penuh dalam ketinggalan ekonomi Kelantan kerana dari tahun 1974 hingga 1990, Kelantan adalah di bawah pemerintahan Barisan Nasional kerana masa itu PAS menyertai Barisan Nasional dari 1974-1977.

Apa yang memeranjatkan ialah bahawa tidak ada usaha untuk meningkatkan kedudukan ekonomi Kelantan berbanding dengan lain negeri

atau pada purata nasional. Sebaliknya, matlamat Rancangan Malaysia Keenam untuk KDNK Kelantan pada nisbah kepada purata nasional adalah lebih rendah lagi iaitu 0.39 pada purata nasional.

Bagaimanakah dapat RRJP Kedua, DPN dan Rancangan Malaysia Keenam mengisahkan pembelulan ketidakseimbangan wilayah, apabila Kcrajaan Barisan Nasional sebenarnya sedang merancang menjadikan Kelantan lebih ketinggalan apabila dibanding dengan lain-lain negeri dan purata nasional pada lima tahun yang akan datang.

DAP pun amat mengambil berat teniang kemerosotan KDNK per kapita pada nisbah purata kebangsaan tiga negeri yang lain pada tahun akan datang iaitu tahun 1995, iaitu Perak dari 0.69 pada purata kebangsaan dalam tahun 1990 kepada 0.66; Terengganu dari 1.62 pada purata nasional kepada 1.39; dan Sabah dari 1.02 kepada 0.93.

Saya ingin bertanya dengan lurus terang sama ada Barisan Nasional sedang mencari jalan untuk mencekik pembangunan Kelantan dan Sabah, hanya kerana perselisihan politik, dan jika tidak, mengapa tiada usaha khas dilakukan untuk mengisytiharkan kedua-dua negeri ini, bersama-sama dengan negeri-negeri yang ketinggalan seperti Kedah, Perlis dan Sarawak sebagai kawasan pcmbangunan khas.

RRJP Kedua dan DPN telah memberikan gambaran bahawa matlamat DEB untuk 30% ekuiti pemilikan bumiputera telahpun dihentikan. Ini bukanlah keadaan sebenarnya, kerana Rancangan Malaysia Keenam menyatakan dengan jelas, bahawa: "dalam penyusunan semula sektor korporat, mailamat sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan bumiputera akan diteruskan untuk memberi panduan kepada pengubalan

strategi dan program-program sepanjang tempoh tersebut". Walau bagaimanapun, Kcrajaan mengaku bahawa pencapaian matlamat ini perlu diberikan masa kerana ia melibatkan mobilisasi jumlah simpanan yang besar di kalangan bumiputera dan ia memerlukan kewujudan pengusaha-pengusaha bumiputera untuk menyertai dengan berkesan dalam sektor ekonomi moden. Olch yang demikian, di bawah DPN, tiada rangka masa yang spesilik telah ditetapkan untuk pencapaian matlamat penyusunan semula ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat 30% ekuiti bumiputera, maka dengan ini, akan kekal sebagai bahagian utuh DPN.

Kerajaan telah memberikan perangkaan yang langsung mengelirukan tentang pemilikan korporat berbagai kumpulan etnik. Jadual 4-1 RRJP Kedua, umpamanya, menunjukkan bahagian ekuiti korporat bumiputera pada 1990 sebagai 20.3% sementara di bawah kategori bukan bumiputera, bahagian kaum Cina dalam pegangan korporat telah ditunjukkan sebagai 44.9 peratus dan kaum India satu peratus.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang dibentangkan di Parlimen hanya dua tahun yang lalu pada Jun 1989, meletakkan pegangan korporat kaum Cina sebagai 32.6 peratus, dan menjangka ia akan berada pada 32.5 peratus dalam tahun 1990. Saya menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mcnjelaskan bagaimana pegangan sektor korporat kaum Cina Malaysia dapat melambung sebanyak 12.4 peratus pada angka peratusan dalam satu tahun yang singkat.

Ini adalah satu kes klasik di mana Kerajaan bermain silap mata dengan perangkaan untuk menyesuaikan tujuannya.

Kajian ke atas Jadual 3-12 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima akan menunjukkan bagaimana pegangan korporat kaum Cina Malaysia telahpun berkembang secara palsu sebanyak 12.4 peratus pada angka peratusan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

Perbandingan antara Kajian Separuh Penggal RM 5 dan RRJP Kedua menunjukkan diskripsi yang begitu terang seperti berikut:

Pemilikan Modal Saham (Pada nilai par)
Syarikat-syarikat Berhad
(dalam peratusan)

Kumpulan Pemilikan	Kajian Separuh Penggagal RM 5 (Jun1991) (%)		RRJP Kedua (Jun1991) (%)
	1988	1990 (anggaran)	1991
Individu dan Enterprise Bumiputera	13.0	13.6	14.0
Cina	32.6	32.5	44.9
India	1.2	1.2	1.0
Uin-lain	1.0	0.9	0.3
RakyaiaAsing	24.6	23.7	25.1

Kita dapat perhatikan daripada jadual perbandingan di atas bahawa pegangan kaum Cina memperolehi loncaian fenomenal daripada ramalan 32.5 peratus seperti yang diberikan oleh Kajian Separuh Penggal RM 5 pada Jun 1989 kepada 44.9 peratus setahun kemudian pada tahun 1990 menurut RRJP Kedua. Ini nyata sekali adalah tidak mungkin. Sebab untuk bermain silap mata statistik ini adalah jelas sebagaimana yang ditunjukkan oleh kajian perbandingan lanjut ke atas dua jadual dalam Kajian Separuh Penggal dan RRJP Kedua.

Kajian Separuh Penggal RM5 menghuraikan kumpulan syarikat-syarika nominee dan Syarikat Terkawal

Tempatan (Locally Controlled Companies (LCC) berasingan daripada perkumpulan etnik, seperti berikut:

	Kajian Separuh Penggagal RM 5 (Jun 1989) (%)		RRJP Kedua (1991) (%)
	1988	1990 (anggaran)	1991
Syarikat-syarikat nominee	8.1	8.5	8.4
Syarikat- terkawal tempatan (LCC)	13.1	13.6	—

Tetapi RRJP Kedua, mencampakkan 14 peratus pegangan yang dimiliki oleh Syarikat-syarikat Terkawal Tempatan (LCC) kepada kepunyaan kaum Cina menyebabkan milikan kaum Cina melambung dari pemilikan ekuiti korporat sebanyak 32.6 peratus pada tahun 1988 kepada milikan 44.9 peratus dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1990.

Syarikat-syarikat terkawal tempatan lain telah ditafsirkan di dalam Kajian Separuh Penggal sebagai "jumlah nilai modal saham syarikat-syarikat berhad yang hakmiliknya tidak dapat dipecah dan dibahagikan selepas peringkat kedua kepada kumpulan-kumpulan etnik tertentu".

Menurut tafsirannya, syarikat-syarikat terkawal tempatan yang dianggarkan dalam Kajian Separuh Penggal sebagai mewakili 13.6% ekuiti korporat dalam tahun 1990 mungkin boleh dimiliki oleh orang-orang Cina tetapi juga oleh orang-orang Melayu. Mengapakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat hakmilik ekuiti 13.6% di dalam syarikat-syarikat tempatan ke atas orang-orang Cina?

Sekiranya syarikat-syarikat kawalan tempatan dilayan sebagai satu kategori yang berasingan, maka hakmilik orang-orang Cina di dalam ekuiti korporat

dalam tahun 1990 sebenarnya adalah 31.3% dan bukan 44.9% seperti dinyatakan di dalam RRJP Kedua.

Saya menganggap percubaan untuk meningkatkan hakmilik korporat orang-orang Cina sebanyak 13.6% yang dilakukan dengan cara palsu sebagai paling tidak bertanggungjawab dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada di sini, ia ada peluang untuk menjelaskan kenapakah ada ini silap mata.

Meningkatkan syarikat-syarikat penama dan syarikat-syarikat terkawal tempatan di bidang hakmilik ekuiti korporat di Malaysia merupakan satu fenomena baru Dasar Ekonomi Baru (*Disampuk*). Mahu jawab! Menteri Kewangan pun boleh jelaskan, kalau mahu — ia merupakan satu fenomena baru Dasar Ekonomi Baru yang bertalian dengan politik wang di mana pemimpin-pemimpin penting Barisan Nasional khususnya UMNO telah menggunakan penama-penama dan proksi-proksi untuk membuat serbuan dan perampasan ke dalam dunia korporat.

Pada tahun 1970, syarikat-syarikat penama dan LCC mewakili hanya 6% daripada jumlah ekuiti korporat, akan tetapi ini telah meningkat kepada 22% dalam tahun 1990, iaitu nominee companies dengan LCC.

Siapakah luanpunya sebenarnya 22% saham-saham korporat itu yang diwakili oleh syarikat-syarikat penama dan syarikat-syarikat terkawal tempatan?

Adalah amat selamat untuk mereka bahawa kebanyakan syarikat-syarikat penama dan syarikat-syarikat kawalan tempatan dimiliki oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan sekutu-sekutu mereka dan ini bermakna sekiranya angka ini dibahagikan kepada kumpulan etnik masing-masing, kebanyakan ekuiti 22% harus ditambah kepada ekuiti Bumiputera sebanyak 20.3% itu. Ini bermakna pemilikan ekuiti korporat

orang-orang Bumiputera menjelang tahun 1990 adalah lebih 35% kalau ditambah dalam tahun 1990 dan bukan 20.3% seperti didakwa di dalam RRJP Kedua. Saya tak tahu silap mata ini oleh kerana ada Menteri Kewangan yang baru.

Saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan satu pindaan secara rasmi kepada RRJP Kedua serta Rancangan Malaysia Keenam untuk membetulkan angka-angka yang memesongkan itu mengenai pemilikan ekuiti korporat untuk berbagai golongan etnik bagi tahun 1990 untuk supaya ia tidak akan digunakan oleh pemimpin-pemimpin politik yang tidak bertanggungjawab khususnya daripada UMNO untuk tujuan politik dan perkauman sempit dalam masa akan datang.

Amalan pentadbiran yang mewajibkan syarikat-syarikat yang telah memenuhi matlamat 30% pemilikan bumiputera untuk menambah lagi dan mengisi pegangan saham bumiputera jika bumiputera tersebut telah menjualkan peruntukan asal mereka adalah amat tidak adil.

Sebuah syarikat awam yang telah memenuhi matlamat 30% dalam penyusunan tidak harus dikehendaki untuk memenuhi matlamat 30% untuk selama-lamanya, khususnya apabila Bumiputera yang diperuntukkan saham-saham dengan harga murah dan mereka menjualkannya di pasaran untuk menjadi cepat kaya.

Sebenarnya, dalam menaksir pegangan bumiputera dalam ekuiti korporat, pertimbangan mesti juga diberikan kepada pelupusan saham-saham oleh bumiputera sepanjang tempoh ini,

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan RRJP Kedua, Rancangan Malaysia Keenam menyatakan bahawa akan terdapat "Peningkatan penyertaan

bukan bumiputera dalam jawatan sektor awam seperti di peringkat pertengahan dan tinggi".

Tetapi komitmen untuk penyusunan semula sektor awam kelihatan bukan tidak bersyarak, kerana ia kelihatan bergantung kepada struktur etnik pengambilan gunatena di sektor swasta.

Adalah tidak bermakna bagi Kerajaan mengisahkan tentang penyusunan semula sektor awam, jika ia sebenarnya menyediakan jalan keluar untuk menyokong alasan tidak melaksanakannya pada lima tahun akan datang.

Semua pihak mesti mengakui bahawa sektor swasta mempunyai komposisi pelbagai etnik yang lebih baik dalam gunatena berbanding dengan Kerajaan.

Tulang belakang Perkhidmatan Awam iaitu Pegawai Pentadbiran dan Diplomatik terutama sekali ialah terdiri daripada kaum Melayu. Jabatan profesional yang dulunya kebanyakan terdiri daripada bukan Melayu tetapi ia juga sudah berubah.

Sektor swasta pada masa lampau biasanya terdiri daripada bukan Melayu tetapi kini sudah menjadi lebih pelbagai kaum dan semakin meningkat ke peringkat keseimbangan etnik apabila lebih ramai graduan Melayu memasuki pasaran kerja.

Keperluan segera untuk menyusun semula sektor swasta diperhatikan daripada komposisi etnik yang amat tidak seimbang dalam badan-badan awam berikut untuk tahun 1985:

	Jumlah Pekerja (%)	Bumiputera Semua Pekerja:
1. MARA	1,403	94.1
2. UDA	492	84.6

3. LPN	1,431	92.5
4. PKENPerak	73	97.3
5. PKENSeUngor	2,120	68.5
6. PKEN N. Sembilan	60	98.3
7. PKEN Melaka	43	90.7
8. PKENJohor	186	98.9
9. PKENPahang	103	100.00

Kerajaanlah yang harus merancangkan strategi spesifik untuk mengadakan keseimbangan etnik yang lebih baik dalam Perkhidmatan Awam.

Sebagaimana Kerajaan mempunyai sebuah Rancangan Tindakan Penawasaan, ia haruslah juga merancangkan sebuah Rancangan Tindakan Penyusunan Semula Sektor Awam untuk menyatakan bagaimana Kerajaan bercadang untuk mempelbagaikan sektor awam dalam lima tahun yang akan datang.

Kerajaan harus memberi keutamaan dan kepentingan yang paling serius kepada perkara ini, dan pada setiap pembentangan Belanjawan, Yang Berhormat Menteri Kewangan harus mengemukakan sebuah laporan kepada Parlimen atas perkembangan tindakan Rancangan Penyusunan Semula Sektor Awam.

Dari RRJP Kedua dan Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan telah menunjukkan kesedaran tentang kepentingan pembangunan sumber-sumber manusia sebagai faktor kritikal untuk pembangunan negara dan kami mendapati bahawa beberapa cadangan yang dikemukakan oleh DAP dalam Parlimen sejak tahun 1970 sekurang-kurangnya telah diterima sebagai bernas untuk negara.

Contohnya sekarang ini Rancangan Malaysia Keenam membincangkan tentang mempercepatkan perkembangan pendidikan lepas sekolah menengah di Malaysia "untuk menjimat dan pada masa yang sama menguntungkan pertukaran asing".

Jika pemimpin-pemimpin Barisan adalah rasional dan berwawasan dan mendengar kepada DAP pada masa yang lalu, dasar sedemikian telahpun dilaksanakan lebih daripada 10 tahun lalu dan Malaysia tidak akan kerugian \$1,5-\$2 billion setahun dalam perukaran asing kerana rakyat Malaysia terpaksa pergi ke luar negeri untuk melanjutkan pendidikan tinggi disebabkan mereka dinafikan peluang akademik di negara sendiri.

Pada hari semalam, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat bangga bahawa Malaysia telah hampir mencapai status negara maju, tetapi beliau kelihatan tidak sedar bahawa dalam satu petunjuk sosio-ekonomi yang penting iaitu peratusan rakyat Malaysia dalam lingkungan umur yang memasuki pendidikan tinggi tempatan ialah 20-24 tahun, Malaysia bukan sahaja ketinggalan di belakang negara-negara maju tetapi juga di belakang negara-negara ASEAN.

Ini adalah ditunjukkan oleh perbandingan rambang peratusan lingkungan umur yang memasuki pendidikan tinggi tempatan pada tahun 1985, untuk negara-negara berikut bagi tahun 1985:

Amerika Syarikat	57%
United Kingdom	22%
Australia	28%
New Zealand	35%
Jepun	30%
Korea	32%
Pilipina	38%
Singapura	12%
Thailand	20%
HongKong	13%
Indonesia	7%
Malaysia	6%

Pada masa itu yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai Menteri Pendidikan. (*Ketawa*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Tanjong maklum bahawa perkiraan peratus itu yang dibuat menunjukkan kadar penyertaan rakyat Malaysia yang rendah dibandingkan dengan negara-negara lain itu dibuat dengan alasan bahawa di Malaysia semua Maktab Perguruan dan Politeknik tidak dimasukkan dalam kategori pengajian tinggi. Di Indonesia semua Pusat Maktab Perguruan yang dikenali sebagai IKIP-Institut Keguruan memang dimasukkan dalam pengajian tinggi, sebab itulah maka peratusan di Indonesia dan di Thailand lebih tinggi dari peratusan di Malaysia. Ini untuk makluman kerana Yang Berhormat dari Tanjong kurang mengikuti perkembangan sebenar.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu, apa peratusan selepas itu? Boleh beri jawapan notis secara bertulis.

Berbanding dengan Singapura, Thailand, Filipina dan Korea....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak beri maklum, dia tahu bahawa kenyataan awal yang dia buat itu salah, itu sahajalah.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak. Yang Berhormat Menteri boleh beri penjelasan dan boleh memberi lebih lanjut mengenai butir-butir....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kena mengakulah. Sudah dapat fakta, mengaku sahaja!

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Berbanding dengan Singapura, Thailand, Pilipina dan Korea, Kerajaan Malaysia mempunyai peruntukan yang kurang untuk pendidikan tinggi tempatan.

Kos tinggi bagi pendidikan tinggi di negara-negara asing bagi pelajar-pelajar Malaysia yang berjumlah \$1.5 bilion hingga \$2 bilion setahun adalah cukup untuk membiayai pembinaan dua kali ganda universiti-universiti dan kolej-kolej yang sedia ada di Malaysia.

Bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri telah merosot daripada 60,000 pada tahun 1985 kepada 52,000 pada tahun 1990 disebabkan kenaikan yuran yang dikenakan oleh institusi-institusi asing. DAP menyeru supaya bilangan universiti-universiti tempaian digandakan untuk menampung permintaan rakyat Malaysia muda untuk pendidikan tinggi di negara mereka sendiri.

Saya berasa hampa bahawa tiada rujukan langsung dibuat mengenai Universiti Terbuka di dalam Rancangan Malaysia Keenam. DAP telah menggesa supaya sebuah Universiti Terbuka ditubuhkan scmenjak tahun 70an bukan sahaja untuk memperluaskan peluang untuk pendidikan tinggi tetapi juga untuk memenuhi cabaran-cabaran era teknologi dengan memperkenalkan sebuah masyarakat belajar berpandukan kepada idea pendidikan sepanjang hayat di mana setiap individu berada di dalam kedudukan di mana ia dapai belajar sepanjang hayatnya. Akan tetapi nampaknya Kerajaan masih kebelakangan dalam perkara ini dan tidak bersedia mengambil langkah pertama untuk menubuhkan sebuah Universiti Terbuka selain satu ayai dalam OPP2. Saya ingin tahu, apakah yang menghalang Kerajaan daripada meneruskan dengan pembukaan sebuah Universiti Terbuka di Malaysia.

Rancangan Malaysia Kelima telah memperlihatkan pelaksanaan penuh Kurikulum Baru Sekolah-sekolah Rendah (KBSR) di mana Ujian Pencapaian Sekolah Rendah dijalankan buat pertama kalinya dalam tahun 1988.

Apabila projek perintis 3M diperkenalkan dalam tahun 1982, ibubapa-ibubapa dijanjikan bahawa kurikulum tersebut adalah kurikulum ghaib yang akan memastikan kesemua murid-murid sekolah akan menguasai 3M — Membaca, Menulis dan Mengira. Tetapi hasilnya adalah sebaliknya dan selepas KBSR, ramai murid-murid masih belum menguasai 3R. Namun Kerajaan sentiasa mempimyai alasan bagi kegagalannya, iaitu bahawa KBSR memerlukan saiz kelas yang kecil seramai 35 murid untuk memastikan ianya berkesan.

(Timbalan Yang di-Periua
mempengerusikan Mesyuarat)

Rancangan Malaysia Keenam mengatakan bahawa untuk memastikan pendidikan berkualiti, tempoh untuk menyempurnakan sukatan pelajaran rendah sedang diulangkaji agar ianya dapat disiapkan di antara lima tahun hingga tujuh tahun.

Saya mendapati pengumuman ini adalah amat mengejutkan. Apabila sistem 3M diperkenalkan dalam tahun 1982, ibubapa-ibubapa telah diberitahu bahawa KBSR merupakan sistem yang lebih baik, kerana ia memberikan murid-murid belajar mengikut kemampuan mereka dan bahawa sistem sekolah rendah akan menjadi lebih fleksibel agar murid-murid bijak boleh menyiapkan KBSR dalam tempoh masa lima tahun sedangkan murid-murid yang kurang bijak akan mengambil masa sehingga tujuh tahun untuk menyiapkannya.

Mengapakah ciri ini tidak dimasukkan di dalam KBSR dari mula-mula lagi dalam tahun 1983 apabila ia diperkenalkan secara rasmi di scmu sekolah rendah?

Alasannya adalah mudah. Pada masa itu, terdapat pelampau-pelampau termasuk orang-orang yang mnggclar diri sebagai pendidik yang juga merupakan ahli-ahli politik budding

yang mula meningkat yang melihat segala-galanya dari kaca mata perkauman yang menentang pelaksanaan KBSR yang Heksibel itu yang berluju menyediakan pendidikan berkualiti atas alasan bahawa ianya tidak akan memanfaatkan murid-mund Melayu. Mereka yang menentang ini termasuk masa sekarang, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang sekarang, Dr Ibrahim Saad, yang pada ketika itu adalah seorang pensyarah pendidikan di Universiti Kebangsaan yang ia pun protege Yang Berhormat Menteri Kewangan. (*Tepuk*)

Pari DAP menyeru Kerajaan supaya jangan membenarkan pemikiran pelampau-pelampau orang-orang seperti Dr Ibrahim Saad yang telah menghalang penyediaan pendidikan berkualiti bagi murid-murid Malaysia selama sedekad ini dengan membantutkan pertumbuhan generasi baru Malaysia. Benar, bukan? (*Ketawa*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua saya agak dukacita kerana Yang Berhormat dari Tanjong ada gelanggang dia untuk berdialog dengan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, di situ telah berlaku satu pertempuran dan dia kena pukulan knock-out baru-baru ini. Manakala Ahli Yang Berhormat tidak dapat menjawab kerana rakan beliau, Ahli Parlimen, terlibat dalam kes kilang haram. Dia hendak guna Majlis ini pula hendak serang Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang di sini. Saya rasa kalau hendak cari majlis medan, lawan berdepanlah, apa lawan belakang?

Tuan Lim Kit Siang: Semacam knock-out dalam perbahasan Rang Undang-undang Bank Negara di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan

kata dia sudah menang sungguhpun semua tahu dia kalah. (*Tepuk*) Knock-out semacam itulah kita faham. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji Kerajaan—kita pun boleh puji Kerajaan kerana memperkenalkan pendidikan pra-sekolah untuk semua murid sekolah menjelang tahun 1995. Kerajaan telah mengambil masa lebih sedekad untuk menerima cadangan saya ini yang saya telah mengengahkan di Dewan ini semasa mencadangkan usul ke atas laporan Jawatankuasa Kabinet Mahathir mengenai Pendidikan.

Saya telah dalam bulan Jun 1980 mencadangkan secara formal supaya satu sistem pendidikan kebangsaan diperkenalkan untuk kanak-kanak berumur pra-sekolah atas dua sebab:

Pertama, pelaburan di dalam pendidikan usia pra-sekolah awal-awal lagi menghasilkan dividen yang terbesar dalam membangunkan bakat, kemahiran, pengertian dan kreativiti dan ia juga menggalakkan kebebasan dan disiplin diri sendiri.

Kedua, penyediaan kemudahan-kemudahan pembelajaran untuk kanak-kanak berusia pra-sekolah dari kelas sosial yang mundur dari segi kemasyarakatan yang sepenuhnya akan membantu membetulkan ketidakadilan sosial itu.

Ini adalah satu daripada pelbagai bukti sekiranya bukti diperlukan yang menunjukkan Parti DAP tidak menentang semata-mata untuk menentang dan kami sering mempunyai fikiran yang, dengan izin, a head of the times, a head of Barisan Nasional leaders (*Tepuk*) dan pasti lebih maju daripada Barisan Nasional dalam ertikata keperluan sosio-ekonomi dan politik rakyat Malaysia.

Sekiranya Kerajaan benar-benar serius tentang betapa pentingnya sumber manusia terhadap pembangunan

Malaysia, maka saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menasihatkan mahaguru dia (*Ketawa*) supaya menggugurkan sikap, dengan izin, "good riddance to bad rubbish" dan melancarkan satu kempen yang high powered untuk memujuk rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke lain negara yang boleh menyumbang ke arah pembangunan Malaysia dengan daya pemikiran, tenaga dan bakat supaya kembali ke Malaysia.

Saya telah membuat seruan khusus ini semasa perbahasan ke atas Kajian Sparuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima pada bulan Jun 1989, tetapi seruan ini tidak mendatangkan sebarang hasil.

Saya berharap keadaannya adalah lebih reseptif kepada cadangan tersebut. Korea Selatan dan Taiwan telah dengan berjayanya memujuk balik ahli-ahli sains, jurutera-jurutera dan leknologi-teknologinya yang dianggap sebagai, dengan izin, precious resource dan bukan sebagai bad rubbish di Malaysia dan ini merupakan faktor penting dalam kelebihan kompetitif negara yang mcrcka mencipta dan mengekal dalam menghadapi caharan-cabaran yang timbul akibat globalization ekonomi dunla.

Parti DAP memandang berat cadangan untuk menggandakan peratus perbelanjaan pembangunan untuk tujuan keselamatan dan pertahanan di dalam Rancangan Malaysia Keenam berbanding dengan Rancangan Malaysia Kelima.

Keselamatan akan memakan 15 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Keenam atau \$8,408 juta berbanding dengan 7.2 peratus atau \$2,527 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Kerajaan Malaysia telah menandatangani perjanjian perdamaian dengan Parti Komunis Malaya dalam bulan Disember 1989 untuk menamatkan perang senjata selama 40 tahun PKM itu. Rakyat Malaysia berhak mengharapkan mengadakan dividen kedamaian atau peace dividend dari perjanjian Haadyai di mana Kerajaan akan membahagikan lebih sumber untuk pembangunan sosio-ekonomi negara, tetapi kelihatan keadaan yang songsang pula berlaku dengan pertambahan hampir-hampir empat kali ganda untuk perbelanjaan pembangunan pertahanan di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

DAP menyokong peruntukan \$817 juta untuk pembinaan markas dan kuarters keluarga untuk Angkatan Tentera dan \$615 juta untuk projek perumahan bagi anggota Polis. Selain daripada dua perkara di atas, DAP menggesa mengurangkan perbelanjaan pembangunan pertahanan di bawah Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 50 peralus, supaya lebih banyak wang boleh disalurkan untuk tujuan pembangunan sosio-ekonomi.

Dalam hubungan ini, saya ingin menggesa Polis menjauaskan diri daripada kekusutan dan penglibatan politik, seperti komplot menarik Sabah keluar daripada Malaysia sebagaimana yang didakwa. Ini merupakan senjata politik yang digunakan oleh Barisan Nasional dalam peperangan politik mereka dengan PBS dan Polis harus mengasingkan diri.

Saya amat mengambil berat tentang laporan bahawa baru-baru ini Polis telah menahan beberapa orang di Sabah dan Semenanjung Malaysia untuk disoalsiasat kononnya didakwa berkenaan komplot menarik Sabah keluar dari Malaysia.

Hari ini ialah hari yang ke 59 penahanan Dr Jeffery Kitingan dan saya menggesa Polis melepaskan beliau dengan segera kerana Polis telah gagal

untuk mengemukakan sebarang bukti tentang komplot menarik Sabah keluar daripada Malaysia, walaupun pegawai Polis tertinggi telah bercakap secara terbuka tentangnya lebih daripada satu tahun.

Jika Kerajaan tidak dapat mengeluarkan Kertas Putih untuk meyakinkan rakyat Malaysia bahawa hakikat wujudnya komplot untuk menarik Sabah keluar daripada Malaysia, isu ini harus dikebumikan buat selama-lamanya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa Kerajaan Malaysia dan Australia untuk memperbaiki perhubungan mereka yang tegang untuk kebaikan kedua-dua negara. Malaysia mesti memainkan peranan yang bertambah aktif di kawasan di arena antarabangsa dengan verbalization economic dan kekecutan planet Bumi yang semakin bertambah akibat sains dan teknologi moden.

Tidak ada sebab mengapa per-selisihan dua-hala Kerajaan di antara Malaysia dan Australia tidak boleh diselesaikan dengan mesra melalui saluran-saluran diplomatik biasa dan bukan macam pergaduhan budak-budak sekolah.

Saya yakin bahawa rakyat jelata Malaysia dan Australia mengambil perhatian tentang perhubungan yang semakin merosot di antara pemimpin-pemimpin Kerajaan kedua-dua negara dan inginkan perhubungan persahabatan rakyat dengan rakyat akan dikekalkan. Jika pemimpin-pemimpin Kerajaan dapat mengurangkan, dengan izin, turbulence, saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan fahamlah apa turbulence itu—turbulence atau kegarangan terbuka mereka terhadap satu sama lain, maka ia akan membantu memperbaiki perhubungan kedua-dua Kerajaan.

Mungkin Parlimen Malaysia dan Australia boleh menyumbang sesuatu ke arah ini dengan pertukaran lawatan muhibbah Parlimen antara satu sama lain.

Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas.

4.15ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, kita baru sahaja selesai mendengar rhetoric, ataupun ucapan daripada Ketua PcmBangkang bagi tujuan membahaskan Rancangan Malaysia Keenam dan sekarang sampailah giliran saya bagi mewakili rakyat saya di Pasir Mas untuk turut sama membahaskan Rancangan Malaysia Keenam yang lelah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah rhcioric kiiia dengar, mungkin selepas ini atau esok kita akan dengar pula khutbah daripada wakil Marang, Di tengah-tengah khulbah dan rheioric ini saya hendak menyampaikan pandangan sepertimana orang Kclanian kata, hendak "pekecek"—hendak bercakap tentang beberapa persoalan yang telah ditimbulkan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Tetapi sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amal Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Keenam ini sebagai fasa pertama ke arah pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya melakukan lawatannya ke Amerika Latin baru-baru ini. Yang paling menarik

pada diri saya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang manusia yang peka kepada jasa dan budi setiap rakyat, maka sewajarnya saya bagi pihak penduduk ataupun pengundi Pasir Mas melahirkan ucapan setinggi tahniah kepada Dr Zainal Hamid yang turut sama dalam rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang lelah berjaya melakukan pembedahan kepada seorang nelayan di Easter Island, iaitu sebuah pulau yang berhampiran dengan Chile. Kejayaan dan kewibawaan yang ditunjukkan oleh Dr Zainal Hamid dan keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengizinkan seorang nelayan dibedah di dalam kapal terbang dan diizinkan menggunakan kapal terbang yang dinaiki oleh Perdana Menteri Malaysia adalah sesuatu yang cukup membanggakan kita rakyat di negara Malaysia.

Saya percaya jika pada masa itu Presiden George Bush daripada Amerika Syarikat singgah di Easter Island, ataupun Presiden Gorbachev daripada Soviet Union singgah di Easter Island menghadapi ataupun diminta perlongan seumpama itu, sudah barang tentu mereka akan memberi alasan keselamatan dan tidak mungkin ianya dibuat seperti yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara kita ini. Untuk itu suka saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk menyatakan ucapan syabas dan tahniah dan ini adalah permintaan daripada rakyat di Pasir Mas yang minta saya sampaikan melalui Dewan Rakyat yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih Kerajaan Pusat khususnya Wisma Putra, Kementerian Luar Negeri yang telah secara low profile membantu bagi menyelesaikan masalah kes penahanan lapan orang pegawai hutan negeri Kelantan yang ditahan oleh Kerajaan Thailand baru-baru ini. Saya percaya,

tanpa kerjasama dan bantuan daripada Wisma Putra alaupun daripada Kementerian Luar Negeri dalam soal penahanan lapan orang pegawai hutan baru-baru ini, sudah barang tentu saya percaya kes ini belum selesai. Sememangnya menjadi pegangan Kerajaan Pusat dengan sikap yang low profile yang tidak mahu menonjol-nonjolkan, tetapi akhirnya telah memberi kerjasama yang sepenuhnya, maka akhir sekali lapan pegawai hutan itu telahpun dibebaskan dan tuntutan ataupun kes terhadap mereka ini telah digugurkan oleh Kerajaan Negeri Thailand.

Saya mengucapkan sungguh-sungguh terima kasih bagi pihak lapan pegawai hutan ini yang meminta saya menyampaikan penghargaan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun sebelum ini kita tahu ada pihak-pihak enggan dan cuba hendak menyelesaikan masalah ini dengan cara mereka sendiri. Manakala sebelum ini saya mengatakan masalah kes ini besar yang melibatkan masalah diplomatik dan bukan di antara Kelantan dan Narathiwat, tetapi masalah Malaysia dan Kerajaan Thailand. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Wisma Putra.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, apabila kita menyelesaikan soal Rancangan Malaysia Keenam, sudah barang tentu kita akan menyentuh soal proses Demokrasi Berparlimen negara kita ini kerana proses Demokrasi Berparlimen di negara kita ini akan meneniukan keunggulan perjalanan demokrasi negara kita itu sendiri bagi menenlukan kestabilan, bagi menenlukan kebebasan rakyat membuat sebarang keputusan dalam politik.

Maka oleh itu saya ingin melahirkan rasa dukacita di atas sikap double standard Kerajaan Kelantan yang telah meminda undang-undang Negeri Kelantan baru-baru ini bagi tujuan menggugurkan dua Wakil Rakyat dari

Sungai Pinang dan Limbungan yang dipilih oleh rakyat secara sah dalam pilihanraya umum baru-baru ini. Pindaan yang dibuat secara retrospective dan menghukumkan dua Wakil Rakyat yang melakukan tindakan di mana undang-undang itu belum wujud dalam Undang-Undang Tubuh Negeri, yang pula boleh disifatkan bertentangan dengan Perlembagaan negara kita, maka sekaligus membuktikan betapa double standard dan hipokrasi Kerajaan PAS dan juga disokong oleh S46 yang mendukung apa yang dikatakan proses dan prinsip demokrasi dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang dibuat oleh dua Wakil Rakyat membawa kes ini ke mahkamah, saya tidak mahu menyebut soal kes ini dengan cara yang detail sebab saya tidak mahu ianya bersifat *sub judice*, tetapi untuk menyampaikan pandangan saya kenapa tindakan ini dibuat. Kita, Tuan Yang di-Pertua, sebagai bekas anggota S46 dahulu, sememangnya masalah politik harus diselesai dengan secara politik. Kita tidak mahu masalah politik diselesai dalam gelanggang mahkamah. Memang ini prinsip yang diterima, yang didukung oleh pengamal-pengamal demokrasi. Tetapi hal ini telah dibawa ke mahkamah kerana pindaan undang-undang itu sendiri bertentangan pada pandangan kita dengan Perlembagaan Persekutuan (Federal Constitution) dan dengan sebab itu tujuan kita ialah untuk menguji kesahihan undang-undang tersebut sebelum ianya terpakai.

Yang kedua, ianya dibuat semata-mata untuk mendedahkan dari segi soal apa yang dikatakan perjuangan menegakkan demokrasi oleh satu golongan ini. Saya dulu, Tuan yang di-Pertua, sungguh-sungguh mengharap dan memberi sokongan kepada pimpinan dalam parti Pembangkang ini kerana saya percaya mereka akan melaksanakan perjuangan menegakkan demokrasi tanpa hipokrasi dan double standard.

Tetapi sekarang ini nyata sesudah mereka mendapat kuasa, sesudah mereka diberi tempat, malah diberi kedudukan yang baik, tindak-tanduk mereka lebih dahsyat daripada tuduhan-tuduhan kepada Kerajaan Pusat selama ini. Dan ini nyata terbukti dengan apa yang mereka lakukan di Kelantan bukan sahaja dari segi soal pindaan undang-undang ini tetapi juga tindak-tanduk yang lain yang boleh kita buktikan satu-persatu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita sungguh kesal kerana proses demokrasi di negeri Kelantan makin sehari makin gelap. Makin sehari makin gerhana dan tidak dapat kita untuk membuktikan kepada dunia bahawa apa yang didukung oleh Gagasan Rakyat selama ini mengatakan mereka ingin memperiahkan demokrasi ialah bohong semata-mata. Ianya merupakan tidak lebih daripada satu dongengan politik untuk mengabui mata rakyat sebab bukti yang ada di hadapan kita nyata sekali mereka telah menodai prinsip-prinsip demokrasi. Mereka telah menodai perjuangan dan mandat rakyat. Apa salahnya kepada sesiapa sahaja yang ingin bertukar pendapat, bertukar sikap dalam menentukan sikap politik masing-masing. Bukankah ini yang dikatakan prinsip demokrasi. Kenapa kita hendak halang malah kita menghukum pula wakil-wakil yang telah dipilih oleh rakyat manakala waktu hukuman itu dibuat undang-undang itu masih belum wujud lagi malah tidak boleh dibawa ke mahkamah. Malah di Dewan yang mulia ini banyak undang-undang telah dibentangkan termasuk ISA, Akta Polis, Akta Cetak, macam-macam Akta. Sehingga ada Akta yang dipinda tidak boleh dicabar di mahkamah, maka ditentang oleh PAS, ditentang oleh DAP, ditentang oleh S46 tetapi kenapa undang-undang seperti ini DAP sendiri berdiam diri, bapa hipokrasi yang paling besar dalam perjuangan politik negara Malaysia.

Saya tidak malu dan tidak segan sebagai anggota yang sama dengan kumpulan ini tetapi saya mesti bertanggungjawab untuk mendedahkan perilaku yang tidak consistent dalam perjuangan mereka ini. Sebab nyata sekali tindak-tanduk ini tidak lbili daripada politik. Maka sebab itu kita lihat ucapan Ketua Pembangkang yang disampaikan melalui perbahasan semalam dan disambung hari ini tidak lebih daripada rhetoric politik. Sememangnya isu-isu skandal yang dibangkitkan ini, yang pernah turut kita juga memberi teguran, tetapi tidak lebih daripada perkara yang sama diulang, berkali-kali. Manakala kita sudah menegaskan, saya sendiri mengakui dan ukur bahawasanya sebahagian daripada isu-isu yang dibangkit itu sudahpun diputus oleh rakyat melalui pilihanraya umum baru-baru ini di mana UMNO dan Barisan Nasional sudah diberi mandat oleh rakyat.

Kenapa tidak kita tumpukan kepada perbincangan kita, dan cadangan bagaimana hendak memperbaiki lagi, cadangan-cadangan yang boleh membantu Kerajaan membangun sosio-ekonomi rakyat negara ini selain daripada membangkitkan perkara-perkara yang sama. Yang selain daripada itu pula sebagaimana disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam, kenapa tidak dibawa tuduhan itu di luar daripada Dewan ini.

Saya ingin mencadangkan—saya tidak mahu mencabar, saya tidak suka cabar orang dan saya tidak suka jolok orang tetapi kalau orang suka usek kita, kita juga suka usek orang. Kenapa tidak dimulakan atau tidak dibuat tuduhan di luar Dewan?

Semalam saya cukup kagum dengan sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila dia menyebut supaya Yang Berhormat daripada Tanjong buat tuduhan di luar Dewan Rakyat, buat laporan kepada ACA. Kenapakah sambutan dan cabaran ini telah dibuat?

Bagi membersihkan isu-isu yang telah dibangkit iaitu 10 skandal yang telah dikemukakan ini dan ini bukan baru. Saya juga tidak suka lihat kalau skandal berlaku. Malah dari segi sikap kita kalau berlaku penyelewengan, berlaku rasuah, sikap kita jelas. Jelas dari segi untuk melihat jika sesiapa yang melakukan penyelewengan, rasuah ataupun salah-guna kuasa memang tidak ada maaf bagimu. Kita tidak akan korbakan prinsip kita dari segi perjuangan. Dalam rekod perjuangan kita yang kita alami selama ini melalui ISA, melalui lunjuk perasaan dan sebagainya, pernah kita akui kita tidak akan bertolak ansur dan tidak akan berkompromi. Tetapi tinggal lagi sebahagian daripada isu-isu yang dikemukakan ini sememangnya isu-isu yang telah dibahas beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini.

Saya harap pihak Kerajaan juga memberi perhatian supaya menjelaskan beberapa isu yang dibangkitkan ini terutamanya isu-isu baru tetapi dengan bukti-bukti yang nyata dan yang boleh diterima, kerana kita pun tidak mahu dengar lagi perkara yang sama seringkali dibawa sebab lebih baik Dewan yang mulia ini kita gunakan untuk perbincangan-perbincangan yang lebih bermanfaat dalam segi Rancangan Malaysia Keenam ini. Selain daripada kita kalau hendak bercakap soal hendak tentang, saya boleh buat macam Ketua Pembangkang. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, I think I can peribrm better, daripada yang Berhormat Tanjong kalau saya jadi Ketua Pembangkang. Soalnya kita hendak atau tidak, baik atau tidak, ada faedah atau tidak untuk kepentingan rakyat dan negara ini. Kalau setakat untuk hendak cakap, hendak bangkang, hendak tentang, tetapi dari segi ucapannya saya teliti, hari ini pun saya baca *Hansard* yang diucapnya semalam dan tadi saya dengar dengan teliti, daripada keseluruhan ucapannya tidak sampai pun 10% dari segi cadangan yang membina untuk kepentingan rakyat dan

negara. Tidak ada. Memang yang ada ini, benda-benda macam ini, hal-hal macam ini dan kita pun bercakap. Saya mengakui saya sendiri pun sedikit sebanyak bercakap, sebab ada perkara yang kita hendak tahu dengan pihak Kerajaan.

Tetapi yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam ini ialah bukan bagi saya setakat visi Barisan Nasional sahaja, bukan setakat cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja. Tetapi ini adalah harapan rakyat, harapan rakyat seluruh negara Malaysia terutamanya rakyat yang miskin, yang mengharapkan sesuatu daripada proses pembangunan negara lima lahun sekali sehinggalah rakyat meletakkan harapan yang tinggi untuk kejayaan pada tahun 2020 nanti sekurang-kurangnya dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional ini. Ini yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap dalam Laporan Rancangan Malaysia Keenam, Kertas Perintah 9 Tahun 1991 dinyatakan bahawasanya pendapatan per kapita KDNK daripada \$6,000 hendak dinaikkan ke \$10,000, hendak mewujudkan peluang pekerjaan lebih sejula dalam tempoh 1991-1995 dan ini merupakan harapan rakyat. Dan saya percaya semua rakyat memberi sokongan,

Slain daripada itu, angka-angka telahpun dijelaskan di sini. Kalau saya hendak mengungkit sepertimana yang diungkit oleh Ketua Pembangkang tadi yang mempersoalkan dari segi peratus-peratus iaitu di mana kejayaan korporat di kalangan golongan bumiputera yang dikatakan skandal sudah melebihi 20%, tetapi masyarakat Cina sudah naik lebih 40%, kononnya angka tidak tepat dan sebagainya, apakah ini cuba hendak berselindung di sebalik telunjuk hendak mengatakan bahawasanya golongan ini masih belum maju, hendak berselindung kononnya Kerajaan tidak membantu masyarakat Cina, manakala orang-orang

Melayu masih lagi daif di kampung-kampung. Kenyataan yang tidak bertanggungjawab. Kenyataan dan sikap seorang pemimpin yang suka berselindung di sebalik kebenaran itu, Tuan Yang di-Pertua.

Saya kenal dan saya sempat berkawan, tetapi tidaklah rapat sangat, dalam tempoh setahun dua tahun sahaja kenal, sikap mereka di waktu hendak menggubal manifesto dalam Pilihanraya Umum dahulu, hendak menentukan beberapa dasar, dan tidak mungkin kumpulan-kumpulan ini boleh memimpin negara, kerana kalau kumpulan yang ada sekarang dari segi percanggahannya PAS dengan DAP ini tidak boleh duduk sekali, hanya Semangat 46 dengan DAP sahaja. Jadi kalau inipun dia tidak boleh buat, macam mana mereka hendak laksana dan ajar orang lain suruh buat lebih baik daripada mereka bercakap—tidak mungkin. Ini hakikat, sudah nyata di hadapan kita, tetapi dalam buku Laporan Rancangan Malaysia Keenam ini, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dia tidak sebut dari segi kemunduran orang Melayu, kekurangan orang Melayu dalam bidang profesional, baik akitek, baik doktor gigi, baik engineer yang masih kurang, yang jauh daripada target Dasar Ekonomi Baru dahulu, tetapi yang disebut ialah soalnya, kononnya keraguan.

Apakah betul atau tidak masyarakat Cina sudah sampai kepada 40%? Dunia bolch lihat dari segi kemudahan, dari segi kejayaan, dari segi angka statistik dan sebagainya. Kalau dikatakan statistik ini tidak betul, yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan, maka kita minta DAP mengeluarkan statistik yang mengikut kajian DAP pula, yang boleh diterimapakai, yang boleh disahkan bahawa itulah statistiknya, dan statistik yang dikeluarkan dalam buku ini tidak betul, tidak tepat, tetapi kita percaya walaupun ianya tidak tepat 100%, tetapi sudah memberikan gambaran itulah kedudukannya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi dalam usaha hendak membangunkan ada cadangan dia tadi. Cadangannya ialah hendak membangunkan negara ini, kita mesti bawa balik pakar-pakar kita daripada luar, yang tinggalkan Malaysia dahulu. Ini jelas menunjukkan bagi saya, saya tidak setuju, apakah tidak mampu pakar-pakar yang ada dalam negara kita sekarang ini diberi peranan? Mereka ini dahulu lari di waktu ekonomi meleset, waktu negara susah, waktu ekonomi meleset lari ke Australia, lari ke Amerika Syarikat, lari ke Eropah, waktu ekonomi pulih sekarang ini hendak balik semula. Orang-orang seperti ini tidak patriotik, dan orang tidak patriotik tidak payah kita layan, dan macam mana Ketua Pembangkang boleh membela orang-orang tertentu yang tidak bersemangat patriotik kepada bangsa untuk balik semula apabila keadaan ekonomi sudah pulih.

Kita berjuang di negara kita, susah di negara kita, senang di negara kita. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, waktu susah pun kita ada di sini. Kita berjuang, kalau masuk ISA pun masuklah, keluar kita berjuang lagi. Kita duduk di sini, ini tidak, waktu susah semua lari, sekarang ini yang berjuang supaya mereka ini balik ialah DAP.

Saya hendak menyatakan protes saya sekeras-kerasnya supaya pihak Kerajaan tidak memberi pertimbangan seboleh-bolehnya kepada mereka ini sebab nyata sekali mereka tidak ada sifat patriotik kepada negara ini. Mereka tidak kasih kecuali apabila mereka melihat ada peluang-peluang yang baik seperti yang wujud sekarang ini apabila ekonomi pulih barulah mereka hendak balik semula ke negara kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menentukan hasil-mahsul negara kita ini, yang kita hendak bahagikan kepada rakyat, selama ini kita dengar macam-macam isu, macam-macam masalah timbul.

Saya ingin mengemukakan cadangan di sini, antara lain yang pernah saya bangkitkan, antara isu yang penting ialah mengenai dengan masalah pembalakan. Masalah hutan-rimba negara kita iaitu mengenai hasil kayu-kayuan negara kita.

Baru-baru ini timbul pendedahan mengenai dengan kecurian balak di Hulu Kelang. Sebenarnya masalah kecurian balak ini bukan baru dan pendedahan di Hulu Kelang baru-baru ini bukannya yang pertama. Banyak kali sudah didedahkan sebelum ini. Beberapa tahun dahulupun pernah didedahkan masalah kehilangan kayu balak, cuma yang peliknya di Hulu Kelang baru-baru ini ialah di kawasan sekitar bandar, macam mana dalam kawasan bandarpun kayu boleh hilang. Itu sahaja yang agak menarik, kecuali kalau kayu-kayu ini berada di hutan belantara, dan akibat daripada itu ada cadangan supaya dikenakan hukuman mandatori, ada cadangan supaya dihukum mati oleh Menteri-Menteri Besar.

Saya bercakap awal-awal dahulu lagi waktu penggal yang lalu lagi supaya Akta Perhutanan dipinda bagi mewajibkan, dikenakan hukuman mandatori kepada mereka yang mencuri balak ini, mencuri kayu-kayu ini. Mandatori dalam bentuk sama ada 20 tahun atau 30 tahun, itu diserahkan kepada pihak Kerajaan untuk memperlimbangkannya. Tetapi tindakan tegas mesti diambil kepada mereka ini, tindakan tegas artinya supaya mereka ini dihukum dengan setimpalnya, mungkin tidak sampai kepada hukuman mati, tetapi di negara Thailand orang yang mencuri balak hukumannya ialah 20 tahun penjara mandatori di Thailand. Apakah kita tidak boleh buat undang-undang yang sama bagi menyelamatkan kedudukan hutan negara kita ini? Kerana bukan sahaja kayu-kayu dicuri, tetapi apabila dicuri di kawasan tadahan air, di kawasan-kawasan yang boleh merosakkan alam sekitar, yang boleh merosakkan keadaan sekeliling dan boleh merosakkan masyarakat dan negara seluruhnya,

manakala mereka ini bukan sahaja senang dari segi keuntungannya, tetapi tidak bersikap berlanggungjawab pula.

Maka dengan sebab itu saya menyokong saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan yang mencadangkan supaya Akta Perhutanan dipinda dan dikenakan hukuman mandatori kepada mereka yang didapati bersalah mencuri kayu balak ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu hasil negara yang paling banyak sekali dan pernah saya menyentuh di waktu perbincangan OPP2 baru-baru ini ialah bersabit dengan masalah penswastan dan pembahagian saham dalam bidang korporat. Ini isu besar, Tuan Yang di-Pertua. Selama inipun yang dibisingkan sangat ialah kerana masalah pembahagian, bukan masalah dasar. Sebab itu saya mencadangkan di waktu perbincangan sebelum ini, di waktu perbincangan OPP2 baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya golongan termiskin dengan mengambilkira sebagai contoh yang berpendapatan \$500 ke bawah ataupun kalau hendak digunakan apa kaedah sekalipun, tetapi golongan termiskin diberi saham-saham yang akan dibuat seumpamanya TEN. Sebelum ini Syarikat Telekom Malaysia Sendirian Berhad, mungkin Keretapi Tanah Melayu, Jabatan Pos, kerana semua aset agensi-agensi ini adalah aset yang dimiliki oleh rakyat, hasil daripada cukai rakyat. Jadi kita tidak mahu lagi dengar seperti cerita dahulu yang memang saya turut rasa kesal.

Sebagaimana contoh, apabila diswastakan Sports Toto dahulu sehingga ianya berlanggok kepada satu dua golongan sahaja. Tetapi kali ini kita harap penswastan ini dibuat bukan sahaja ianya dinikmati oleh golongan-golongan dari segi institusi yang mewakili masyarakat melalui koperasi ataupun sebagainya, tetapi mestilah meliputi rakyat di kalangan peringkat

bawah, rakyat golongan termiskin ini, sebab kalau lidak, mereka tidak akan menerima manfaat dan peluang yang saya rasa ianya akan berlaku sekali sahaja, once in lifetime dia punya chance, ini sekali sahaja. Cukai kita bayangkan TEN punya aset berapa banyak? Berpuluh bilion. Katakanlah kalau berpuluh bilion ini diagihkan hanya untuk segolongan tertentu sahaja, tetapi diberikan juga untuk bumiputera, tetapi melalui agensi tertentu dan untuk orang ramai pula, dari segi jumlahnya terpaksa bertanding dalam pasaran terbuka, maka sudah barang tentu golongan termiskin akan ketinggalan.

Saya hendak mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya dalam proses penswastan dan pembahagian saham korporat ini dicari jalan atau suatu kaedah di mana golongan miskin di bawah peringkat pendapatan \$500 ke bawah atau \$1,000 ke bawah itu tidak menjadi soal, yang pentingnya golongan ini ada rasa nikmat sedikit, diberi peluang seperti Amanah Saham Nasional dahulu, melabur \$10 dapat \$90. Cari jalan seboleh-bolehnya, sebab kalau ini dapat dilakukan, insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tidak timbul sangat di kalangan masyarakat, sebab bila kita tanya rakyat di kampung-kampung, walaupun mereka tidak berapa tahu sangat soal dasar penswastan ataupun apakah tujuan dan matlamatnya, mereka tidak soal sangat, cuma mereka berkata kalau ada saham-saham seumpamanya diswastakan, hendak disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, mereka mengalakan, kalau kita rakyat di kampung ini boleh kecap nikmat sedikit jadilah, kalau orang lain dapat \$2 juta \$3 juta, kita dapat 200 saham pun jadilah. Macam mana kita hendak dapat ini, borang di mana kita hendak dapat ini?

Jadi, sebab itu saya berharap di bawah dasar penswastan, ini baik agensi-agensi Kerajaan diswastakan, apa bentuk sekali pun, supaya golongan termiskin ini secara langsung atau tidak secara

langsung mendapat peluang menikmati hasil selepas ini, sekurang-kurangnya sedikit memiliki saham untuk mereka di semua peringkat.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai sistem pendidikan negara kita yang juga pernah saya bangkitkan dalam perbahasan sebelum ini, iaitu tentang pengwujudan "twin college"—kolej swasta dengan universiti luar negeri yang sekarang ini tumbuh seperti cendawan. Ada pendapat pro dan kontra masalah peluang pendidikan ini. Ada mengatakan bahawa keputusan mengizinkan institusi swasta yang sekarang ini sudah berjumlah 11, kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, mengadakan "joini programme" dengan universiti-universiti luar negeri dan ianya sekaligus memberi peluang lebih ramai rakyat Malaysia mendapat pendidikan tinggi.

Sememangnya dari segi prinsip, kita menyokong dan kita mahu melihat semua rakyat, tanpa mengira kaum, boleh menikmati kemudahan sistem pendidikan tinggi ini tetapi pada masa yang sama, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian atau pihak Kerajaan apabila diizinkan institusi-institusi seumpama ini menjalankan kursus-kursus "twin college" ataupun diploma ataupun degree dengan universiti Amerika Syarikat, dengan Australia, New Zealand ataupun di mana-mana sahaja, apakah akan terjadi dari segi kesan psikologi kepada penuntut-penuntut ataupun pelajar-pelajar kita yang belajar di universiti tempatan? Kerana segala-galanya berbeza, kurikulum ataupun kandungan pelajaran yang dikemukakan oleh universiti-universiti berkenaan dengan kolej swasta, dengan universiti tempatan memang berbeza, lain sekali. Matahan segi penggunaan bahasa pun memang kalau Universiti Kebangsaan menggunakan Bahasa Melayu. Begitu juga universiti-universiti tempatan yang lain. Manakala di kolej ini menggunakan

bahasa Inggeris, memang kita mahu pelajar kita fasih dalam bahasa Inggeris pada masa yang sama. Tetapi sudah wujud gap yang begitu luas di antara pelajar-pelajar universiti tempatan dengan pelajar-pelajar kolej swasta yang dibuat dengan universiti luar negeri.

Saya rahu tahu, Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasar Kerajaan sebenarnya, selain daripada memberi peluang kemudahan untuk pelajar-pelajar ini mendapat pendidikan tinggi tanpa pergi ke luar negeri, tetapi apakah jadi kepada dasar pendidikan negara? Maka sebab itu, jika ada pihak Kerajaan berangan-angan ataupun bercadang untuk melaksanakan konsep universiti terbuka, saya minta Kerajaan mestilah memikir dan mengkaji dengan sehalus-halusnya, sedalam-dalamnya sebelum keputusan dibuat kerana sudah cukup 11 buah institusi swasta diizinkan menjalankan program pendidikan yang disebutkan tadi. Sudah cukup untuk Kerajaan mengkaji semula sama ada ianya sesuai atau tidak dalam konteks pembangunan yang kita hendak tuju dari segi Wawasan 2020 ini iaitu di dalam konteks Dasar Pembangunan Nasional yang dibentangkan ini, sebab ini perkara yang penting kerana pendidikanlah yang akan menentukan hala cara masa depan rakyat negara kita, terutamanya di kalangan generasi muda bagi memenuhi cita-cita Wawasan 2020 ialah pendidikan. Kalau pendidikan kita tidak betul, saya percaya yang lain akan turut habis berkecamuk. Ia mesti bermula dengan konsep dan dasar pendidikan yang betul. Saya percaya dalam keghairahan untuk kita mewujudkan seberapa banyak peluang ini pun, tetapi kita harus ingat kita mesti mempunyai falsafah dan dasar yang tegas, terutamanya dalam konteks identiti negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak ingatkan di sini mengenai dengan kekurangan doktor. Kita lihat dalam buku Rancangan Malaysia Keenam ini pun kita memang

kurang doktor. Baik pencapaian di kalangan doktor Bumiputerapun kurang dan keperluan negara pun kita kurang. Maka timbullah berbagai-bagai isu bersabii dengan kekurangan doktor yang melibatkan kesihatan rakyat. Antara isu yang timbul ialah kekurangan doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan. Ramai yang berhenti kerana gajinya rendah. Akibat dari itu, ada cadangan hendak mengizinkan doktor luar negeri masuk ke negara kita tetapi dibantah oleh Persatuan Perubatan.

Dan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada membuat kenyataan iaitu kemungkinan besar doktor-doktor Kerajaan akan diizinkan bekerja dengan swasta ataupun dengan klinik swasta selepas waktu bekerja secara "pan-time". Walaupun kita menyokong, saya kira cadangan ini baik tetapi saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, macam mana pelaksanaannya nanti. Bolehlah atau tidak kita buat ini? Sebab katalah masa ini bekerja dengan Kerajaan, lepas itu hendak lari pula ke klinik swasta, jadi "conflict of interest" tentu akan berlaku. Itu satu, dan dalam perjalanan pergi ke klinik swasta pula, Tuan Yang di-Pertua, maklum sahajalah sebenarnya berniaga. Doktor pun berniaga juga, kalau swasta ini berniaga. Saya takut nanti dalam terkejar-kejar daripada pukul 4.15 petang habis dengan Kerajaan hendak pergi ke klinik swasta, tengok-tengok pula dalam poket nanti penuh dengan ubaikhah, jarumkah, semua ada dalam poket ini. Sudahlah semua ini kurang di hospital-hospital. Mana kita tahu. Macam mana kita hendak jamin bahawa perkara ini tidak akan berlaku. Malah sekarang pun kita hendak tahu apakah dari segi pengawalan ubat dan sebagainya selamat, tidak hilang. Tetapi kalau kita izinkan pula ini sebab selalu doktor ini kalau bawa wire pun, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak buang dari rumah, ke mana-mana pun, yang Kerajaan punya Kerajaanlah. Jadi, saya takut nanti berlaku "conflict of interest" nani, berlaku pencanggahan

kepentingan. Walaupun saya sambut baik, mungkin itu satu cara untuk kita mengatasi kekurangan doktor, dan memang betul, terutamanya di luar bandar, memang kurang betul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya buat rumusan terhadap ucapan saya bcrsabit dengan Rancangan Malaysia Keenam ini, menjadi kewajiban saya menyentuh sedikit tentang pembangunan di kawasan saya, di Pasir Mas. Di Pasir Mas adalah sebahagian daripada Kelantan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah rakyat di Pasir Mas samalah masalah rakyat di Kelantan seluruhnya, baik dari segi kemiskinan, dari segi infrastrukturnya, dari segi sosio-ekonominya, peluang-peluang pekerjaannya—sama. Tetapi walaupun demikian, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan juga Jabatan Kerja Raya. Sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab, saya telah sendiri sedikit sebanyak cuba merangka apakah pembangunan yang sepatutnya di kawasan saya. Sebagaimana yang kita lihat dalam Rancangan Malaysia Keenam ini agihan dari segi peruntukan akan dibuat melalui Belanjawan negara setiap tahun. Oleh itu, saya ingin menarik perhatian di mana di kawasan saya, Tuan Yang di-Periua, untuk perhatian Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar iaitu ada beberapa jalan kerana yang penting di kawasan luar bandar, terutamanya ialah infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya di Pasir Mas, saya dapati ada 17 jalan yang saya kira boleh dinaikkan taraf ke jalan JKR, daripada jalan taraf penggawa di mana saya hendak sebut di sini iaitu Jalan Pohon Buloh PK1 ke Panda Maluh; jalan panjangnya dari segi kilometer 9.5, lebar 2.5 kilometer; Jalan Serdang Manang; Jalan Jia Stor Macang kePohon Buloh; Jalan Kubang Panjang ke Kampung Pauh; Jalan Padang Embong ke Pecah Durian; Jalan Pecah Palas ke

Kampung Kerasah; Jalan Kubang Badak ke Kampung Lalang ke Kubang Pakroh; Jalan Banggol Cicah ke Banggol Nangka; Jalan Macang Gua Chah ke Kubang Hakim; Jalan Pecah Palas ke Kampung Delima; Jalan Tendong Tepi Sungai; Jalan Teluk Jering; Jalan Perangkap ke Kubang Mas; Jalan Bakong ke Kubang Pak Hitam; Jalan Pintas Bandar Pasir Mas; Jalan Tendong ke Paloh; dan Jalan Gelang Emas ke Kampung Kolam. Saya kira, Tuan Yang di-Pertua, dengan anggaran kos helanja sekarang ada dua alternatif satu dan alternatif dua, taitu antara lebih kurang \$13 juta ke \$17 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam—bukan sekaligus. Jadi, Kementerian Kerja Raya ataupun Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui persetujuan Kementerian Kewangan kalau diluluskan empat jalan setahun pun jadilah. Maknanya dalam lima tahun selesailah jalan-jalan dari segi infrastruktur di kawasan Pasir Mas ini.

Satu lagi yang saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua di sini, iaitu perhatian kepada pihak Jabatan Kerja Raya. Selain daripada jalan-jalan tadi, saya ingin menyebut di sini bahawa di dalam kawasan Pasir Mas, di bandar Pasir Mas, terlelaknya slesen keretapi yang kira terbesar di Kelantan. Stesen yang terbesar di Kelantan berada di bandar Pasir Mas. Di kawasan itulah penduduk-penduduk mencari makan dan di situlah terletak stesen keretapi. Saya sudah memerhati begitu lama dan saya telah membangkitkan perkara ini banyak kali. Di Pasir Mas ada lintasan KTM yang terletak di Jalan Tengku Ahmad yang menghubungi kawasan timur yang merangkumi pasar lama, beberapa pejabat Kerajaan dan sekolah dengan kawasan barat yang mana terdapat kompleks sekolah enam buah, ibu pejabat polis, pejabat Kerajaan dan pasar baru. Tetapi ada liniasan keretapi. Dahulu dalam kawasan Pasir Mas ada beberapa tahun dahulu pernah berlaku kejadian pelanggaran keretapi dengan sebuah bas yang meragul nyawa rakyat.

Maka sebab itu sudah sampai masanya saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya membina secepat mungkin jejambat yang boleh memberi keselesaan kepada rakyat dan pada masa yang sama dapat kita menjamin tidak akan berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi ada enam buah sekolah di sekitarnya dan lintasan rata kereta menyebabkan laluan terputus di waktu peak hours, waktu keretapi dari Tumpat ke Gua Musang, pukul 7.02 pagi, pasar besar berada di tepi jalan, ke kompleks sekolah-sekolah yang menambah kesibukan di waktu pagi; beberapa pejabat Kerajaan berada di laluan yang sama; berlaku pemisah di antara kawasan pasar lama dan pasar baru yang memerlukan perhubungan yang lebih sempurna; kanak-kanak sekolah lewat sampai ke sekolah apabila masalah ini tidak selesai, berlaku kemalangan sentiasa sama ada pengeseran antara kereja, lori, basikal dan sebagainya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat berharap dari segi penyelesaiannya dibuat satu jejambat iaitu anlara lain memperkuatkan muka jalan dan melebarkan jalan 2.5 km kepada 4.7 km di kawasan tersebut. Memperelokkan underpass untuk dua haluan, memperelokkan beberapa selekoh, memperelokkan simpang menghubungi jalan ke JKR: tanda amaran underpass dan lain-lain papan tanda lermasuk papan tanda tunjuk arah yang saya kira keseluruhannya kos tidaklah sampai ataupun lebih kurang \$500,000. Saya berharap dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam ini terutamanya dalam Belanjawan tahun 1992, masalah ini di kawasan saya di Pasir Mas dapatlah diberi pertimbangan oleh Kementerian yang bertanggungjawab dan yang terlibat.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merayu dari segi kemudahan kesihatan di kawasan saya di Pasir Mas. Walau pun ada klinik-klinik desa tetapi saya berharaplah sekurang-kurangnya dua klinik desa ditambah setiap tahun kerana kawasan Pasir Mas adalah besar, pengundinya hampir 40,000 tetapi dari segi kemudahan kesihatannya masih lagi berkurangan. Jadi, saya berharap sangatlah kepada pihak Kementerian Kesihatan sekurang-kurangnya dapat mewujudkan dua klinik desa setahun di kawasan Pasir Mas dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam.

Manakala dari segi kegiatan sosio-ekonomi rakyat, penduduk kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, banyak bergantung kepada hasil tanaman padi. Boleh dikatakan 70% bergantung kepada hasil tanaman padi. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih saya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian khususnya kerana di kawasan Pasir Mas masalah subsidi baja tidak lagi berbangkit. Sekarang subsidi baja untuk petani-petani di kawasan saya sedang didaftarkan dan saya percaya dalam tempoh dua minggu ataupun tiga minggu daripada sekarang, insya Allah penduduk-penduduk ataupun petani-petani di kawasan Pasir Mas yang memerlukan baja dapat subsidi baja daripada Kerajaan Pusat iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Kawasan lain belum sebab mereka tidak mahu. Ya, baja ini baja cap dacing. Saya berterima kasih sangat kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian kerana telah merestui.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Saya ada satu soalan. Dia kata kawasan lain tidak mahu. Daripada manakah Yang Berhormat Pasir Mas dapat berita atau khabar, atau mendengar berita atau mendengar khabar, yang kawasan lain tidak mahu?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya dengar orang PAS cakap, buat apa Kerajaan Pusat, kita PAS kita tidak mahu. (*Ketawa*) Kita boleh berdoa kepada Allah s.w.t. Ini orang PAS bercakap,

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak ada, tidak pernah orang PAS bercakap.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya, mungkin Yang Berhormat tidak, tetapi orang lain bercakap.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak ada, ini dia cakap bohong, dia pandai "auta" ini. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan buat "auta". Ini baru balik dari Mekah. Ini bukan soal bohong. Janganlah tunjuk "act". Jadi Wakil Rakyat penggal ini pun mungkin kerana kita tolong. Kalau tidak, dia tidak ada di sini. You understand or not?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dinasihatkan jangan gunakan perkataan "bohong". Itu unparliamentary.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, hendak minta jalan lagi?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya. Saya rasa berita yang disampaikan itu tidak benar. Itu saya hendak kata. Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya kata ada pihak lain tidak hendak, sebab saya faham politik. Bila Kerajaan PAS memerintah, dia tidak bagi kepada orang UMNO. Jadi, dia tuduh orang UMNO. Tetapi dia hendak juga. Saya faham, saya tahu rakyat saya hendak baja, sebab itu saya masuk UMNO. Sebab itu saya kata rakyat saya hendak. Simple logic. Saya tak mahu cakap orang putih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak mahu tetapi kalau tak faham nanti Tamil pun saya boleh cakap dengan dia orang ini. (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Tumpat bangun lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa berita yang disampaikan itu tidak betul. Itu persoalannya, tidak perlu tarik jauh-jauh. Persoalan baja yang dinyatakan itu, dia kata dia yang mahu baja dan kawasan lain tidak mahu baja. Berita itu tidak betul. Sekarang cuba telefon kepada Menteri Besar Kelantan. Boleh tanya sekarang ini juga, boleh tangguhkan Parlimen kita ini sekejap, 5 minit, untuk telefon kepada Menteri Besar Kelantan, tanya mahukah atau tidak baja ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya rasa tidak payah saya telefon. Saya rasa buat apa kita hendak ganggu Menteri Besar Kelantan, dia sibuk baca khutbah di masjid. Apa sibuk tentang hal padi ini?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak tahu berita itu betul atau tidak betul. Saya secara rasmi menyatakan bahawasanya berita itu tidak betul. Saya memperingatkan

Yang Berhormat dari Pasir Mas, kalau hendak bercakap, cakaplah tetapi yang tidak betul itu tak usah cakaplah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya bukan bercakap hal tak betul, ini hak saya. Kalau Yang Berhormat kata tidak betul, itu anggapan Yang Berhormat. Saya kata betul, sebab saya tahu kawasan saya dan kita sama Kelantan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, these people are here because of our support.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi, sekarang kita serahkan kepada dia, apa dia hendak cakap. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Gentleman macam itulah senang. (*Ketawa*) Jadi, itu sebenarnya. Jangan salah takrifkan maksud saya. Saya hanya beri pendapat dari segi politik. Betul rakyat hendak baja. Kalau betul Kerajaan PAS, Yang Berhormat dari Tumpat betul-betul kasihan kepada rakyat Kelantan, hendak tengok rakyat Kelantan dapat baja, saya percaya tolong ikut nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu merasmikan Jambatan Pasir Mas/Salor dihadiri oleh Menteri Besar Kelantan, jelas Perdana Menteri cakap. Kalau hendak pertolongan, buat perangai elok-elok. Macam saya ini—from Semangat 46 join UMNO. Bukan itu bagus!

Itu dia, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tidak kira soal maruah saya dan saya tidak pentingkan maruah saya. Sebab kalau saya pentingkan maruah saya, kita hendak jaga maruah kita, hendak jaga prinsip kita, kita duduk macam seperti saya duduk dahulu. Itulah penting diri. Tetapi saya tidak kira apa terjadi kepada saya, sebab saya hendak bela rakyat saya. Di sinilah menunjukkan

betapa hebatnya Ahli Parli men Pasir Mas kalau hendak dibandingkan dengan mereka. (*Ketawa*) Itu kelebihanannya, Tuan Yang di-Pertua. Sebab pemimpin yang sebenarnya, dia tidak kesah soal maruah diri, dia kesah soal masa depan rakyat.

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Tumpat.

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Yang Berhormat dari Pasir Mas ini boleh berubah, suara dia boleh berubah, sekejap begitu, sekejap begini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apa penjelasan yang diminta?

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Kalau kita dengar dahulu dia bercakap lain dan sekarang dia bercakap lain pula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu bukan penjelasan yang diminta.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itulah kalau Yang Berhormat hendak tahu, itulah pemimpin yang penuh dengan inovasi, pemimpin yang penuh kreatif, Bukan beku sahaja, tidak begitu. Sebab itu pemimpin yang inovasi, yang kreatif, dia pentingkan soal rakyat. Ini tidak, seperti pemimpin-pemimpin yang sebelum berkuasa, kalau kita berkuasa kita akan basmi kemiskinan. Beri kuasa kepada kita. Saya sudah membahaskan OPP2 bercakap sewaktu dahulu, beri kuasa kepada kita, kita boleh buat—boleh buat apa benda! Enam bulan, kalam-kabut, haru-biru negeri Kelantan.

Timbalan Yang di-Perlua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kiui tengok bukan sahaja dari segi soal hendak bela rakyat, berJaku pemecatan di kalangan kakitangan Kerajaan, selepas itu tuduh orang UMNO pecat itu, UMNO pecat ini. UMNO pecat kakitangan kita, tapi yang PAS pecat orang UMNO tidak sedar. Tarik projek-projek yang diberi kepada Wakil Rakyat Negeri seperti di Lindungan dan Sungai Pinang tidak sebut, double standard. Kalau parti DAP kita bolch faham. Macam PAS yang menggunakan Islam, tetapi buat perangai macam ini betul "lugai", Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*). Orang Kelantan bercakap, mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak faham, Udak mengapalah. Tuan Yang di-Pertua, itu sebenarnya.

Sekarang ini masalah Kelantan bukan tidak serius, serius sungguh. Masalah sosio-ekonomi rakyat Kelantan, bagi saya memang saya harap dan keputusan saya buat ini untuk Kerajaan Pusat tolong rakyat Kelantan dan saya harap keputusan saya ini akan juga membantu pengundi-pengundi di Tumpat. Tidak lama lagi pilihanraya kecil di Tumpat diadakan di kawasan Sungai Pinang, kawasan Ahli Parlimen Tumpat. Kalau tidak puas hati di sini, mungkin dua tiga bulan lagi kita akan berdepan dalam pilihanraya kecil nanti, insya Allah secara politik. Betul PAS mungkin dia ada kuasa, dia ada Kerajaan, sekarang ini dia anggap dia kuat, okay, itu kita terimalah. Tidak menjadi masalah, cuma kita hendak buktikan dari segi kejujuran mereka ini. Malah saya pun ada satu di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya takut berjangkit di Kelantan, saya cukup bimbang sekarang ini. Ini satu laporan Polis, saya percaya esok Ahli Parlimen dari Marang, Timbalan Yang di-Pertua PAS, saya minia kalau boleh esok dia beri penjelasan, sebab isu ini sudah sampai ke Kelantan. Sudah sampai ke kawasan saya bersabit dengan peristiwa yang berlaku di Mesjid Kampung Laut, Bukit Payung, Marang,

Terengganu pada 14hb Mei. Ini macatn mana Timbalan Yang di-Pertua PAS pergi sembahyang di mesjid hendak jadi imam, orang tidak berjadi imam, boleh suruh pengikut-pengikutnya usung imam yang sudah angkat takbir. Ini apa hal. Ini ada laporan di sini, saya hendak baca pun panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak usahlah, tidak payahlah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak, saya boleh beri, saya tidak payah bacalah. Cuma saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Parlimen dari Marang nanti sebab kita tidak mahu peristiwa ini berjangkit ke negeri-negeri lain, tcrutamanya di Ketantan ataupun di kawasan saya sendiri di Pasir Mas, sebab sudah ada peristiwa ini. Dahulu peristiwa dua imam ataupun dua mesjid, tidak ziarah kubur, tidak pergi-mari di anlara saudara Islam, tetapi ini boleh naik atas mesjid, orang lain jadi imam, sudah angkat takbir, boleh suruh orang lain pergi usung, dia pergi jadi imam. Teiapi di luar dia champion. Saya lengok sewaktu Pilihanraya Umum baru-baru ini, sebelum itu saya pun ikutlah, hebat bercakap depan 20-30 ribu orang. Bila jadi Ahli Dewan Rakyat saya ingat hebatlah, tetapi tidak seberapa pun, sebab mari di sini baca ucapan, selepas itu cabutpergi; baca ucapan, cabut pergi. Cuba berdepan, berdialog betul. Tidak ada apa pun. Tidaklah sehebat yang kita fikir selama ini. Sebab memerintah ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan perkara senang. Saya hendak bahas Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua: Bercakap di aias Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Memang tidak lari pun dalam tajuk sepanjang ini sebab ini ada kena-mengena dalam soal pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam dalam semua aspek, sebab yang penting pada

saya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi betapa baik pun dasar kalau pelaksanaan tidak betul, memang dasar itu tidak akan ke mana-mana. Sebelum pelaksanaan dapat dibuat dengan baik, sebelum pelaksanaan dapat dilakukan dari segi mclaksanakan segala apa yang diputuskan dalam dasar, yang penting ialah kestabilan politik, yang penting ialah pcrpaduan rakyat, yang penting ialah keamaman, yang penting ialah ketenangan.

Saya menyeru supaya oleh kerana pilihanraya umum baru selesai, mari sama-sama kila wujud ketenangan ini bagi membolehkan visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Rancangan Malaysia Keenam ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Kalau kita bahas baik macam manapun Rancangan Malaysia Keenam yang sebegini tebal, selepas itu kila ambil pula ucapan Ketua Pembangkang, kita masukkan pula ucapan dari Marang nanti—bukan main tebal, cantik, teiapi walaupun cantik, Tuan Yang di-Pertua, kalau keadaan di luar terus berpecah, kalau kemelut potitik terus gawat, tidak mungkin cita-cita dapat dilaksanakan.

Maka sebab itu, Tuan Yang di-Perlua, kita percaya asas yang peming ialah ke arah kestabilan politik. Apabila wujud kestabilan politik dan perpaduan dan untuk mewujudkan ini pula, Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah keluhuran dan kewibawaan pemimpin-pemimpin—bersih, cekap dan amanah. Bila bersih, cekap dan amanah, ada kewibawaan, Tuan Yang di-Pertua, kalau sedikit-sebanyak pun berlaku kelemahan, ianya tidak akan menjadi skandal-skandal yang besar. Sebab saya lebih percaya kepada bersih, cekap dan amanah lebih daripada pendidikan yang linggi. Kita pemimpin, kalau kurang pendidikan sedikit pun tidak meng-apalah, tetapi yang penting ialah jujur dan amanah. Jujur dan amanah inilah yang akan menentukan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam ini.

Saya dari Pasir Mas menaruh harapan yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan anggota Kabinet dan Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab dan kita akan memberi sokongan yang sepenuhnya dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan yang di-Pertua, sekian, terima kasih, saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Bandar Kuching.

5.07 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebab memberi saya peluang untuk membahaskan Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam ini cuma boleh berjaya sekiranya pemimpin-pemimpin negara, khususnya mereka Ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat, boleh menunjukkan kelakuan dan perangai yang paling baik sebagai contoh kepada rakyat. Sekiranya seorang pembangkang tidak tahan lama dan selalu melompat kepada parti pemerintah sama ada sebab dia miskin tidak cukup duit, ataupun tidak tahan tekanan dari pihak pemerintah maka dia tidak layak untuk menjadi Ahli Parlimen. Maka nasihat saya kepada sahabat saya dalam parti Pembangkang ini, biarlah jangan ganggu Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas lain kali, sebab hari ini kalau dia cakap langit biru, esok dia boleh cakap langit merah. Sekiranya esok pagi Semangat 46 dengan DAP boleh jadi Kerajaan, dia mungkin akan lompat balik kepada Gagasan Rakyat. *(Tepuk)* Maka saya rasa.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak keluar, bukan hendak dengar dia bercakap. *(Ketawa)*

Tuan Sim Kwang Yang: Dalam ucapannya sudah tidak mengandungi ikhlas dan jujur dan saya malu, sebab Yang Berhormat berpangkat besar sepatulnya saya mesti bangga tetapi sebab ada satu dua di kalangan kami Yang Berhormat ini ada eksklusif kelab di Malaysia ini, ada beberapa Ahli yang kurang susah, kurang mahu rasa malu.

Dia, mungkin kulit muka sudah tebal maka dia panggil ini kreatif, kalau kreatif serupa opportunistik, maka saya rasa susahlah masa hadapan Malaysia ini. Cuma dengan meluluskan satu undang-undang untuk mencegah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada melompat dari satu parti ke satu parti lain, Anti Hopping Bill, sama ada diluluskan dalam Parlimen ini ataupun diluluskan dalam semua Dewan Undangan Negeri ini baruiah politik secara demokrasi berparlimen boleh dapat satu masa hadapan yang lebih cemerlang lagi. Itu sahaja sebagai pendahuluan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bangkitkan dalam sistem Persekutuan negara ini, saya mahu bangkitkan perhubungan di antara Negeri dengan Kerajaan Pusat. Perlembagaan negara kita ini sudah membuat ataupun sudah memberi peruntukan untuk sistem Persekutuan (Federation) ini wujud. Oleh sebab keadaan-keadaan yang unik wujud di negeri-negeri apabila Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963 lalu. Maka sekiranya ketidakseimbangan wujud dalam pagedaran ataupun distribution of powers di antara pihak Kerajaan Negeri dengan pihak Kerajaan Persekutuan, maka satu krisis boleh timbul seperti yang kita sekarang saksikan di Yugoslavia. Di Yugoslavia mungkin kuasa yang dipegang oleh pihak Kerajaan Negeri terlalu kuat sedikit tetapi keadaan Malaysia ini mungkin sekarang kuasa politik, kuasa

ekonomi, kuasa semua sudah ditumpu, dipegang dalam tangan pihak Persekutuan. Maka ada masalah, ada krisis yang wujud di Sabah sekarang dan tidak lama lagi di Sarawak juga dan nampaknya di Kelantan.

Tuan Yang di-Perma, saya tidak percaya sesiapa dalam Sabah sekarang ada satu plot mahu menarik Sabah keluar dari Malaysia. Kalau sesiapa mahu buktikan saya salah, sama ada IGP, Tan Sri Haniff Omar ataupun Yang Berhormat Mark Koding di Sabah, biarkan mereka memberi bukti-bukti secara terbuka, maka saya boleh diyakinkan sebab 28 tahun selepas orang Sabah dan orang Sarawak menyertai dalam Malaysia ini, sudah dibuktikan bahawa Sabah, Sarawak dan semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini sudah menjadi satu keluarga besar. Dan apa-apa teguran tentang penyelewengan oleh Kerajaan Persekutuan sepatutnya jangan dianggap sebagai anti-Federal, PBSkah, parti Dayakkah, parti DAP di Sarawakkah, bukan anti-Federal, cuma mereka pro State sebab sekarang keseimbangan ini perlu dipulihkan semula.

Maka hari ini saya mahu bangkitkan masalah yang ditumpukan kepada Sarawak sahaja sebab saya seorang anak Sarawak yang jadi Ahli Parlimen dalam tempoh 8 tahun yang lepas ini. Dan janganlah seseorang pemimpin Menteri-menteri di peringkat Persekutuan ini menganggap sikap saya sebagai "parochial", cuma saya membangkitkan masalah Sarawak. Sekiranya cuma dengan alasan bahawa perasaan ketidakpuashatian dari Negeri Sabah dan Sarawak "parochial", maka tidak layak untuk dilayankan ataupun diperiksa ataupun ditimbang secara teliti, sekiranya demikian memang anti-Federal feeling, betul-betul timbul. Sebab dalam satu keluarga, jikalau seorang anak susah hati, ibubapa tidak boleh cakap anak ini parochial, jangan peduli dia, dia jahat, biarkan dia sahaja, biarkan dia menangis. Memang, seorang

ibu ataupun seorang bapa yang waras, memang sayang anak ini, mahu dengar masalah ini, sebab masalah anak ini sudah jadi masalah keluarga. Maka cuma dengan sikap dan dasar menganggap masalah Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sebagai masalah kebangsaan, barulah dapat integrasi nasional bermula di Malaysia ini, barulah dapat jurang yang paling semakin lebar, yang wujud sekarang boleh haraplah dijabatankan.

Maka dengan pendahuluan ini, saya mahu masuk kepada Rancangan Malaysia Keenam. Saya sedikit gembira apabila OPP2 dibeniatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab dia menyebut kepada saya pada kali pertama: "Bahawa masalah kemiskinan di Negeri Sabah dan Sarawak perlu diberi perhatian, perlu diberi keutamaan". Dengan Rancangan Malaysia Keenam ini saya haraplah memang ada satu rancangan khas supaya membangunkan Sabah dengan Sarawak bersama-sama dengan Kelantan, Perlis, Terengganu dan sebagainya. Tetapi satu bab yang khas, di sini ialah bab untuk wanita dan pembangunan, untuk persekitaran. Saya cuma harap satu bab asing boleh diberi kepada masalah pembangunan wilayah, khasnya kepada Sabah dan Sarawak. Tetapi serupa seperti tahun-tahun yang sudah lepas-lepas saya paling kecewa sebab tidak ada apa-apa rancangan konkrit yang komprehensif, yang sudah dikandung dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Maka apa yang sudah saya saksikan, sudah mengalami sendiri pada dekad yang lepas ini akan terus berlaku dalam dekad 90an. Maka jika jurang dari segi kesedaran politik, dari segi pembangunan sosio-ekonomi akan terus berlaku, Maka kedua-dua dunia ini, satu dunia di pantai utara Kalimantan, satu dunia di Semenanjung Malaysia, sekiranya itu terus berlaku memang perpaduan negara akan menjadi mangsa pada akhirnya. Maka tanggungjawab untuk kami dari Sabah dan Sarawak adalah supaya memberi tumpuan kepada masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya, dari segi angka-angka yang dibcrl dalam Rancangan Malaysia Kccnam ini bolch dilihat dengan jelas bahawa Sarawak, Sabah memang beiful-betul paling miskin dalam Persekuluan ini. Dari segi socio-economic index ataupun dari segi pendapatan setiap orang per kapita (GDP), Sarawak, Sabah memang rendah sekali. Dari segi contoh sahaja, air adalah asas untuk setiap keluarga, setiap hari, satu orang tidak minum air untuk tiga hari rncmang mati. Dan tanggungjawab pertama untuk sesebuah pemerintah adalah untuk memastikan bahawa air bersih akan diberi kepada setiap rumahiangga. Dan kemajuan dalam meningkatkan iaraf kehidupan untuk mana-mana satu wilayah boleh diukur dengan sejauh manakah rancangan untuk membekalkan air ini sudah berjaya.

Lapantahundahulupadatahun 1982, saya masuk Parlimen kali pertama, hari itu saya masih bolch bercakap dalam bahasa English, saya bangkitkan masalah ini, memang Menteri-menteri memberi jawapan yang biasa, yang birokratik, seperti, "Oh, ini akan diambil kira dalam Rancangan Malaysia akan datang, satu jawatankuasa untuk ditubuh sudah mengambil perhatian, bila tiba masa diberi." Tetapi memang, 8 tahun sudah lepas—(minta izin saya cari tempat yang sesuai)—selepas 8 tahun ini, dari segi pembekalan air bersih membandingkan negeri dengan negeri lain, dalam Negeri Sarawak cuma 33% penduduk-penduduk dapat menikmati air bersih dibandingkan dcngan purata kebangsaan iaitu 57% dibandingkan dengan Pulau Pinang—85%, Selangor—73%, Kedah—58%, Johor—61%. Ini satu angka sahaja tetapi apabila saya balik ke Sarawak sama ada dalam Kuching, bukan kawasan hulu, di Kuching sendiri tidak jauh 7 kilometer dari Kuching, saya masuk kampung pada musim kering sekarang, perigi sudah kcring, langki sudah kcring, sudah lama

tidak hujan, keluarga bukan satu. dua—bcrlbu-ribu, beratus ribu tidak ada air. Setiap hari mencari air, jadi misi pcrlama untuk setiap ahli keluarga ini.

Apabila mereka minta dari Kerajaan untuk paip disambung, apabila mereka memohon kcpada Kerajaan Persekutuan supaya melaksanakan projek adalah mcndukacitakan. Memang ada projek, projek Antah Biwater sudah dilaksanakan di dalam ngeri Sarawak dengan pcrbelanjaan yang saya tak ingat lagi bcrapa ratus ribu juta ringgit. Sampai sekarang di kawasan Samarahan, di kawasan pantai, di kawasan Jalan Padawan, Kawasan Bendison, di Batu Kawah, cuma keluar sedikit dari Kuching, tidak ada air. Apa lagi kalau masuk kawasan Pclagadan Baram. Maka ini kemudahan asas tidak didapati di negeri Sarawak dan kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain memanglah kecuiaan Kerajaan amat jelas.

Dari segi pengangkutan jalan, Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa kali, setiap tahun saya berdiri di sini, beberapa kali saya minta kepada sesiapa yang mcnjadi Menlcri Pengangkutan ataupun Kerja Raya supaya pembangunan betul-betul boleh membawa manfaat kepada rakyat dilaksanakan di Sarawak dan sebagaimana setiap tahun jawapan yang sama diberikan, jaminan sudah diberi oleh bekas Menteri KerjaRaya, sekarang Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Jaminannya ini memang akan siap dibina dalam tempoh dua tahun, yang lain siap dibina dalam tempoh tiga tahun. Berapa kali Presiden MIC ini berjanji. Dia pandai, dia sendiri pernah pergi ke Sarawak, masuk kereia berjalan atas Pirst-Trunk Road System, dia balik ke sini bercakap, Yang Berhormat dari Bandar Kuching jangan takut, dalam masa tiga tahun menjelang 1992 memang jalanraya utama Sarawak ini bolch siap dibina. Dia tak payah pergi ke sana untuk berjalan, saya terpaksa sebagai anak Sarawak untuk menjalankan tugas saya.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang dari segi jumlah jalanraya Persekutuan sepanjang 4,878 kilometer cuma 1,704 kilometer telah ditarkkan. Peralusannya 35%. Jika dibandingkan dengan semua negeri-negeri ini, Sarawak merupakan satu negeri yang mana Kerajaan mengeiarkan jalanraya itu paling rendah sekali. Maka dari Lundu ke Kuching, ke Sibui, ke Bintulu, ke Miri ini panjangnya hampir 975 kilometer, cuma 50% agaknya ditarkkan. Dan saya sclalu pandu kereia sendiri berjalan dari Kuching ke Lundu, ke Miri, ke Suyai ke Niah. Apabila sampai khasnya Batu Lintang ke Betong, saya sebutkan nama-nama ini sebab semua Ahli Yang Berhormat dari Sarawak hendak tahu, paling teruk. Tidak ada jalan lagi, cuma satu longkang besar jikalau turun hujan, paling licin, selalu lap, sekiranya lap, kereta traktor besar datang tarik kcluar. Maka inilah keadaan pengangkutan jalan untuk negeri Sarawak. Dengan infrastrukturnya yang paling lemah dan kurang dibangunkan ini, bagaimanakah kita boleh memajukan ekonomi Sarawak dengan membuka tanah secara besar-besaran, denganmemajukanbandar-bandarkecil, pekan-pekan kecil seperti Engklili, Betong, Debak, Saratok semuanya bandar-bandar, pekan-pekan kecil mati, tidur tak boleh dibangunkan sebab tidak ada pengangkutan jalan untuk mengangkutkan goods and services. Dan di mana-mana di dalam sebarang negeri pengangkutan jalan merupakan lifeline, talian darah untuk ekonominya.

Faktor utama yang menjejaskan pembangunan sosio-ekonomi di negeri Sarawak adalah bahawa akibat pembangunan First Trunk Road System di Sarawak dicuainya oleh pihak Persekutuan dalam tempoh 28 tahun sejak kemerdekaan. Maka sekiranya betul-betul kita mahukan perpaduan negara, tidak mahu orang Sabah Sarawak terasa mereka bukanlah sebenarnya anak

Malaysia tetapi cuma sebagai anak angkat atau anak yatim kepada Malaysia sahaja, maka perlulah dari Lundu ke Miri, First Trunk Road System, dari Miri ke Tawau, Pan-Borneo Highway, juga dengan Second Trunk Road System dari Bintulu ke Tubau, ke Belaga ditarkkan dalam tempoh lima tahun. Tidak banyak perlukan duit, satu kilometer dapat ditarkkan dengan \$0.5 juta, maka sekiranya dalam First Trunk Road System ini sekarang lebih kurang 400 kilometer masih tinggal belum ditarkkan, maka \$200 juta cukup untuk mengetarkan, paling murah jika dibandingkan dengan North-South Highway, East-West Highway dan Karak Highway. Tetapi cuma dengan gesture, dengan perbelanjaan ini dalatn tempoh tiga atau lima tahun untuk mengetarkan jalan ini semua, maka mengambilalih lagi lebih jalan pembangunan sebagai Jalan Persekutuan seperti Jalan Bendison, Jalan Padawan dan sebagainya, maka saya rasa rakyat Sarawak dan Sabah memang boleh mengidentifikan diri mereka sebagai anak Malaysia lagi dengan perasaan bangga bahawa mereka boleh menikmati buah-buahan kemerdekaan Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembekalan elektrik, memang saya tahu semua orang sudah dengar saya berdiri di sini bertanya soal elektrik, dengan izin, day-in and day-out, dengan jawapan jaminan dari Yang Berhormat Menteri, pihak Barisan Nasional memang pandai memberi elektrik. Tetapi sampai sekarang cuma 52% penduduk-penduduk Sarawak di kawasan luar bandar boleh menikmati kemudahan elektrik. 52% sahaja berbanding dengan 90% di Semenanjung Malaysia. Ini angka-angka yang saya dapat dari Rancangan Malaysia Keenam ini. Tanpa eleklrik, Tuan Yang di-Perlua, susahlah budak sekolah mahu belajar dalam Rumah Panjang ataupun di

kampung-kampung. Susah seseorang bumiputera mahu memulakan mechanise farming, dengan izin, sebab lanpa elektrik tak boleh mengerjakan alat-alat mekanikal untuk tujuan pertanian. Maka susahlah sekiranya kemudahan asas ini kurang sejak beberapa tahun lalu, susahlah untuk rakyat Sarawak dan Sabah, mereka merasakan sudah ditinggalkan jauh di belakang oleh saudara-saudara mereka di negeri lain di Malaysia ini.

Dan dari segi perumahan, pada mukasurat 366 dalam bab Perumahan, di bawah tajuk Pembangunan Sosial, Table 14.2 Prestasi Rancangan Perumahan Kos Rendah Khas di antara tahun 1986-1990. Prestasinya boleh dikatakan cukup cemerlang: di Johor 12,000, di Kedah 23,000, Kelantan 1,000, Melaka 2,000, Perak 15,000 dan sebagainya. Sarawak kosong, tidak diketahui. Ini sudah jadi biasa dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat, Kelima dan mungkin ketujuh, memang angka tentang Sarawak dan Sabah kurang, sama ada ia tidak ada prestasi sama sekali ataupun Jabatan berkenaan tidak berminat dengan mendapatkan maklumat ataupun bancian yang wajar ataupun tidak mahu orang Sarawak tahu betapa mundurnya mereka jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Tetapi dalam mukasurat 376 yang mana permintaan untuk perumahan dijelaskan negeri demi negeri: Johor mereka yang memerlukan rumah ialah hampir 60,000, Kedah 41,000, Kelantan 57,000, dan seterusnya. Tetapi Sabah 81,448 unit yang paling tinggi, Sarawak tempat kedua 73,974 unit.

Kali-kali dalam semua bidang sosio-ekonomi apabila saya mahu cari maklumat dan angka wajar, selalu saya menghadapi satu masalah yang amat mendukacitakan kerana selalu Sabah jadi nombor satu, Sarawak jadi nombor dua dari bawah, bukan dari atas.

Satu lagi tentang bidang kesihatan, Tuan Yang di-Pertua, nisbah doktor kepada penduduk-penduduk, sekali lagi di negeri Sarawak kami ada satu doktor kepada 6,696 orang dibandingkan dengan nisbah kebangsaan satu orang doktor kepada 3,175 orang. Di negeri Sarawak, nisbah ini—doktor—population ratio adalah dua kali ganda ataupun 200 peratus dibandingkan dengan purata kebangsaan dan merupakan kedua terendah di seluruh negara ini. Saya boleh teruskan dengan contoh demi contoh untuk menunjukkan bahawa memanglah negeri Sabah dan Sarawak paling mundur.

Apabila keadaan kemiskinan dan keadaan pendapatan per kapita ini dibincangkan, maka saya terkejut sebab dari segi bancian ataupun kajian rasmi, per kapita GDP ini dalam negeri Sarawak sudah ditingkatkan daripada \$3,452 dalam tahun 1985 kepada \$3,883 dalam tahun 1990 dan akhirnya kepada \$4,920 dalam tahun 1995 iaitu apabila tempoh Rancangan Malaysia Keenam ini ditamatkan. Dengan angka ini Sarawak tidak miskin, masih boleh lawan Kelantan, Perlis, Terengganu, Melaka, masih boleh jadi bukan negeri yang miskin, tetapi negeri sederhana sahaja. Tetapi saya rasa sekiranya banding dengan per kapita income ini maka gambaran amat misleading sebab di negeri Sarawak kita tak boleh ambil GDP dan jika dibahagi dengan bilangan penduduk-penduduk, maka dapat satu per kapita GDP dan anggap per kapita GDP ini sebagai agaknya pendapatan setiap orang di negeri Sarawak, ini sebab di negeri Sarawak ada masalah pengagihan kekayaan yang paling besar, ketidakseimbangan di dalam pengagihan kekayaan negeri ini. Maka anomali di antara per kapita GDP ini yang agaknya menarik dengan sosio-ekonomi kita yang paling lcruk menunjukkan bahawa kontradiksi sudah wujud. Kontradiksi yang saya sebutkan ini wujud dalam perihal politik, amalan politik dan budaya politik.

Sebelum saya masuk ke tajuk ini, dari segi angka-angka rasmi memang kemiskinan di negeri Sarawak tidak begitu teruk dan sudah dikurangkan daripada 31.9 peratus dalam tahun 1985 kepada 21 peratus dalam tahun lepas dan akan terus diturunkan kepada tahap 16 peratus dalam tahun 1995. Nampaknya menarik. Maka saya mahu mempersoalkan adakah sesuatu banciaan yang sudah dijalankan yang menggunakan standard yang sama untuk Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia ataupun cara SERU/EPU digunakan untuk negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini tetapi household expenditure survey digunakan untuk Sabah dan Sarawak. Jika sekiranya parametre tidak sama, cara tidak sama, variabls tidak sama, maka kita tidak boleh bandingkan keadaan kemiskinan yang ada di Sarawak dan Sabah dengan keadaan yang ada di Terengganu. Saya mengesyaki bahawa keadaan kemiskinan sudah disembunyikan oleh kosmetik statistik.

Gambaran kemiskinan sebenarnya lagi teruk dari apa yang ditunjukkan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini sebab apabila Yang Amat Berhormat sebulkan Wawasan 2020 dengan satu pernyataan bahawa Bank Dunia memijji Malaysia sebab Malaysia sudah jadi sebuah negeri yang sudah maju, maka saya ingat saudara-saudari saya dalam negeri Sarawak di Belaga, di Lundu, di Baram maka saya ketawa, Yang Berhormat di sini pun ada datang dari tempat-tempat ini, mana boleh kata dia sudah jadi negeri yang sudah maju sebab saya tahu satu jurang yang besar sudah wujud sebab mass media di Kuala Lumpur sama ada suratkhbar ataupun media elektronik kurang meliputi kedua-dua negeri Timur ini. Susahlah untuk seseorang dari Semenanjung Malaysia memahami apa yang benar-benar berlaku, di manalah Sibu, di manalah Kapit, di manalah Tawau, di manalah

Semporna tetapi kami dari Sarawak memang tahu, memang selalu masuk ke kampung yang ada di hutan, memang sudah menyaksikan bagaimana orang kampung dalam rumah panjang, walaupun 28 tahun sejak merdeka masih hidup seolah-olah mereka tak pernah merdeka, kerana elekuik iak ada, tak boleh dengar radio, tak boleh nampak TV dan bagi Suratkhbar *The Star*, *NST*, dan *Nanyang Siang Pau* mahu sampai Belaga susah dan tiga hari kemudian baru boleh sampai sebab tak ada lapangan terbang. Suralkhbar dari Kuala Lumpur mesti dihantar ke Kuching dengan kapal terbang, masuk Sibu dengan kapal terbang, naik dengan bot ekspres 7 jam untuk sampai Kapil atau Belaga, orang jalan kaki, pakai bot ekspres, untuk satu hari barulah bolch sampai Long Bulan dan Long Geng 4 hari kemudian baru boleh baca suralkhbar, apa gunanya? Di sini merdeka hidup seolah-olah Kuala Lumpur tidak wujud, dia tahu siapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, namanya.....

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolch.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Adakah maksud Yang Berhormat dari Bandar Kuching semua penduduk-penduduk di rumah panjang di negeri Sarawak tidak dapat dengar radio, tidak ada elektrik dan sebagainya. Adakah ini maksudnya?

Tuan Sim Kwang Yang: Memang ini bukan maksud saya. Saya tidak begitu bodoh cakap semua rumah panjang tidak tahu. Rumah panjang yang dekat bandar besar senang sedikit sebab mereka boleh pergi ke sekolah. Kadangkala kalau Yang Berhormat seperti Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar boleh beri dia satu generator untuk undi dia, pakai generatorlah. Itu

memang wujud, Tetapi saya sebutkan rumah panjang yang paling mundur ini di Limbang, di Baram, di Telok Essan itu. Saya terkejut, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya pergi ke sana. Minyak petrol dijual di Sibul, sebuah bandar besar dengan harga \$6 satu gelen. Bila saya pergi ke Long Bulan harganya naik kepada \$13 satu gelen. Satu tin roti—masuk kampung mesti ikut adat dan orang kampung memang miskin dan sebab ini kita bawa sedikit makanannya, roti sedikit, satu tin berharga \$7 di Sibul masuk ke Long Geng jadi \$35. Semua barang harganya lima kali ganda.

Orang kampung memang mesti pakai senapang mahu tembak babi hutankah, burungkah untuk makan, satu peluru \$1.20, saya beli dari Sibul, pergi Long Bulan \$5.00 satu biji—talk about inflation, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana orang boleh hidup? Dalam kampung mana ada dapat duit cari wang tunai? Sekarang mereka digalakkan oleh Jabatan Pertanian untuk menanam lada dan koko. Lada hitam sekarang 100 kilogram baru dapat \$222 tetapi harga kos sekurang-kurangnya \$300 lebih, hampir \$400. Ramai orang kampung sekarang ambil juga, kalau ada. Kalau jual memang dia rugi teruk, jual pun tak cukup duit, beli baja supaya balik ke kebun mereka untuk menghidupkan pokok lada yang ada. Koko pun sama sekarang—koko 100 kilogram sekarang baru \$190 maka mereka tidak ada duit.

Tidak ada duit, harga barang semua tinggi, maka orang kampung ketawa. Harga tanaman turun—terus turun, harga barangan naik. Mana boleh orang hidup?

"Enti akak hidup ya" orang Iban cakap. Bahasa Iban sedikit menarik, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pernah dengar, ini baru belajar sedikit. Kalau diizinkan, saya boleh cakap Iban sedikit untuk kawan-kawan saya dari orang Iban; pendek, saya buat terjemahan;

"Enti ya, orang Malayah toskat nara ingat menusa orang kampung di rumah panjai, di meno pesisir maka dia memirinsak pemerinsak itaknya nak ulih di denga'. Njadi, orang banka abannya enti kalau bantu sah nadak ulih nadi abang adik."

Maksud saya ialah, sekiranya orang kampung suara tidak boleh dengar.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat nanti sekejap ya. Nanti Yang Berhormat tolong tulis beri dalam Romanised.

Tuan Sim Kwang Yang: Untuk *Hansard*?

Tuan Yang di-Pertua: Untuk *Hansard*. Kalau tidak, maka itu tidak boleh tulis dalam Romanised. (*Ketawa*)

Tuan Sim Kwang Yang: Itu saya dukacita, sebab bahasa Iban tidak pernah diambil berat oleh Kementerian Pendidikan. Sepatutnya bahasa Iban, Bidayah, Kadazan perlu diajar supaya anak-anak orang Iban boleh belajar. Betul atau tidak betul Yang Berhormat? (*Tepuk*)

Maka dalam kampung yang paling ulu ini Tuan Yang di-Pertua, nampak mercka tidak ada elektrik, tidak ada air. Long Bulan satu kampung, nama dia, sebab saya tak boleh pergi sana.....

Tuan Radin Malleh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun. Hendak beri jalan alau tidak?

Tuan Sim Kwang Yang: Sila.

Tuan Radin Malleh: Bolehkah Yang Berhormat beri erti bahasa Iban tadi itu dalam Bahasa Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia tidak beri pun.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta maaf, saya lupa. Maksud saya tadi ialah sekiranya orang Malaya—orang dari Semenanjung Malaysia, nama itu tidak begitu baik tetapi orang cakap orang Malaya, sekiranya orang dari Semenanjung Malaysia tidak dengar masalah di kawasan pendalaman dari negeri Sarawak itu, maka nanti susah mahu jadi abang-adik. Itu maksud saya. Ini bukan saya cakap.

"Ukai bercakok aku, bercakok orang kampung ya." (*Ketawa*)

"Ba alai ulu tok".

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Di Kelanuin pun dok kata macam itu juga.

Seorang Ahli: Translate!

Tuan Sim Kwang Yang: Transtate? Oh! what I mean.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datuk Amar James Wong Kim Min: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh, itu senior, veteran, memang boleh.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, memang nasib Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, nasibnya ada, sekarang ini dia fasih bercakap dalam bahasa Iban, sebab kalau saya tidak salah, dia baru ambil seorang isteri bangsa Iban satu tahun dahulu. Betul tak?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa pandangannya itu? Apa dia hendak minta pandangan? (*Ketawa*) Sila teruskan Bandar Kuching.

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, Tuan Yang di-Perlua, isteri saya orang Iban, memanglah tak salah juga.

Kalau orang Sarawak ataupun Sabah mereka sedar dengan perkembangan politik baru sekarang, dan menyaksikan kemajuan yang paling cemerlang sudah dicapai oleh negeri Singapura, maka kami dari Sabah atau Sarawak cakap, kenapa Singapura boleh mencapai kejayaan yang paling cemerlang begini? Dia tidak ada tanah, Singapura tidak ada tanah, dia tidak ada hutan, tidak ada kayu, tidak ada minyak, gas semua tidak ada. Dia cuma ada orang, orang pun sama, darah pun sama merah, kenapa negeri Singapura boleh mencapai satu tahap sehingga dia jadi naga keempat di Asia ini dan sebaliknya kalau pandang ke Sabah dan Sarawak, kesihan, walaupun tanah banyak, kayu memang banyak, gas, minyak ada banyak, kenapa orang masih hidup dalam hutan seolah-olah kemerdekaan ataupun civilization tidak pernah sampai ke pantai kedua-dua negeri ini? Tidak ada masalah, tidak ada logiknya. Maka, sekiranya kita memeriksa corak politik, maka jawapannya senang didapati dan yang periamanya kalau saya lagi fasih dengan keadaan di negri Sarawak, kalau kila memeriksa struktur ekonomi di negeri Sarawak, 80% eksport dari Sarawak ini terdiri daripada minyak, gas dan kayu dalam bentuk belum diproses, dalam bentuk komoditi utama 80%, cuma 20% datang dari koko, lada, sedikitrotan dan sebagainya.

Jikalau kita periksa import daripada Sarawak, 45% lebih daripada ini adalah diimport dari Kuala Lumpur dan terdiri daripada alat-alat mesin dan capital goods. Maksudnya di negeri Sarawak ini, kami jual murah, beli mahal, memang rugi. Kalau tidak jaga nanti bankrap. Walau bagaimanapun, gas asli dari Bintulu jual kepada Jepun, kayu balak, 45% jual kepada Jepun, tetapi ini murah kepada Jepun. Yang diimport dari Jepun, trektor Mitsubishi, Kanebo, kereta Jepun semua mahal, satu

perhubungan kolonialisma di antara Sabah dan Sarawak dengan Jepun—memang miskin. Okay, minyak, gas memang ada banyak, minyak satu hari keluaran kalau saya tidak silap 150,000 tong sehari merupakan satu per tiga pengeluaran jumlahnya yang dikeluarkan oleh Malaysia ini, tetapi Sarawak dengan Sabah dapat 5% royalti sahaja.

Satu tahun 5% ini agaknya lebih kurang \$100 juta. Berapa kali Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak berdiri dalam Parlimen minta pihak Kerajaan Persekutuan timbang untuk menaikkan royalti 5% kepada 10%. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan rakan-rakannya cakap tidak boleh. Kalau semua negeri mahu, semua mahu menuntut kekayaan dari pihak Pusat, mana boleh? Tadi pun saya dengar PETRONAS minia dilaburkan hasil dari PETRONAS balik kepada Sabah dan Sarawak sama ada dalam bentuk perindustrian ataupun dalam bentuk projek sosial sebagai scholarship ataupun mahu buat stadium ataupun bina sekolah. Kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh, semua negeri-negeri minta dengan PETRONAS, mana boleh? Soalan saya ialah kenapa tidak boleh? Apakah ini maksud kemerdekaan, semua negeri dalam Persekutuan adalah satu keluarga yang boleh berkongsi susah, boleh berkongsi baik. Kenapa tidak boleh, sekiranya Terengganu minta tambahkan royalti tadi dari tahap 5% kepada 10%, kenapa tidak boleh? Baik untuk Terengganu, baik untuk Sabah, negeri lain mahu minta, kenapa tidak boleh? Beribu-ribu juta ringgit disimpan dalam simpanan tetap di England, beri Bank Bumiputra untuk menyelamatkan Bank Bumiputra daripada bankruptcy, apa gunanya?

Memang orang Sarawak dan Sabah marah, sebab minyak dan gas ini datang dari negeri Sabah dan Sarawak. Ini hadiah dari Tuhan kepada rakyat Sarawak dan Sabah dengan rakyat Malaysia. Cuma beri \$100 juta setahun, 5% royalti ini pihak Kerajaan

Persekutuan tidak rasa gatal pun—tidak rasa, jangan cakap rasa sakit atas kulilnya.

Tetapi cuma dengan satu langkah ini memanglah integrasi nasional dapat satu boost besar. Lagi mungkin PBS tidak mahu keluar dari Barisan Nasional. Minta maaf, saya tidak tahu apa yang PBS mahu buat. Tetapi yang saya tahu PBS boleh dapat kemenangan besar sebab saya orang Sarawak, perasaan sedikit kongsi. Sebab mereka kongsi bukan dari segi kepentingan parti, dari segi kepentingan rakyat, Sabah dan Sarawak kongsi nasib untung sedikit, sama. Sebab orang Sabah pun tidak puas hati. Mahu menunjukkan ketidakpuashatian secara undi, maka PBS jadi pemerintah. Tidak payah pergi sana siksa mereka.

Di dalam Malaysia, masa sudah tiba untuk kita semua mengakui bahawa pemerintah bukan parti. UMNO bukan pemerintah. UMNO cuma parti yang mengambil kuasa memerintah buat sementara sahaja, lima tahun. Maka apabila PBS jadi Kerajaan Negeri Sabah, janganlah Kerajaan Persekutuan menganggap mereka sebagai pemerintah PBS, tetapi memerintah Sabah yang diberi mandat' oleh rakyat Sabah yang diakui dan diterima di bawah Perlembagaan. Mestilah begitu, kalau tidak nanti timbul krisis constitutional berlaku seperti yang ada di Canada di mana Quebec lawan dengan pihak Ottawa.

Begitu juga dengan Kerajaan Kelantan. Saya tidak sokong PAS dengan dasar mahu meng"Islamisation", tetapi apabila mereka memerintah Kelantan dengan mandat rakyat Kelantan di bawah Perlembagaan, maka perlulah mereka dikesahkan. Tidak kira siapa memerintah atau memegang kuasa di mana satu negeri asalkan dia secara Perlembagaan dan undang-undang sahaja dalam pilihanraya maka mereka perlu dilayankan seolah-olah mereka pemerintah, bukan Pembangkang. Dan

nanti DAP jadi pemerintah di Pulau Pinang pun begini juga. Haraplah kalau nanti DAP pakat dengan parti Pembangkang lain di negeri Sarawak boleh mcmerintah Sarawak, apa salahnya.

Kami tidak mahu jadi pihak Pembangkang selama-lamanya. Orang masuk DAP, masuk mana satu parti bukan mahu terus jadi Pembangkang, bodoh dia. Sebab satu tujuan utama untuk sesebuah parti jadi Pembangkang, bukan dia mahu jadi Pembangkang tetapi sebab tidak cukup kerusi maka dia jadi Pcmbangkanglnh. Tidak cukup kerusi, memanglah.

Sekiranya esok parti DAPkah, S46kah, PASKah, Roketkah, "Hying saucer"kah (*Ketawa*) kalau dia menguasai 100 kerusi, kenapa dia tidak boleh jadi Kerajaan. Ini maksud *alternative government*. Tidak ada *alternative government*, demokrasi tidak ada maksud, tidak ada erti yang sepenuhnya.

Maka apabila PBSkah, DAPkah atau apa parti sahaja, sekiranya dia menang lebih daripada setengah bilangan kerusi ini, mereka perlu dilayan sebagai pemerintah. Sekiranya Kerajaan Persekutuan terus dengan mengganggu Kerajaan Sabah, Kerajaan Kelantan cuma sebab kedua-dua negeri ini diperintah oleh parti Pembangkang di peringkat Persekutuan sahaja, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jika dia berbuat demikian, dia *anli-government* Sabah, dia *anti-government* Kelantan. Maka satu perbezaan perki dibuat di anlara parti dengan Kerajaan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan Sarawak ini walaupun kami sudah merdeka 28 tahun; saya dilahirkan di negeri Sarawak, jangan anggap saya sebagai orang Cina atau seolah-olah saya orang Cina. Saya tidak diam di Republik China. Saya dilahirkan dalam negeri Sarawak, di Malaysia.

Makan susu ibu iaitu tanahair Sarawak ini. Kekayaan Negeri Sarawak ini membolehkan sekolah untuk mendidik saya sehingga saya besar sedikit dan pandai sedikit. Maka dengan perasaan mahu tolong "ibu" balik, Negeri Sarawak; maka saya akan mcjalankan tugas saya dalam DAP bukan untuk menentang Kerajaan, bukan mahu memecahkan perpaduan rakyat, bukan mahu ami-nasional, bukan. Bukan mahu menentang pembangunan, bukan. Siapa mahu bodoh menentang pembangunan? Tanpa pembangunan, Negeri Sarawak dan Sabah akan terus mundur. Sebab ini mesti set the record straight apa yang berlaku tentang isu perhutanan di negeri Sabah dan Sarawak, tentang isu politik di negeri Sabah dan Sarawak. Kenapa Sarawak miskin? Sarawak miskin sebab minyak dan gas yang dikeluarkan daripada Sarawak tidak dapat memberi hasil langsung balik kepada orang Sarawak. Sebab kebanyakan kekayaan dari hasil minyak ini sudah balik, orang kampung cakap "ya, nganjung ke Kuala Lumpur—sudah hantar ke Kuala Lumpur."

Yang keduanya, sumber kekayaan kedua iaitu sumber perhutanan. Sumber perhutanan ini memang menjadi sumber hasil Kerajaan Negeri yang paling penting. Sekurang-kurangnya 50%, kalau saya tidak silap, daripada perbendaharaan negeri Sarawak ini datang daripada cukai yang dikenakan ke atas eksport kayu.

Isu kayu ini, *crux to the problem*, Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak kenapa orang Sarawak miskin. Maka walaupun banyak kekayaan sudah dikeluarkan daripada secara penebangan kayu di negeri Sarawak ini tetapi orang masih miskin. Dan ini sudah jadi satu corak dan satu cara hidup di negeri Sarawak sebabpolitikdi Sarawakadalah politik kayu-kayuan. Politik kayu-kayuan—politik wang.

Sebab, kalau saya boleh ingat.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Batang Lupar. Itu Sarawak jugalah.

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ingin mendapat penjelasan. Apa makna politik kayu-kayuan, politik pembalakan Sarawak yang Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya terus mahu menjelaskanlah. Yang Berhormat jangan sakit hati kalau saya sebutkan PBB tidak baik, sebab ini politik. Keluar minum kopi sama. Nothing personal. Sebab ini melibatkan masa hadapan Malaysia dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sudah jadi rahsia terbuka di Kuching apabila saya masih lagi seorang budak bahawa YB-YB masuk politik sebab mahu dapatkayu balak. Ahli Yang Berhormat dari Bintulu memang seorang walaupun Menteri Alam Sekitar, saya kuat hormat dia apabila saya belajar dalam sekotah iaitu Datuk James Wong. Dia bapa kemerdekaan di negeri Sarawak, saya hormat—tabik. Apabila dia berjuang untuk merdeka saya masih budak sekolah, Form III atau Form II, saya tidak ingat. Dia pun seorang yang boleh dianggap taukeh besar kayu di Sarawak, tetapi dia bukan rasuah. Kalau saya tidak silap konsesi dia diberi sebelum merdeka. Betul tidak? Tetapi di negeri Sarawak ini lain orang. Kalau masuk politik hari ini jadi YB, esok boleh jadi kaya. Bukan orang Sarawak.....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Poini of order.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Larut.

Tuan Sim Kwang Yang: Ya.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Standing Order. Yang Berhormat bercakap mesti menuju kepada Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Sim Kwang Yang: Pandai! Isu ini ada perasaan emosi paling dalam dengan YB-YB dari Sarawak dan Sabah, saya tahu. Sebab untung nasib berpolitik or political fortune can be broken or made on timberware, dengan izin. Maka ramai orang berminat dengan politik—buat dahulu sebab harap dapat konsesi. sebab di bawah Perlembagaan.....

Tuan Richard Riot Anak Jaem:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Sila Yang Berhormat dari Serian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Saya hendak minta penjelasan, adakah Yang Berhormat dari Bandar Kuching ini bermaksud bahawa semua Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Sarawak masuk bidang politik oleh kerana kewangan? Terima kasih.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ialah tidak. Ada Ahli Yang Berhormat yang ikhlas dan jujur termasuklah beberapa orang dalam Barisan Nasional, dari Parti Bangsa Dayak Bersatu, dan memanglah semuanya dalam DAPlah. (*Ketawa*)

Saya berbangga boleh bercakap demikian, Tuan Yang di-Pertua, tetapi.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar bangun pula.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, gambaran yang telah diberi oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu tadi telah menunjukkan, sebab dia kata PBB, maknanya PBB kalau ada Yang Berhormat itu, ada terima balak. Jadi itu sweeping statement, dengan izin, tidak larat—tidak boleh buat. Kalau betul tunjuk finger, point the finger to the person. Kalau saya ada balak, beritahu saya ada balak. Terima kasih.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya tidak tahu Yang Berhormat orang barulah, tetapi siapakah dalam Dewan ini yang ada kayu balak dari parti PBB Sarawak, SUPP, SNAP Sarawak, please stand-up. *(Ketawa)*

Datuk Amar James Wong Kim Min: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.....

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua:.....tidak boleh buat begitu. Yang Berhormat bukan guru dalam kelas. *(Ketawa)*

Tuan Sim Kwang Yang: Senang cuma untuk Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak ini mengeluarkan.....

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun pula.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat menyedari bahawasanya kuasa untuk memberi kawasan ini bukan terletak kepada Parlimen ataupun Kerajaan Pusat. Jadi perkara ini tidak

timbul dan saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua, ini masalah Kerajaan Negeri. Saya rasa elok kita bincangkan apa yang Kerajaan Pusat peruntukkan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, nilai politik yang melanggar Rukunegara ini pada muka surat pertama, tahu?

Beberapa Ahli: Tahu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak payah. Nilai politik ini ada kaitan dengan Parlimen dalam memastikan kemajuan dan kejayaan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1987 ada satu peristiwa namanya "The Ming Court Affair", di mana 28 orang Ahli Yang Berhormat dari Dewan Undangan Negeri Sarawak ini menyokong Tun Haji Abdul Rahman Yaacob, mahu mencabar Ketua Menteri masa itu, maka Pilihanraya Umum di negeri Sarawak diadakan. Pada masa itu Malaysia baru tahu politik kayu-kayuan sebab dalam masa tempen itu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri iaitu Ahli Yang Berhormat dari Samarahan, menuduh bahawa 25 konsesi kayu dibekukan, sebab mereka adalah dipegang oleh kawan-kawan keluarga Tun Haji Abdul Rahman Yaacob, saiznya 3 juta ekar. Tetapi pada hari itu Tun Haji Abdul Rahman control Sarawak Tribune, dia hentam balik dengan menunjukkan kawan-kawan, keluarga-keluarga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bahawa ianya ada konsesi, saiznya 4 juta ekar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lupar bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Nanti sekejap, dua orang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Tuan Sim Kwang Yang: Sekejap, jangan jam momentum saya (*Ketawa*) nanti susah. Kedua-dua orang ini kalau ikut kedua-dua tuduhan, uncle dan nephew, Tuan Yang di-Pertua, dua orang ini sudah dapat 7 juta ekar, kurang lebih 1/2 kawasan yang boleh dibalakkan di negeri Sarawak. Betul atau tidak betul, saya tidak tahu, tetapi keluar dalam suratkhbar, semua orang baca, saya pun baca Oh! kali pertama, Datuk Alfred Jabu pun ada, siapa pun ada. Maka itulah sudah jelas polilik kayu-kayuan. Ini memang tidak mengejutkan kita sekiranya seorang calon masuk kawasan Sarawak mahu bertanding sebagai calon seperti mereka mahu lakukan.....

Tuan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat apa kena-mengcna soalan "The Ming Court Affair" 1987 tadi dengan Parlimen pada hari ini? Yang pertama.

Soalan yang kedua, tidakkah itu membuktikan Kerajaan Sarawak tidak hendak orang yang pegang kayu batak ini lagi menjadi Ahli Yang Berhormat? Itulah sebabnya berlaku "The Ming Court Affair". Terima kasih.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, kenapa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dituduh, sekiranya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak tidak dituduh oleh ISA jikalau memberi balak atau kontrak balak kepada seorang kawan menjadi saiu kesalahan di bawah Akta Rasuah itu.

Itulah ada kaitannya dengan Parlimen. Maka satu nilai, satu assessment kepada kedua-dua orang ini ialah mereka mempunyai kekayaan kayu sebanyak \$4 ribu juta.

Saya tidak bercakap siapa yang betul atau bercakap besar, ini adalah tuduhan yang keluar dan kedua pihak ini oleh sebab ada "The Ming Court Affair" berlaku, maka dunia baru tahu sejauh manakah kekayaan kayu memainkan peranan paling besar dalam arena politik di negeri Sarawak. Apabila Pilihanraya Umum akan daiang pada bulan September nanti....

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): (*Bangun*)

Tuan Sim Kwang Yang: See you there.

Tuan Yang di-Pertua: Bangun pula Yang Berhormat dari Lambir.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Miri, Saya rasa nama Lambir ini sudah lama, Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya sekarang ialah P. 178 Miri.

Tuan Yang di-Pertua: Okay.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Perlulah saya rasa chart itu diubahkan sedikit.

Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi tentang "The Ming Court Affair", kayu balak dan sebagainya adalah cerita lama. Kalau saya tidak silap dalam tahun 1987, masa ada isu kaum Penan, perkara ini dibawa ke Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching juga. Dan pada hari itu beliau ada satu buku dan membaca buku itu. Apa yang saya rasa elok hari ini dan kita ingin mendengar ialah adakah Yang Berhormat bawa bukti ke Dewan yang mulia ini atas tuduhan-tuduhannya?

Tentang siapa yang ada balak, siapa yang tidak ada balak, itu yang baru, yang kita dengar, bukan cerita lama. Sekian, terima kasih.

Tuan Sim Kwang Yang: Cerita lama tidak menghilangkan nilainya, walaupun ia lama ataupun sebab dia lama. Cincin lagi lama, tetapi dia lagi berharga (*Ketawa*). Orang tua dia lagi lama dia lagi dihargai seperti Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*) waras, pandai!

Tuan Yang di-Pertua, isu ini ada kaitan mengapa orang Sarawak miskin dan kenapa pelaksanaan projek-projek Persekutuan tidak dapat mencapai matlamat yang diadualkan, sebab ini saya mesti melaburkan point ini sedikit sebanyak.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua boleh beri saya masa, saya bila-bila boleh beri jalan 3 jam pun boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Penjelasan. Adakah kerana pembalakan kemajuan Sarawak tidak boleh dibuat, atau macam mana kata Yang Berhormat tadi itu?

Yang kedua, saya sarankanlah di sini kalau tuduhan ini hendak dibuat, buatlah di Council Negeri Sarawak, jangan buat di Parlimen, kerana tidak ada orang hendak jawab di sini. itu saranan saya dan permintaan saya.

Tuan Sim Kwang Yang: Dia Ahli Parlimen ini, juga yang Amat Berhormat Ketua Menteri, tetapi saya bukan mahu tumpukan serangan kepada dia sahaja. Saya lagi berminat dengan highlight satu perkara paling besar di negeri Sarawak dan Sabah, peranan yang dimainkan oleh kayu balak dalam politik, dengan sebab kekayaan banyak expect, dengan izin,

maka apabila Pilihanraya Umum datang, calon-calon dari Barisan Nasional ataupun pawai lain sanggup belanja duit paling besar untuk pancing undi, maka proses Pilihanraya Umum tercemar. Dan dalam sesuatu kawasan bukanlah luar biasa untuk seorang calon membelanjakan duit lebih dari \$2-3 juta. Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri tahu, DAP memang tidak belanja begini, tetapi Form E ini, Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya minta ambil perhatian, Form E asalnya di bawah Akta Pilihanraya merupakan satu dokumen supaya orang yang mahu berkempen untuk seorang calon dapat berkempen secara sah. Tetapi dalam negeri Sarawak, mungkin dalam Sabah juga, Form E jadi satu I.O.U, calon beri Form E \$300 kalau menang balik \$50 satu keping, betul atau tidak betul?

Beberapa Ahli: Tidak lahu.

Tuan Sim Kwang Yang: Betul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila ucapkan sebagai yang sepatutnyalah, jangan berlanya macam mana pertanyaan dalam sekolah.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta maaf.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Monggoh Orow: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Ya, Yang Berhormat dari Tuaran.

Datuk Monggoh Orow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya minta Yang Berhormat dari Bandar Kuching supaya menumpukan perbahasannya bagi perkara-perkara yang ada kaitan langsung dengan Sarawak, kerana ramai lagi Wakil dari Sabah yang akan menyentuh perkara-perkara mengenai negeri Sabah. Terima kasih.

Tuan Sim Kwang Yang: Tehma kasih. Kalau saya buat késilapan, minta maaf. Dan pilihanraya jadi satu exercise yang paling mahal. Cuma orang kaya boleh jadi calon maka politik dan demokrasi negeri Sarawak sudah jadi permainan orang kaya, bukan kaya serupa bank manager sahaja, dia tidak mampu bayar, cuma jutawan dapat jadi calon, dapat jadi Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Setahu saya di Amerika pun macam itu juga, millionaire sahaja.

Tuan Sim Kwang Yang: Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau begini mereka pun salah.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kota Setar bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan tentang pilihanraya di Sarawak ini. Bila dapat duit, kena tunjukkan bila dia pangkah hendak mengundi? Dia mesti sulit—kalau dapat duit pun takkan dia hendak pangkah apa yang kita suruh. Kita beritahu kalau dapat Borang E dengan wang \$300 adakah mesti pangkah dan tunjuk pada orang yang beri duit pada kita. Itu yang saya hendak tahu.

Tuan Sim Kwang Yang: Senanglah kalau mahu melanggar undang-undang memang ada cara lain untuk dapat pasti bahawa orang mengundi sebab dibayar wang. Ini berlaku di Amerika Syarikat juga, Tuan Yang di-Pertua.

Maka mereka yang sudah jadi Ahli Parlimen, ini mereka sudah kumpul selepas 28 tahun satu kelas asing, maka rakyat jelata satu kelas lain. Maka penyakitsploitasian sumber-sumber hutan

ini akhirnya tidak dapat membawa manfaat kepada orang kampung, cuma untuk mereka memerintah negeri Sarawak sahaja. Dan di kawasan-kawasan ulu di negeri Sarawak ini yang mana kayu balak ini dihasilkan, dieksportkan, bukanlah orang kampung tidak dapat wang dari kayu ini. Mereka menderita kesan paling buruk akibat daripada projek pembangunan sumber kayu ini, sebab kayu ini walaupun konsesi lesen diberi kepada individu, tetapi individu ahli politik, contohnya dia sendiri tidak tahu, tidak boleh membezakan pokok belian daripada tiang telefon. Dia tidak payah tengok pokok, dia tinggal di Kuching, Singapura, London, tetapi dia beri lesen, dia kontrak kepada seorang kontraktor seperti Hijau. Habis kontrak, kontrak kepada sub-kontraktor, mereka yang mengerjakan kayu masuk hutan dengan traktor, ambil kayu besar-besar dan habis apa yang didapati daripada hutan semuanya menguntungkan orang yang memegang konsesi ini, kontraktor dan sub-kontraktor sahaja. Orang kampung yang diam, yang tanam padi, tangkap ikan dalam hutan tidak dapat—daun tidak dapat, pokok tidak dapat.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Sebetulnya sedikit latarbelakang, saya sebagai ahli dari parti PBB seharusnya sekiranya Yang Berhormat ingin buat beberapa tuduhan, oleh kerana Kementerian Kehutanan ini adalah dipegang oleh negeri Sarawak, Dewan yang sesuai ialah Dewan Undangan Negeri Sarawak dan sebagai orang ahli dari pihak Orang Ulu yang kecil di Sarawak, saya dari suku kaum Limbawang tinggal di kawasan pendalaman, banyak penduduk-penduduk yang tinggal di rumah panjang sebetulnya ada menikmati kemudahan-kemudahan daripada perusahaan kayu balak terutama sekali....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap itu. Minta buat pertanyaan. Sila buat penjelasan.

Tuan Michael Lisa Kaya: Saya ingin minta penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa penduduk-penduduk di rurnah panjang baik di Ulu Limbang, di Ulu Baram, di Ulu Bclaga, di Kapit, di Ulu Lundu Sematan bekerja dan kebanyakan pendapatan mereka adalah bergamung daripada perusahaan kayu balak.

Yang kedua, sekiranya perusahaan kayu balak tidak diteruskan di Sarawak, golongan kami, golongan kaum Limbawang sekiranya kita berjalan dari bandar Lawas yang berdekatan dengan negeri Sabah, kampung yang jauh sekali dapat dihubungi dengan jalan kaki dan kita akan berjalan selama lima enam hari, Saya percaya Yang Berhormat dari Bandar Kuching belum berasa pergi berjalan- kaki ke Bakalelan, Long Semadu tempat kawasan Bukit Mas saya dan sedarkah Yang Berhormat bahawa sekiranya perusahaan kayu balak ini tidak diteruskan sekarang oleh kerana kayu balak ini diteruskan di kawasan kami, kampung-kampung yang saya sebutkan tadi dapat dihubungi dari Bandar Lawas mengikut jalanraya, dengan izin, logging roads. Sedarkah Yang Berhormat mengcnai pekaru ini?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, ramai orang dari kampung diupah oleh syarikat kayu untuk bekerja dalam hutan, kebanyakan mereka digajikan sebagai buruh, gajinya sedikit besar. Tetapi mereka tinggal kalau dalam kem, apabila mereka mahu makan, mereka beli dari kantin kera ini makanan paling mahal sehingga bulan habis, mahu dapat gaji, gajinya semua dipotong, sedikit sahaja yang dapat. Kedua.....

Tuan Michael Lisa Kaya: (*Bangun*)

Tuan Yang di Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bukit Mas.

Tuan Sim Kwang Yang: Belum, tunggu habis saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Dia jawab dahulu. Nanti dahulu!

Tuan Sim Kwang Yang: Apa guna mahu tanya kalau tidak mahu dengar jawapan. (*Ketawa*) Saya mahu baca dari May issue Newyorker, Tuan Yang di-Pertua, bertarikh 27hb Mei satu laporan bertajuk "A Reporter At Large Logging the Rainforest". Ini ada pandangan yang saya bersetuju, ada pandangan yang saya tidak setuju, tidak mengapa. Apa yang dilaporkan di sini, dengan izin, saya baca:

Wade Davies who now holds research position in Ethnog Bolany at New York Botanical Gardens and Mitsonium Institution writes in a recent book on the Sarawak rainforest.

"Though less than 5% of Sarawak's workforce is employed in logging, the industry in 1983 accounted for 67% of all fatal occupational accidents in the state. Over the last 17 years more than 1,000 workers have been killed in 1984 and 1989 alone. In 1991, 5 workers suffered injuries 1:400 have been killed. These figures indicated the rate of accidents 21 times higher than what has been reported for the logging industry in Canada.

Ulah maksud saya walaupun dia bawa masyarakat luar bandar ke dalam pembangunan ekonomi, tetapi socio-cost yang paling besar ahli DAP mati pun ada, cedera teruk pun ada. Saya nampak kaki satu hilang pun ada.

Tuan Yang di-Pertua: Bintulu bangun dahulu.

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Saya mengakui sebagai pioneer, inilah kerja kayu balak dalam Sarawak.

Mula-mula konsesi diberi kepada saya pada tahun 1949 dan sekarang ini bolchlah dikatakan saya ada pengalaman selama 40 tahun, dan dua buah tractor mula-mulanya dibawa ke Sarawak oleh saya ke Limbang. Itulah mulai dalam lahun 1960. That is the start of the hill timber industry.

Tuan Yang di-Pertua: Pen-jelasannya?

Datuk Amar James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, kisahnya panjang. Tadi Yang Berhormat mengatakan ada lebih 1,000 sudah terbunuh, tercedera kerana kerja-kerja kayu balak, Di manalah kitadapatkan telur jikalau tidak pecahkan kulit? (*Tepuk*) Dengan sebab ramai orang terbunuh di jalan-jalan atau lebuhraya di Kuala Lumpur ini, adakah patut semua kenderaan kita diberhentikan? (*Tepuk*) So, the argument tidak patut.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, saya kira Ahli Yang Berhormat is less ihan fair. Dengan satu kayu hendak pukul semua orang. Yang sebenarnya setelah pukul, dia steady juga dan dia ingat semua orang politicians dalam Sarawak ini dapat untung daripada perniagaan kayu balak. Kalau bagi Form E kena bayar \$50 tiap satu, adakah rakan saya daripada Kuching yang membayar \$50 bagi satu Form E untuk menang jadi MP di sini? Tidak ada—betul atau tidak? Kerana orang percaya kepada dialah, mereka undi kepada dia dan bukanlah semua orang gunakan duit uniuik membeli undi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai pengalaman yang banyak, dan saya sudah tolong ramai orang. kebanyakan Ahli dalam Dewan yang mulia ini taulah.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, itu sudah lebih daripada penjelasan.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Ini penjelasan betul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, minta penjelasan kepada dia, bukan Yang Berhormat yang memberi penjelasan! (*Ketawa*)

Datuk Amar James Wong Kim Min: Baiklah. Tuan Yang di-Pertua, saya masih ada penjelasan juga, sebab saya hendak beri kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua: Nantilah, Yang Berhormat kalau diberi peluang berucap, beri penjelasanlah!

Datuk Amar James Wong Kim Min: Baiklah, saya minta jikalau besok Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya, saya boleh beri penjelasan yang lebih lanjut. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kalau boleh, saya hendak beri semua bercakap.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Ahli Yang Berhormat itu tadi kata semua yang kena kemalangan kayu balak adalah orang miskin di Sarawak, tetapi bukanlah ini betul. Jika besok Tuan Yang di-Pertua beri peluang kepada saya, saya akan beri penjelasan yang lebih lanjut lagi dalam perkara ini. Banyak perkara yang sepatunya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini tahu, sebab kayu balak ini ada baiknya dan ada juga buruknya; ada untungnya dan ada ruginya juga. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya betul jika kapal terbang jatuh, kita tidak usah naik kapal terbang! (*Ketawa*)

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam sesuatu industri kemalangan berlaku dan orang mati ataupun cedera. Tetapi soalnya di sini adalah sama ada pihak syarikat

kayu ini mengambil semua langkah yang wajar untuk mencegah sejauh mana yang boleh. Di Negeri Sarawak sekarang, saya tahu, di tempat-tempat tertentu pekerja di kampung sana diarah oleh syarikat ini untuk menumbangkan kayu sampai pukul 11.00 malam dan kadangkala mereka diarah untuk mengangkut balak ini dalam lori-lori pada pukul 2.00 pagi. Walaupun dalam tahun 1975, cuma 2.5 million cubic meter dieksportkan sahaja, dia dipertingkatkan kepada 12 million cubic meter pada tahun 1985. Tetapi dalam tahun 1990, eksport balak ini dipertingkatkan kepada paras 18 million cubic meter dan ITTO ataupun badan antarabangsa menasihatkan supaya tidak lebih daripada 9 million cubic meter. Kenapa? Sebab selepas 1987, laukeh kayu takut kalau esok pilihanraya, Ketua Menteri kalah, mungkin pemimpin parti Dayakkah, DAPkah jadi Kelua Menteri, dia semua habis. Sebelum pilihanraya kuat terus kerja potong kayu, malam pim potong, pagi pun potong, terus bongkar duit. Nanti icrlalu lewat. Maka mercka bekerja 12 jam, dia letih, penat, tidak cukup makan, tidak cukup tidur dan keadaan dalam kem kayu ini paling teruk, memang dia careless, memang dia kena cedera kalau cuai. Ini untuk menjawab untuk Ahli dari mana, Bukit Mas?

Tuan Yang di-Pertua: Bintulu.

Tuan Sim Kwang Yang:..... Bintulu, tentang nilai ekonomi perindustrian perhutanan ini. Maka apabila orang kampung duduk di dalam hutan selama berapa generasi dengan menanam padi, menanam koko dan menangkap ikan. Dia menggunakan tanah ini sudah lama dan dia diberitahu bahawa tanah ini digunakan oleh mereka, mereka mempunyai sedikit hak kemudahan dan mengikut adat mereka bolch menggunakan tanah ini. Tetapi di bawah Undang-Undang Negeri Sarawak ini, apabila tanah ini digazetkan sebagai kawasan konsesi dan diberi kepada syarikat kayu maka orang kampung

hilangkan semua hak kemudahan sama sekali.

Datuk Amar James Wong Kim Min: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli dari Bintulu bangun.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Saya ingin bcri keterangan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat. Tidak boleh memberi keterangan, jikalau Yang Berhormat hendak memberi keterangan.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Tuduhan dari Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching ini adalah salah, NCR land.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memberi penerangan itu. Nanti bila Yang Berhormat dapat.....

Datuk Amar James Wong Kim Min: Saya boleh lariya sama dia, dia salah Tuan Yang di-Penua, jadi bagaimana boleh dia memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau salah, ntintalah penjelasan daripada dia.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Minta penjelasan daripada dia. Adakah dia tuduh semua NCR land diberi kepada licensee? Siapa yang dapat NCR land itu hilang hak mereka bila konsesi diberi kepada satu licensee?

Tuan Sim Kwang Yang: Saya tidak buat apa tuduhan, tetapi sekarang blockade oleh orang kampung di Belaga, Baram, Limbang menjadi tumpuan antarabangsa. Maka tidak boleh elak atau lari dari isu pertama, isu pokok lagi. NCR land adalah satu isu paling panas. Dan bagi saya masa sudah tibanya untuk Land Code untuk diubahsuai, dikaji semula, supaya NCR land diberi hak isiimewa di bawah Land Code.

Tuan Michael Lisa Kaya: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli dari Bukit Mas bangun pula.

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh sambung esok Ahli dari Bukit Mas, sebab saya ada tiga minit lagi.

Tuan Michael Lisa Kaya: Saya ingin sedikit penjelasan sahaja. Saya harap Yang Berhormat dari Bandar Kuching jangan gunakan isu-isu oleh kerana pilihanraya Council Negeri Sarawak mungkin akan daiang. Tetapi penjelasan yang saya ingin memintakan iaitu mengenai blockade-blockade ataupun benteng-benteng di Limbang, di Baram, di Belaga, saya ingin bertanya adakah ini berkaiian secara langsung dengan tuduhan Yang Berhormat mengaiakan tadi mcngcnai tanah pusaka ataupun, dengan izin, Native Customary Right land. Ataupun adakah ini perkara seperti yang berlaku pada minggu yang lalu, dihasutkan oleh segolongan rakyat yang tidak senang hati dcngan Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, untuk lapan orang yang ditangkap, ditahan di bawah di Penjara Lambir sekarang, pandangan saya ialah cara yang paling "best" ialah untuk terus membebaskan mereka dan deportkan mereka dari Malaysia supaya ini tidak jaid isu anlarabangsa. Kalau terus tahan dia dan chargedia, teruk lagi. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menghadapi tekanan.....

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat daripada Kuantan bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Apa lagi?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit.

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Adakah perlunya kita mewujudkan dua sistem, two-tier legal system dalam negara kita, di mana rakyat luar mempunyai undangannya tersendiri atau kita hendak menggunakan rakyat kita sebagai kelas nombor dua dari segi kacamaia undang-undang?

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan ini sedikit irrelevant, sebab deportation mereka di bawah undang-undang sama yang ada sekarang di Negeri Sarawak. Cuma saya mahu ingatkan untuk imej Kerajaan Negeri Sarawak paling istimewa deportkan mereka. Kalau mahu dipenjarakan mereka, jadi satu isu antarabangsa, biarlah, lagi baik untuk DAP, boleh menggunakan isu ini.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Bcrhormat, masa sudah cukup.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

PROGRAM BAHASA CINA DI TV

6.30 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melahirkan bantahan keras ke atas keputusan Kementerian Penerangan mengurangkan waktu penyiaran untuk filem import Cina dari 5 jam seminggu ke 4 jam seminggu mulai dari Ihb Jun dan bermula daripada Ihb Januari 1992 waktu penyiaran akan lagi dikurangkan seterusnya kepada 3 jam.

Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Ahli dari Kuantan) di Dewan Rakyat kepada saya pada 21-6-91 beliau berkata bahawa baki 1 atau 2 jam dari filem import Cina ini akan diisi dengan filem-filem tempatan.

Oleh kerana tidak ada filem tempatan berbahasa Cina sekarang di Malaysia, ini bermakna bahawa waktu penyiaran untuk filem Cina sebenarnya telah dikurangkan. Lagipun filem Cina telah digugurkan dari slot prime-time 8.30 malam selepas Warta Berita pukul 8.00 malam.

Tindakan sebegini adalah tidak adil dan bersifat diskriminasi ke atas filem Cina. Ini adalah kerana tindakan hanya diambil ke atas filem import Cina dan tidak ke atas filem-filem berbahasa lain.

Adakah dasar Kerajaan menyiarkan 80% filem dan drama tempatan menjelang tahun 2000 dan mengurangkan filem import kepada 20% sebenarnya satu usaha mengurangkan waktu penyiaran untuk program bahasa Cina? Ahli Yang Berhormat dari Kuantan telah menyatakan bahawa dasar ini akan menggalakkan pertumbuhan industri perfileman rakyat Malaysia keturunan Cina.

Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Kuantan dan pihak Kememerian, kalau begitu mengapakah program-program dan drama tempatan berbahasa Cina yang dibatalkan tahun lalu seperti Drama Pclungi tidak dipulihkan. Mengapakah dasar 80% program tempatan ini mesti mengakibatkan waktu siaran program Cina dikurangkan untuk TV2 dan TV3?

Jelas sekali, keengganan pihak Kementerian menggantikan masa penyiaran filem import Cina dengan drama tempatan berbahasa Cina menunjukkan bahawa pihak Kerajaan tidak jujur, tidak ikhlas dan tidak scrius dalam usaha menggalakkan pertumbuhan industri pertleman rakyat Malaysia keturunan Cina seperti yang dilaung-laungkan.

Kesemua ini adalah omong-omong kosong untuk menyembunyi tujuan sebenar mengurangkan lagi waktu siaran program bahasa Cina sebagai langkah mutakhir mengharamkan terus waktu siaran Cina.

Ini adalah lebih ketara kalau kita melihat keengganan Yang Berhormat Menteri Penerangan mengarahkan TV3 menyiarkan Berita Bahasa Mandarin. Beliau mendakwa tidak berkuasa berbuat demikian kerana TV3 adalah sebuah syarikat swasta dan bukan Kerajaan. Tetapi dalam kes ini adalah jelas bahawa TV3 hanya lunduk kepada tekanan dan campurtangan Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk mengurangkan waktu penyiaran filem berbahasa Cina.

Mengapa pihak Kementerian boleh campurtangan dalam kes ini tetapi sebaliknya tidak boleh dalam kes meminta TV3 menyiarkan Berita Bahasa Mandarin?

Saya ingin mendesak pihak Kementerian bertindak adil kepada peminat program Bahasa Cina dengan memulihkan waktu siaran yang wujud

sebelum 1hb Jun tahun ini dan juga mengarahkan TV3 menyiarkan Berita Bahasa Mandarin,

Kedua-dua peristiwa ini juga menunjukkan mainan politik talam dua muka dan 'fu loh ser wei', dengan izin, atau berkepala harimau tetapi berekor ular MCA yang bermakna memulakan sesuatu dengan berani dan serius tetapi diakhiri sebagai pnggcut dan cacat.

Pergerakan Pemuda MCA yang diketuai oleh Presidennya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, telah melancarkan satu kempen memaksa TV3 menyiarkan Berita Bahasa Mandarin sehingga memboikot TV3 dalam suratkhbar Cina. Pemuda MCA menyatakan keyakinan mereka akan berjaya dalam kempen mereka kerana mereka adalah ahli Kerajaan dan semangat perundingan Barisan Nasional adalah berkesan.

Lagipun Setiausaha Kebangsaan Pemuda MCA, Yang Berhormat dari Ampang Jaya, juga pernah mengecam tindakan pihak Kementerian mengurangkan waktu penyiaran program Cina di suratkhbar Cina, leipi semua kenyataan ini dibuktikan satu penipuan dan fitnah apabila Yang Berhormat dari Kuantan sendiri menyatakan bahawa beliau tidak pernah menerima apa-apa bantahan dari MCA di Parlimen pada 21-6-1991, Jelas sekali Pemuda MCA, Presidennya dan Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya bermain politik talam dua muka iailu membantah dengan garang sekali hanya di suratkhbar Cina tetapi sebenarnya menyokong secara senyap di dalam, Di Parlimen sendiri, saya tidak pernah nampak mereka membuat sebarang ucapan membantah langkah sebegini. Jelas Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya adalah seorang parasii politik. (Tepuk)

Tuan Yang di-Pertua, gelagat ini kian buruk sehingga Timbalan Presiden MCA sendiri, Yang Berhormat dari Hulu Langat, Dato' Lee Kim Sai, tidak tertahan lagi melihat sandiwara politik Pemuda MCA. Dalam satu ucapan di Perhimpunan Pemuda MCA Selangor, beliau mengecam sikap Pemuda MCA—sikap sambil tewa, tidak pcduli dan tidak mengambil berat masalah masyarakat Cina. Malah beliau mengecam Pemuda MCA, dengan izin, 'fu toh ser Wei', berkepala harimau tetapi berekor ular.

Saya berharap MCA boleh lebih berani dan menyalurkan perasaan tidak puas hati masyarakat Cina agar pihak Kerajaan tidak menyalahafsir bahawa semua langkah-langkah ini disokong oleh mereka. Jelas sekali pemimpin-pemimpin MCA, khususnya Pemuda MCA seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Presiden MCA sendiri telah mengkhianati masyarakat Cina mereka kerana tidak berani membantah penyelewengan yang dilakukan oleh Kerajaan. Sekian, terima kasih.

6.37 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, objektif utama RTM (Radio dan Televisyen Malaysia) adalah untuk memberi perkhidmatan penyiaran dalam membina sikap yang progresif di dalam masyarakat yang majmuk dan nilai-nilai yang sesuai sebagai penyokong pembangunan sosio-ekonomi masyarakat yang harmonis, maju dan bersatupadu. Dalam pada itu, siaran-siaran rancangan disiarkan supaya rakyat memahami, berfikir dan melahirkan perubahan-perubahan sikap yang selari dan sejajar dengan kehendak negara.

Dalam mcncapai objektif di atas, RTM bertindak selaku media hiburan, pendidik dan penyampai maklumat yang tepat dan terkini kepada rakyat. Program-program dalam bahasa Cina yang ditayangkan oleh RTM melalui

TV2 dan yang ditayangkan oleh TV3 iaitu stesen-stesen televisyen swasta, adalah semata-mata memenuhi usaha-usaha kepelbagaian untuk mengambilkira selera penonton rakyat Malaysia khususnya dari keturunan Cina.

Drama dan filem yang ditayang adalah semata-mata untuk hiburan sedangkan Berita Bahasa Mandarin adalah untuk memaklumkan kepada mereka di atas perkembangan luar dan tanahair supaya mereka juga mendapat manfaat dari usaha RTM selaku penyebar maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini RTM melalui TV2 menyediakan 5 drama bersiri dalam bahasa Cina, satu program hiburan dan satu tayangan filem Cina setiap minggu, berjumlah 8 jam dan Berita Bahasa Mandarin dibacakan pada setiap hari.

Bagi TV3 pula, ia menyediakan 4 drama bersiri, satu program hiburan dan satu program filem movie setiap minggu, mengambil masa siaran 7 jam dan kalau diperhitungkan kedua-duanya sekali, kita mempunyai 9 drama bersiri setiap minggu, dua program hiburan setiap minggu dan dua movie bahasa Cina setiap minggu.

Kedua-duanya program drama dan filem dan hiburan dalam bahasa Cina berjumlah 15 jam dalam satu minggu. Di samping itu kedua-dua stesen televisyen menayangkan program-program hiburan, drama dan filem tambahan semasa waktu menyambut hari-hari perayaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah ditikirkannya bahawasanya 15 jam seminggu bagi program hiburan sama ada melalui drama dan filem adalah mencukupi, malahan ada di antara masyarakat Malaysia termasuk masyarakat Cina sekalipun merasakan bahawasanya program hiburan yang dihidangkan adalah berlebihan.

Masalah mengalih masa siaran Tuan Yang di-Pertua, adalah sebenarnya masalah pengurusan biasa. Penjadualan atau dengan izin, scheduling, dilakukan setelah dikaji pelbagai aspek oleh pihak pengurusan sama ada oleh pihak TV2 ataupun TV3.

Kedua-dua stesen itu tentunya mahu menggunakan masa yang sesuai bagi program yang sesuai bagi kepentingan stesen masing-masing dan sudah tentu telah mengambilkira selera penonton kerana penonton—saya ulangi, Tuan Yang di-Pertua, penonton adalah pelanggan terpenting dalam industri perfileman, khususnya industri televisyen.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, seharusnya Dewan yang mulia ini tidak mengambil bahagian di dalam urusan penyusunan scheduling oleh mana-mana stesen televisyen. Seharusnya stesen-stesen berkenaan diberi kebebasan untuk menggunakan sistem atau dasar perjadualan mereka sendiri yang mencapai keberkesanan yang optima bagi masa siaran yang terhad untuk satu-satu stesen yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat seharusnya yakin bahawasanya penyusunan penjadualan atau scheduling management, dengan izin, adalah sangat kompleks dalatn crtikata memuasskan selera penonton yang extremely varied, dengan izin, atau sangat luas jurang penerimaan pemikiran, budaya, nilai, moral, taraf inielek dan sebagainya.

Sukacita saya nyatakan bahawa stesen-stesen televisyen di negara banyak mengamalkan semangatbertolak ansur dan mengambil sikap seberapa accommodative, dengan izin, yang tertumpu sama ada RTM ataupun TV3. Stesen-stesen ini memahami sensitiviti dan citarasa masyarakat Malaysia, termasuk keturunan Cina dan merasakan bahawa amalan sekarang adalah bdrsesuaian dengan keadaan semasa.

Dari sudut Kemenlerian Penerangan, saya suka memberi jaminan, Tuan Yang di-Periua, bahawa RTM akan sentiasa peka kepada kehendak umum dan tidak ada rancangan RTM untuk menafikan—saya ulang sekali lagi bahawa tidak ada perancangan RTM untuk menafikan masyarakat keturunan Cina untuk mengikuti program-program hiburan, drama atau filem dalam bahasa Cina. Di samping itu juga, saya mengambil kesempatan ini menyeru kepada masyarakat Cina dan masyarakat Malaysia umumnya di negara ini supaya turut juga mengikuti program-program Bahasa Malaysia agar proses asimilasi dan perpaduan kental dimungkinkan tercapai dalam masa yang sesingkatnya sesuai dengan Wawasan 2020 di mana ketika itu kita merupakan rakyat

Malaysia dari satu bangsa Malaysia bertutur dalam satu bahasa. Kita ketika itu adalah rakyat Malaysia yang bersatupadu, makmur dan maju. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul untuk diputuskan iaitu mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.42 petang.